



قليتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 37 BILANGAN 23

RABU 3 JUN, 1992.

رابعو 2 ذوالحججه 1412

PERCUMA

KEBAWAH DYMM DIJUNJUNG MASUK KE DALAM KA'ABAH

MASJIDIL HARAM, 2 Jun. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Wad-aulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan ahli-ahli kerabat diraja yang lain telah dijunjung memasuki Ka'abah di Masjidil Haram, Mekah Al-Mukarramah.

Baginda dijunjung oleh Ketua Umum Pengurus Masjidil Haram dan Masjid Nabawi, As-Syeikh Muhammad bin Abdullah As-Subayil.

Pintu Baitullah dibuka selepas Sembahyang Fardu Subuh di Arab Saudi hari ini sebagai menandakan 1 haribulan Zulhijah. Para pembesar dari negara-negara lain juga diundang.

Hari ini merupakan satu tarikh yang ditunggu-tunggu oleh umat Islam di seluruh dunia termasuk jemaah-jemaah haji dari Negara Brunei Darussalam, kerana pada hari

ini pintu Ka'abah dibuka untuk kunjungan para tetamu dari luar negeri termasuk dari Negara Brunei Darussalam.

Alhamdulillah boleh dikatakan semua jemaah-jemaah dari negara kita Brunei Darussalam telah dapat menyaksikan sendiri pintu Ka'abah dibuka jam 6.10 minit pagi waktu Arab Saudi, sebaik-baik sahaja selepas Sembahyang Fardu Subuh.

Menurut laporan dari salah seorang pegawai perhubungan haji Negara Brunei Darussalam yang bertugas di sini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam beserta kerabat-kerabat diraja telah dijunjung untuk sama-sama masuk ke dalam Ka'abah bersama-sama dengan pembesar-pembesar negara kita serta juga pembesar-pembesar dari negara-negara lain di seluruh dunia.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sulri Bolkiah, Timbalan Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, ketika berangkat ke Majlis Jamuan Makan Malam sempena Hari Ulang Tahun Ke-31 Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Berangkat sama ke majlis tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Menteri Kewangan. — Gambar oleh Harun Rashid.

Berangkat ke Majlis Jamuan Makan Malam

BERAKAS GARISON, 31 Mei. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sulri Bolkiah, Timbalan Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Jamuan Makan Malam Sempena Hari Ulang Tahun Ke-31 Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) di Mes Pegawai di sini.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sulri Bolkiah dijunjung oleh Pemerintah ABDB, Yang Dimulikan Pehin Datu Indera Setia Mejar Jeneral Dato Seri Paduka Haji Awang Sulaiman dan pegawai-

Oleh
Hj. Ahat Hj. Ismail

pegawai kanan ABDB.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Menteri Kewangan.

Sejurus keberangkatan tiba, lagu kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dinyanyikan.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sulri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul

Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, kemudiannya berangkat ke perkarangan mes untuk menerima junjung ziarah dan seterusnya berkenan beramah mesra dengan para pegawai ABDB.

Selepas itu Duli Yang Teramat Mulia menyempurnakan upacara memotong kek hari ulang tahun ABDB yang merupakan acara kemuncak majlis. Serentak dengan itu,

lagu ulang tahun dinyanyikan oleh anggota ABDB.

Majlis pada malam itu turut diserikan dengan nyanyian daripada artis-artis tempatan serta persembahan tarian-tarian kebudayaan yang dipersembahkan oleh Kumpulan Kebudayaan, Senandung Budaya dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Lihat muka 16

ما نسين ايمان
MANISNYA IMAN

"DAN janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan janganlah kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta mamuliah dengan (berbuat) dosa pada hal kamu mengetahui (salahnya)." — Maksud ayat 188, Surah Al-Baqarah.

Utus tahniah

BANDAR SERI BEGAWAN, 2 Jun. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Wad-aulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Tuan Oscar Luigi Scalfaro, Presiden Itali bersempena dengan Hari Republik negara tersebut hari ini.

Sebagai perusahaan yang viable, berterusan

Seni pertukangan tangan negara perlukan 'demand'

Oleh
Bolhassan HAB

GADONG, 28 Mei. — Pihak komersil di negara ini perlu mengambil peranan yang lebih meluas dan berkesan dalam memasarkan hasil-hasil seni pertukangan tangan negara ini sama ada di dalam mahupun luar negeri.

Dengan yang demikian ia akan dapat memberi peluang pekerjaan kepada bekas-bekas

pelajar Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei dalam bidang itu.

"Saya percaya ini akan dapat memberikan galakan kepada pertumbuhan perusahaan seni pertukangan

tangan di negara ini," jelas Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Dr. Haji Ismail di perasmian Ruang Pameran Diamond Industries (Brunei) Sendirian Berhad yang terletak di bangunan perusahaan di sini.

Bagi menjamin perkembangan seni pertukangan tangan itu, ujar Yang Berhormat, perusahaan seni pertukangan tangan memerlukan

'demand' untuk membolehkannya berkembang sebagai satu perusahaan yang viable dan berterusan.

Yang Berhormat berkata, seni pertukangan tangan sememangnya merupakan salah satu warisan budaya yang harus dipelihara dan ketengahkan senantiasa kerana ia mempunyai corak dan rekabentuk yang halus dan unik keseniannya.

Lihat muka 16

فتيكريت PETIKAN TITAH

DI BIDANG pendidikan yang mengarah keagamaan pula, kerajaan beta melalui Kementerian Pendidikan sedang membuat beberapa rombakan serta mengemaskini seluruh kurikulum sekolah-sekolah, terutama sekali sekolah rendah bagi memastikan bahawa pelajaran tulisan Jawi dan Al-Quran akan diberikan penekanan, supaya pelajar-pelajar dan guru-guru mempunyai kemahiran menulis Jawi dan pandai membaca Al-Quran.

Dititahkan sempena sambutan hari keputeraan baginda ke-45 tahun di Balai Singgahsana, Istana Nurul Iman, pada 15 Julai, 1991.



PELITA BRUNEI
DITERBITKAN PADA HARI RABU

3 JUN. 1992 BERSAMAAN

1412 ذوالحجه، 2

دغن نام الله يغمها
فموره دان مها فبايغ

APA KURANGNYA TENAGA KERJA TEMPATAN?

SUMBER tenaga manusia memainkan peranan penting dalam menentukan arah dan meneruskan pembangunan sosioekonomi sesebuah negara. Bagi negara kita, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengambil langkah positif untuk menghasilkan tenaga kerja tempatan yang berkemahiran dengan mewujudkan institusi-institusi teknikal dan vokasional.

Dalam mengukayahkan pembangunan negara, kita masih lagi memerlukan tenaga-tenaga mahir dan separuh mahir dari luar negeri baik di sektor awam mahupun di sektor swasta. Keperluan ini dirasakan memang wajar memandangkan kita masih kekurangan terutama sekali tenaga yang berkemahiran. Sebagai contoh, daripada 6,000 tenaga mahir hanya 2,000 orang terdiri dari tenaga tempatan. Tetapi apakah kita akan selamanya terus bergantung dan 'berharap' kepada tenaga kerja dari luar untuk membangunkan negara kita. Apakah tenaga kerja tempatan kita tidak berkualiti dan apakah kurangnya tenaga kerja tempatan kita. Persoalan ini perlu kita fikirkan semasa-masanya demi untuk menjamin 'survival' bangsa dan negara kita di masa depan.

Satu realiti yang perlu kita renungkan dari sekarang ialah pembanjaran tenaga kerja dari luar itu akan hanya meningkatkan jumlah pengangguran di negara kita. Di samping itu pembanjaran tersebut sudah tentunya akan serba sedikit menimbulkan permasalahan dan tidak menyelesaikan sosial.

Dalam tempoh lima tahun yang lalu, pertumbuhan tenaga-tenaga kerja di sektor-sektor industri meningkat dengan pesat iaitu daripada 22 ribu dalam tahun 1986 meningkat menjadi 44 ribu tahun 1990. Dari analisa yang terdapat, tenaga kerja di sektor-sektor sedemikian lebih banyak diisikan oleh orang-orang asing berbanding dengan anak-anak tempatan.

Sekali imbas kita melihat bahawa pertumbuhan sektor industri negara ini diikuti serentak dengan pertumbuhan bilangan pekerja-pekerja asing. Pertumbuhan sedemikian itu sebahagianya dapat diterima sebagai wajar apabila tenaga kerja tempatan benar-benar tidak dapat mengisi kekosongan disebabkan kemahiran tenaga kerja tempatan itu sangat terhad.

Walaupun bagaimanapun, tren atau kecenderungan mengambil pekerja-pekerja dari luar atas alasan murah, mudah dan produktif tidak wajar dan sikit untuk berlarutan dalam jangka waktu yang panjang dan secara mutlak dijadikan sebagai alasan. Para majikan perlu memberikan kepercayaan penuh kepada pekerja-pekerja tempatan untuk mengendalikannya kerja-kerja di peringkat 'managerial' dan pengendalian di syarikat-syarikat mereka.

Kita merasa optimis bahawa tenaga tempatan kita memang boleh bersaing dan menandingi tenaga dari luar cuma apa yang diperlukan ialah tenaga tempatan itu seharusnya diberikan peluang dan kepercayaan oleh majikan. Di samping itu para majikan perlulah juga meningkatkan program-program latihan dan bimbingan terhadap pekerja tempatan supaya mereka dapat mengganti pekerja-pekerja asing yang ada. Dalam konteks ini, para majikan seharusnya mengambil inisiatif dari perubahan Melayu yang berbunyi 'Merangkak dahulu baharu berjalan' dalam memberikan peluang dan kesempatan kepada pekerja-pekerja tempatan.

Dalam pada itu, bebauan tidak seharusnya dibebankan semata-mata kepada majikan tempatan. Kita juga penuh berharap agar pekerja tempatan yang berpeluang bekerja di syarikat-syarikat swasta supaya dapat mengubah sikap dan menunjukkan prestasi kerja yang tinggi, dedikasi, penuh disiplin, cemerlang dan lutan sebagai membuktikan bahawa anak-anak tempatan adalah tidak kurang nilai mutu kerjanya dibandingkan dengan pekerja-pekerja asing.

Selain daripada itu, kita mengharapkan agar belia-belia kita mengahapaskan sikap memilih kerja dan tidak menganggap kerja 'kolar biru' suatu yang rendah dan hina. Kerana dengan itu sahaja kita akan dapat mengurangkan fenomena pengangguran di negara kita sekalipun belum sampai ke tahap yang kronik berbanding dengan setengah-setengah negara.

Fenomena bergantung dan bersandar kepada pekerja-pekerja asing itu bukanlah suatu yang sihat dan wajar bagi negara kita. Memang benar kita memerlukan tenaga kerja asing dalam kepastian pembangunan. Dalam masa yang sama mesti ada usaha untuk mengaturnya yang bukan hanya setakat apa yang dilakukan oleh pihak kerajaan menerusi pendidikan yang diselenggarakan dengan kerjasama sumber tenaga manusia, tetapi juga komitmen para majikan tempatan pada mengatasi dengan mempunyai kesedaran bahawa mereka mempunyai tanggungjawab sosial kepada negara.

Di samping itu tenaga kerja tempatan juga perlu mempunyai sikap yang serius terhadap pekerjaan dengan mengutamakan pada menghasilkan perkhidmatan yang cemerlang, dedikasi, efisien dan produktif serta lutan. Dengan gabungan tiga faktor utama ini akan melahirkan lagi usaha-usaha 'nation-building' di Negara Brunei Darussalam, insya-Allah.

Bismillahir Rahmanir
Rahim

ALHAMDULILLAH. segala puji kembali kepada Allah Subhanahu Wataala yang telah mencipta manusia dan melengkapinya dengan dua biji mata, sekeping lidah dan sepasang bibir, lalu mengajarnya bertutur bahasa, dan seterusnya mengajar manusia akan perkara-perkara yang belum diketahui mereka dengan perantaraan qalam, lalu memerintahkannya supaya membaca. Selawat serta salam kita angkatkan kepada junjungan besar kita Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, para sahabat dan pengikut baginda.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Kita semua telah ditakdirkan wujud sebagai satu bangsa yang bernama Melayu. Seperti yang disebutkan di dalam Al-Quran Surah Ar-Rahman, Allah telah mengajar kita berbahasa dan dalam konteks kita ialah bahasa Melayu. Datuk nenek kita telah berusaha membina dan memperkembangkan bahasa Melayu menurut kadar kemampuan yang ada pada mereka, termasuk mencipta berbagai jenis huruf dan sistem tulisan bagi merakamkan perkara-perkara yang dirasakan perlu untuk diwariskan kepada kita. Beberapa batu bersurat telah ditemui di negara ini sebagai bukti sahah akan hal ini.

Fenomena inilah juga yang telah memberi laluan mudah kepada perkembangan agama Islam beserta dengan segala bahan persuratan yang menggunakan huruf Arab. Walaupun huruf Arab itu tidak semuanya perlu untuk merakamkan kesemua bunyi bahasa Melayu, namun sifat bahasa yang kita semua ketahui membolehkan usaha-usaha pengubahsuaian dilakukan oleh datuk nenek kita, sehingga akhirnya kita mempunyai satu sistem tulisan yang cukup lengkap bagi bahasa Melayu, yang sekarang ini dikenali dengan nama tulisan Jawi.

Sesiapa yang meneliti sejarah sudah barang tentu akan

ANTARA langkah tersebut ialah latihan dan siri kursus kemahiran Jawi bagi guru-guru seluruh negara yang sedang dan akan dijalankan sebagaimana yang dinyatakan oleh pengerusi majlis ini tadi. Kementerian ini telah menentukan target iaitu menjelang 31 Disember 1992 ini, insya-Allah, kesemua guru-guru tempatan yang beragama Islam sekurang-kurangnya akan tahu menulis dan membaca Jawi.

mengetahui bahawa nama Jawi itu pada mulanya bukanlah nama bagi tulisan. Sebaliknya adalah nama bahasa kitani. Kitab-kitab tua yang ditulis mulai tahun Masihi 1600 hingga awal abad ini ada mencatatkan bahawa penulisnya telah dititahkan oleh raja atau diamanatkan oleh guru atau ayahnya supaya menterjemah isi kitab Arab ke dalam bahasa Jawi. Hanya pada sekitar awal abad ini sahaja Jawi menjadi nama bagi tulisan. Itu pun untuk wilayah jajahan atau naungan Inggeris.



UCAPAN Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Lalla Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz di Majlis Pelancaran Kursus Pelajaran Jawi Seluruh Negara Bagi Para Pegawai, Guru-guru dan Kakitangan Kementerian Pendidikan pada hari Sabtu 25 April, 1992.

Hadirin dan hadirat yang dihormati,

Kita tidak dapat menafikan betapa besarnya jasa tulisan Jawi bagi umat Melayu. Tulisan Jawi telah membangkitkan umat Melayu sebagai bangsa kreatif. Sejak tulisan ini digunakan, sastera Melayu telah bertukar corak daripada sastera lisan menjadi sastera persuratan. Ribuan naskhah dari berbagai jenis telah berhasil. Kita masih dapat membaca karya-karya keaga-

maan, perubatan, undang-undang, pertukangan, ilmu bahasa dan sastera kreatif, baik prosa mahupun puisi.

Penyalinan telah dilakukan di sana sini. Demikian juga 'pencurian' atau pengambilan tanpa izin. Menurut Munshi Abdullah, kira-kira dua abad yang lalu, kapal 'The Fame' yang bermuatan ribuan naskhah Melayu telah tenggelam dan dengan itu telah menghantar naskhah-naskhah itu ke dasar laut. Kita tidak tahu sama ada peristiwa ini benar-benar suatu kemalangan ataukah satu sabotaj kerana kita hanya mendengar kisah tenggelamnya kapal itu tetapi tidak ada cerita tentang korban jiwa dan muatan selain daripada naskhah Melayu.

Walau apa pun yang berlaku, satu hakikat adalah jelas, iaitu karya yang telah terhasil dan tersurat dengan menggunakan tulisan Jawi tidaklah sedikit jumlahnya. Setengahnya tersimpan di Alam Melayu sendiri manakala setengahnya di Eropah. Hanya Allah yang Maha Mengetahui siapa sebenarnya yang mengizinkan naskhah-naskhah itu dibawa ke sana.

Kalau kita tumpukan perhatian ke Wilayah Borneo kita akan tahu bahawa beberapa buah bandar di pesisir pulau ini telah muncul sebagai pusat penerbitan karya persuratan. Bandar Brunei tidak ketinggalan dalam mendukung peranan ini.

Dari Brunei sendiri telah terhasil beberapa buah karya besar. Antaranya yang layak disebutkan di majlis ini ialah risalah Hukum Kanun, Syair Rakis. Di samping itu beberapa buah karya telah terhasil pada peringkat yang terkemudian, termasuk beberapa buah syair karya Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien. Semuanya itu pada asalnya tertulis dengan huruf-huruf Jawi. Kesemua yang saya sebutkan ini jelas menjadi bukti yang sah mengenai jasa tulisan Jawi dalam bidang persuratan kita.

Tuan-tuan dan Puan-puan, Semua orang sedia maklum sebahagian besar huruf-huruf Jawi adalah melambangkan bunyi-bunyi bahasa Arab yang di antaranya menjadi bacaan dalam ibadah yang wajib seperti sembahyang dan haji. Akibat kegagalan menguasai tulisan Jawi, ramai di antara kita yang gagal menyebut bunyi huruf Arab dengan betul sehingga boleh menjejaskan makna sebenarnya. Tidak syak lagi hal ini boleh mencacatkan ibadah kita. Allah menjadikan lidah kita ini sama lembutnya dengan lidah bangsa lain. Jika kita mampu menyebut bunyi-bunyi bahasa Inggeris atau Perancis dengan baik, walhal kedua-dua bahasa ini bukan bahasa ibunda kita, tidak ada sebab mengapa kita tidak mampu menyebut bunyi-bunyi Arab dengan baik. Lebih-lebih lagi kata-kata yang terbit selalu kita sebut di dalam ibadah agama kita. Penguasaan tulisan Jawi akan dapat menolong kita memperbetulkan sebutan-sebutan yang salah dan seterusnya dapat memisahkan lagi ibadah kita.

Sudah menjadi lumrah alam, bahawa roda sejarah terus berputar. Mana-mana yang pada satu ketika dahulu berada di atas, pada ketika yang lain boleh berada di bawah. Ini tidak sahaja melibatkan bangsa manusia, bahkan minat dan sikap mereka. Bangsa kita juga tidak terlepas daripada hukum ini. Antara kita sendiri yang sudah hilang minat terhadap tulisan Jawi kian ramai bilangannya kerana kita termanak pengaruh Rumi. Segala yang berlandaskan tulisan Rumi diberikan nilai ekonomi yang tinggi. Segala warisan ilmu dan falsafah yang dirakamkan dengan tulisan Jawi diberi nilai ekonomi yang rendah.

LIHAT MUKA 5

٢٥ تاهون "ككل قارال ممريننه دأٲس تحت

"25 TAHUN" KEKAL QARAL MEMERINTAH DI ATAS TAKHTA

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KAYA DENGAN ADAT ISTIADAT

NEGARA Brunei Darussalam dari dahulu lagi memang terkenal sebagai sebuah negara yang kaya dengan adat istiadatnya. Kita begitu bangga dengan adat istiadat kita tersendiri, unik lagi mempesonakan.

Jadi sebagai sebuah negara yang mempunyai adat istiadatnya yang tersendiri maka perayaan Jubli Perak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan dimulakan dengan Majlis Membuka Gendang Jaga-Jaga, insya-Allah.

Hal ini telah dinyatakan oleh Pengerusi Tertinggi sambutan itu, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin pada awal Januari lepas.

Majlis Membuka Gendang Jaga-Jaga merupakan satu isyarat permulaan bagi mengadakan keramaian, istiadat serupa ini memang sudah menjadi adat bangsa kita sebagai mencerminkan kemurnian budi bahasa orang-orang Brunei yang begitu halus, sopan dan saling galat-menggalati.

Bumi Darussalam yang aman sejahtera ini memang kaya dengan adat istiadatnya yang mana adat istiadat itu adalah merupakan salah satu cabang kebudayaan bangsa kita.

Salah satu daripada ukuran yang menentukan tinggi rendahnya sesuatu bangsa itu dapatlah ditinjau dari segi kebudayaan, dan ini dengan sendirinya termasuklah adat istiadat.


Kita begitu megah dengan adat istiadat kita di mana nilai-nilai murni begitu tertonjol di samping memperlihatkan perpaduan yang erat di kalangan para penduduk.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan merasmikan Kursus Wazir-Wazir, Cheteria-Cheteria dan Menteri-Menteri termasuk Menteri-Menteri Pedalaman pada 22 Jun, 1968 berititah mengenai adat istiadat ini dengan menekankan :

"Laila adat istiadat adalah sebahagian daripada kebudayaan yang biasanya diamlkan dan menjadi kebanggaan oleh sesebuah negara, lebih-lebih lagi negara kita Brunei yang sedia laila subur dengan adat istiadat dan kebudayaannya. Apa-apa yang merupakan kebudayaan itu adalah terkandung ke dalam pengertian adap di peristiadatkan. Brunei dalam soal ini ialah sebuah negara yang tua, yang cukup indah dalam sejarah mempunyai adat istiadatnya yang rapus laila teratur."

Malah dalam pentadbiran pun bahawa salah satu badan yang penting ialah Majlis Mesyuarat Diraja yang ditubuhkan dengan kuasa Perlembagaan Negeri Brunei Bab 6 Ceraian 1 (b) yang berfungsi majlis itu ialah "tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis menasihatkan Sultan tentang lantikan orang-orang ke pangkat-pangkat gelaran, kehormatan-kehormatan dan kebesaran adat istiadat Melayu, dan yang menentukan pekerjaan yang berhubung dengannya."

Bercakap tentang adat istiadat ini maka tergambar kepada kita tentang peralatan diraja yang dikehendaki lebih-lebih lagi ketika baginda dipuspakan pada 1 Ogos, 1968.



Dalam istiadat berpuspa, peralatan diraja itu ada yang dipegang, disahan ataupun dibawa dan juga dijaga oleh pejawat-pejawat yang berpakaian sependagak lengkap.

Peralatan-peralatan diraja itu adalah pesaka turun-temurun keluarga diraja Brunei sejak awal kurun kelima belas Masihi dari Sang Ajai melalui anakandanya Sultan Muhammad, Sultan Islam Brunei yang pertama.

Peralatan diraja yang digunakan sewaktu istiadat perpuspaan itu termasuklah Kucing Emas dan Tongkat Ajai yang menjadi sebahagian dari lambang-lambang kedaulatan Brunei yang digunakan baginda dan kerajaan baginda.

Kucing Emas ini telah dijalinan dalam bendera peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam manakala Tongkat Ajai yang berupa dua belah tangan yang menantangi itu pula dijalinan dalam bendera Negara Brunei Darussalam.

Tongkat Ajai itu adalah juga diperbuat daripada emas dan ianya simbol penyambut ajai atau dagu Sultan pada masa baginda memakai mahkota waktu dipuspakan.

Kucing Emas diletakkan berhampiran dengan kaki sultan pada masa dipuspakan sebagai suatu alat kebesaran diraja untuk menjadi lambang kegagahan perkasa kerajaan baginda.

Di samping itu alat terpenting dalam istiadat berpuspa ialah sebilah keris pendek yang dinamakan Sinaga. Keri ini menjadi tanda penyerahan kerajaan dari seorang Sultan kepada seorang Sultan.

OLEH MOHD. SALLEH ABDUL LATIF

Semasa bersemayam di atas singgahsana Patarana baginda bersandar pada sebuah bantal kuning yang dinamakan Sugara Ratna. Sugara Ratna ini bertampukkan emas, berbentuk lapan persegi dan juga digunakan sebagai alat penyandaran oleh baginda dalam perjalanan di usungan diraja.

Nanglong diletakkan dalam patarana kerajaan berhampiran Kasur Namat untuk baginda bersemayam. Kasur Namat itu bertepikan emas dan berbuahkan bangkal emas. Ianya digunakan sebagai alas duduk baginda.

Dua buah Kindua digunakan dalam istiadat berpuspa. Satu diletakkan di patarana dan satu lagi di tengah-tengah Lapau.

Payung Diraja yang digunakan dalam istiadat berpuspa itu berupa payung berwarna kuning berkemuncakkan emas dan berumbi-rumbi dengan buah emas.

Lain-lain peralatan diraja ialah Tumbak Tunggal, Pedang Tunggal, Perisai Tunggal. Senjata-senjata diraja ini bersarungan emas manakala Perisai Tunggal itu berakhir dengan kalimah daripada emas.

Enam belas batang Tumbak Berdarangan, 15 bilah pedang dan 16 buah perisai adalah juga menjadi peralatan dalam istiadat berpuspa. Tumbak Berdarangan itu berkemuncak dan bersarungan perak manakala pedang itu pula sarungnya bersampakkan perak dan perisai itu diperbuat daripada

tembaga berukir dengan kalimah.

Cangkah emas juga merupakan salah satu alat perpuspaan. Pemuras atau senapang besar, Kampilan dan Kalasak yang berbentuk seperti Utal, Kasur, Sinipit, Kelalang dan cangkah biasa adalah antara peralatan-peralatan lainnya yang dapat kita lihat dalam istiadat berpuspa.

Peralatan diraja yang mempunyai nama-nama tersendiri itu sahaja menunjukkan bahawa negara kita kaya dengan budaya dan adat resamnya. Tinggi budi bahasanya, sopan santun tutur katanya.

Peralatan diraja yang bercirikan nilai-nilai seni asli unik dalam adat istiadat kita setentunya akan digunakan ketika kemuncak perayaan Jubli Perak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta iaitu perarakan mengelilingi Bandar Seri Begawan pada 5 Oktober yang akan datang ini.

Perarakan ini akan memperingatkan rakyat dan penduduk negara ini kepada perarakan yang diadakan ketika baginda dipuspakan pada 1 Ogos, 1968.

Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Jubli Perak Baginda Menaiki Takhta bersepadu menyatakan perarakan mengelilingi Bandar Seri Begawan pada 5 Oktober depan akan diadakan dengan penuh adat istiadat di samping ianya memberi peluang kepada generasi muda yang belum pernah menyaksikan perarakan ini.

Perarakan yang penuh adat istiadat ini akan dapat menanamkan dan mengukuhkan lagi ketaatan rakyat dan penduduk negara ini kepada baginda yang juga adalah selaku Kepala Adat Istiadat Negara Brunei Darussalam.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pembangunan, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Hidup selaku wakil peribadi Menteri Pembangunan menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta yang mengikuti Kursus Latihan Binaan Bangunan.

Meningkatkan kemahiran pertukangan tenaga pekerja dalam berbagai bidang

Oleh
Abd. Karim HAB

BERAKAS, 26 Mei. — Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Dr. Haji Ismail menekankan, usaha-usaha ke arah peningkatan kemahiran pertukangan tenaga kerja seperti juga proses pembangunan, tiada penghujungnya kerana semakin tinggi kemahiran pertukangan kita, semakin tinggi pula 'expectation' orang kepada mutu hasil pekerjaan kita.

Malah 'expectation' itu boleh meningkat sehingga seperti mana yang terjadi di negara-negara maju, mutu pertukangan itu boleh mencapai ke satu tahap di mana hasilnya itu seumpama hasil

seni dan memberikan 'advantage' atau kelebihan dari segi produktiviti yang tinggi.

"Ini memerlukan kita merancang program-program latihan yang sesuai untuk meningkatkan kemahiran pertukangan kita," tegas Yang Berhormat.

Berasaskan kepada keperluan itu, Yang Berhormat menjelaskan, Kementerian Pembangunan telah melaksanakan beberapa program dan kegiatan yang bertujuan meningkatkan kemahiran pertukangan pekerja dalam berbagai bidang.

Kursus-kursus yang dikenal-dalikan itu merupakan peluang keemasan bagi kakitangan dan pekerja-pekerja lepasan sekolah yang oleh sebab-sebab tertentu tidak pernah menjalani sebarang kursus teknikal untuk menjalani latihan teknikal yang formal atau teratur.

Menurut Yang Berhormat, selain bertujuan memperbanyakkan lagi kakitangan dan pekerja berkemahiran dalam industri pembinaan di negara ini, program-program latihan itu juga bertujuan membukakan peluang yang lebih luas bagi para peserta yang berjaya.

Kelulusan dari kursus-kursus itu, kata Yang Berhormat, akan membolehkan para pegawai dan kakitangan yang berkebolehan untuk mengambil peperiksaan bagi kelulusan yang lebih tinggi seperti 'City & Guilds' yang sering diperlukan sebagai salah satu syarat untuk jawatan-jawatan tertentu.

"Walau bagaimanapun, hendaklah difahami oleh peserta-peserta yang boleh berjaya walaupun kebuluteraan dari kursus-kursus itu akan membuka peluang pekerjaan yang lebih lumayan bagi mereka, ianya sekali-kali tidak bermakna mereka dengan sendirinya akan terpilih untuk menjawat jawatan-jawatan selanjutnya kerana kenaikan kenaikan jawatan itu adalah bergantung kepada pertimbangan-pertimbangan lanjut lagi seperti kecenderungan dan semangat kerja, keupayaan bekerja dalam pasukan (teamwork), mempunyai ciri-ciri kepimpinan dan sebagainya," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat menyatakannya dalam ucapan yang dibacakan oleh Setiausaha Tetap di Kementerian Pembangunan, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Hidup, wakil peribadi Yang Berhormat, di Majlis Penyerahan Sijil Kursus Latihan Binaan Bangunan anjuran Unit Bimbingan dan Pembangunan Bumiputera, Kementerian Pembangunan sempena 'Hari Tenaga Manusia Mahir 1992' di Pusat Ujian Kemahiran Kerja dan Latihan, Kementerian Pembangunan di sini hari ini.

Yang Berhormat seterusnya mengharapkan, kemahiran yang dipelajari semasa berkursus akan membolehkan para peserta untuk melatih dan mengawasi para pekerja lain di bawah jagaan mereka kerana pengawasan kerja-kerja bermutu itu sentutnya memerlukan pengawas itu terlebih dahulu mempunyai pengetahuan yang menyeluruh dalam aspek-aspek kemahiran pertukangan.

Bagi para pekerja yang akan bersara, kursus-kursus seperti itu, kata Yang Berhormat mungkin diadakan untuk membolehkan mereka yang berminat membuka perusahaannya sendiri dalam industri pembinaan.

"Diharapkan para peserta akan menunjukkan contoh dan teladan yang baik khususnya dari segi peningkatan mutu kerja untuk mencerminkan kepada rakan-rakan sejawat kejayaan yang telah mereka capai melalui kursus-kursus mereka itu. Kita perlu sedar dengan adanya program-program latihan ini, para pengguna juga akan mempunyai harapan agar mutu hasil pekerjaan kita itu akan meningkat untuk memenuhi 'expectation' mereka," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat, jika program-program latihan itu berjaya dan dengan adanya kemampuan yang lebih tinggi, besar kemungkinan kursus-kursus seumpama itu akan dapat dikendalikan bagi faedah para pemborong bumiputera yang kecil pada masa akan datang supaya mereka juga akan dapat melaksanakan kerja-kerja yang lebih bermutu.

JKKK Perumahan Negara Lambak Kanan ditubuh Bertujuan mewujudkan k'sama, permuafakatan kalangan penduduk

Oleh
Abd. Karim HAB

BERAKAS, 24 Mei. — Para penduduk Kampung Perumahan Negara Lambak Kanan telah melantik sebuah Jawatankuasa Kemajuan dan Kebajikan Kampung (JKKK) di majlis mesyuarat yang berlangsung hari ini di Sekolah Rendah Dato Marsal di sini.

Dalam jawatankuasa itu, Pegawai Daerah Brunei-Muara dan Pengarah Kemajuan Perumahan telah dilantik selaku penasihat bersama. Manakala Awang Ismail bin Apeng pula sebagai pengerusi.

Senarai penuh jawatankuasa itu adalah seperti berikut:

Timbalan Pengerusi, Awang Haji Suhaili bin Haji Umar; Setiausaha, Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Haji Sarpudin; Penolong Setiausaha I, Pengiran Omar bin Pengiran Besar; Penolong Setiausaha II, Awang Haji Suhaili bin Haji Tarip; Bendahari, Awang Haji Sulaiman bin Puteh; Penolong Bendahari, Pengiran Haji Ismail bin Pengiran Haji Hidup; Pegawai Kebajikan/Sosial, Awang Haji Wahab bin Haji Tengah; Penolong Pengawas Kebajikan/Sosial, Awang Haji Malek bin Haji Awang Tengah; Pengawas Keagamaan/Pendidikan, Awang Haji Abd. Wahab bin Begawan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Haji Metassin; Penolong Pengawas Keagamaan/Pendidikan, Awang Haji Rosli bin Haji Bolaji.

Manakala jawatankuasa biasa dan pembantu mereka akan dilantik kemudian.

Mesyuarat itu telah dirasmikan oleh Pegawai Daerah Brunei-Muara, Dato Paduka Awang Othman bin Awang Damit.

Pengerusi sementara

kawasan dan kesejahteraan para penduduk.

"Penubuhan JKKK ini akan memudahkan lagi urusan-urusan yang bersangkut-paut dengan hal ehwal penduduk kampung di kawasan ini sesuai dengan tujuan berke-naan," tegas beliau.

Menurut beliau, beberapa kegiatan telah disusun untuk diungayahkan. Antaranya termasuklah majlis sambutan korban sempena Hari Raya Aidiladha, sambutan perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-46 tahun pada 15 Julai dan sambutan Jubli

Perak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Kekal Qaral Memerintah Di Atas Takhta pada 5 Oktober depan serta penubuhan pasukan Pengawasan Kejiranan Kampung.

Lebih 200 orang menghadiri mesyuarat itu termasuk Timbalan Pengarah Kemajuan Perumahan, Awang Haji Md. Taib bin Haji Md. Said, para pegawai kanan Jabatan Daerah Brunei dan Muara, penghulu dan ketua-ketua kampung Mukim Berakas.

Terdahulu, majlis itu telah dimulakan dengan bacaan ayat-ayat Al-Quran oleh Awang Haji Rosli bin Haji Bolaji.

Lakukan penilaian sekolah secara objektif dan kritikal

Oleh
Dk. Saidah POA

KUALA BELAIT, 23 Mei. — Bagi menilai sesebuah sekolah itu para guru hendaklah menilainya dengan secara objektif dan kritikal supaya segala perkara yang perlu diperbaiki akan dapat diambil tindakan.

Penolong Pengarah Bahagian Pelajaran Rendah, Pengiran Hajjah Hairani binti Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Kahar berkata kerja menilai ini bukanlah kerja seorang tetapi kerja berkumpulan yang perlu dipereratkan dan diperkuatkan supaya semua usaha itu akan membuahkan hasil yang baik.

Pengiran Hajjah Hairani berkata demikian ketika membuka rasmi Bengkel

Penilaian Sekolah (akademik) yang diadakan di Dewan Serbaguna Sekolah Rendah Ahmad Tajuddin di sini.

Beliau menambah melalui kesempatan untuk menilai sekolah ini cikgu-cikgu akan boleh menilai sama ada usaha-usaha mereka itu berjaya ataupun tidak berdasarkan perkumpulan maklumat.

"Memang kita akui walau sebanyak manapun kita berusaha kalau sekiranya apa yang kita usahakan itu tidak membuahkan hasil kita akan

merasa kecewa," katanya.

Dari itu beliau berharap bengkel tersebut akan mendatangkan manfaat kepada para peserta.

Dalam ucapan Guru Besar Sekolah Rendah Muhammad Alam, Setia yang juga selaku pengerusi bengkel, Awang Bujang bin Haji Nudin menjelaskan sesebuah sekolah tidak akan dapat ditadbir dengan begitu baik dan teratur oleh seorang guru besar tanpa adanya kerjasama yang diberikan oleh penolong guru besar, guru kanan, guru-guru serta kakitangan dan murid-murid di sesebuah sekolah itu.

"Dengan adanya kerjasama dan tolak ansur di antara

beberapa pihak sesebuah sekolah itu dapat dirancang dan dijalankan dengan begitu baik dan sempurna sama ada dari segi pembelajaran murid dan pengajaran guru," tegasnya.

Bengkel selama sehari anjuran Jawatankuasa Guru Besar dan Penolong Guru Besar Sekolah-sekolah Rendah Daerah Belait itu adalah bagi mendedahkan kepada para peserta apa yang dimaksudkan dengan penilaian sekolah di samping memberi mereka pengalaman berbengkel.

Seramai 64 peserta yang terdiri dari penolong guru besar dan guru-guru kanan sekolah-sekolah rendah di Daerah Belait menghadiri bengkel tersebut.

Kerajaan sentiasa pemedulian terhadap kebajikan orang ramai

Oleh
Aliddin HM

BENGKURONG, 29 Mei. — Pengarah Penerangan, Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah berkata, projek memucang-mucang bagi mendirikan rumah baru menunjukkan sikap pemedulian yang diberikan oleh pihak kerajaan termasuk agensi-agensi kerajaan dan anak-anak buah kampung terhadap kebajikan dan kesejahteraan orang ramai di negara ini.

Penglibatan orang ramai khususnya masyarakat mukim dan kampung, tambah Awang Haji Hazair juga mencerminkan bahawa membuat perkara-perkara yang berkebakaran adalah merupakan satu budaya hidup yang telah menjadi identiti masyarakat Brunei. Cara hidup seperti ini perlu terus dihidupkan dan dihayati oleh generasi muda.

Pengarah Penerangan, Awang Haji Hazair berucap demikian di Majlis Pelancaran Kerja Memucang-mucang Bagi Membina Sebuah Rumah Seorang Balu, Dayang Fatimah binti Bungsu di Simpang 254 Jalan Sinarubai di sini hari ini.

"Dalam membuat persiapan sebelum memulakan projek, kita juga telah menengahkan unsur-unsur permuakarah sama ada di peringkat kerajaan dengan orang ramai mahupun di antara ketua kampung dengan anak-anak buah kampung, yang jelas di sini ialah permuakarah telah wujud dan diamalkan di antara pihak-pihak dalam kerajaan dengan orang ramai dalam ertitika yang lain ialah di

yang mendatangkan faedah kepada semua pihak.

Awang Haji Hazair menyeru supaya amalan memucang-mucang dan kerjasama di kalangan masyarakat kampung dengan pimpinan ketua kampung hendaklah sentiasa dihidupkan dan diamalkan di dalam kehidupan masyarakat kampung. Cara hidup seperti ini adalah merupakan satu penyumbang utama ke arah mewujudkan sebuah negara yang bersatu padu dan harmoni.

Terdahulu dari itu, Pegawai Penerangan, Awang Haji Sulaiman bin Haji Abd. Wahab telah menjelaskan mengenai projek bagi membina sebuah rumah bagi

Dayang Fatimah binti Bungsu dan keluarganya yang mana projek ini telah dikendalikan sepenuhnya oleh Jabatan Penerangan dengan kerjasama daripada Majlis Ugama Islam melalui Baitul-mal yang memberikan sumbangan besar bagi mendirikan rumah tersebut. Sementara Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan juga turut menyumbangkan perkhidmatannya.

Projek membina rumah ini telah dikerjakan secara bergotong-royong oleh para pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan, Majlis Ugama Islam dan orang kampung di sekitar kawasan tersebut.



PENGARAH Penerangan, Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah (memakai cap berwarna hitam) ketika menjadi tetamu kehormat di Majlis Pelancaran Kerja Memucang-mucang Bagi Membina Sebuah Rumah Seorang Balu, Dayang Fatimah binti Bungsu. — Gambar oleh Masmalah HMA.

Kerjasama baru terus dipertingkatkan

SINGAPURA, 22 Mei. — Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimulikan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Haji Othman berkata semenjak MOU dalam bidang penyiaran di antara Negara Brunei Darussalam dan Singapura ditandatangani, kedua belah pihak telah dapat merangka dan melaksanakan kerjasama baru di samping mengukuhkan kerjasama yang sedia ada.

Kedua buah stesen RTB dan SBC, jelas Yang Dimulikan, telah dapat memainkan peranan untuk menambah erat lagi hubungan persahabatan di antara kedua negara, yang mana persahabatan yang erat itu adalah berasaskan kepentingan bersama dalam banyak bidang.

Yang Dimulikan berkata demikian di Upacara Pembukaan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal, Bersama Radio Televisyen Brunei dan Perbadanan Penyiaran Singapura yang berlangsung di sini hari ini.

Dalam hal tersebut, tegas Yang Dimulikan, kedua buah negara sangat beruntung mempunyai pemimpin-pemimpin yang berpancang jauh dan dapat melihat dengan jelas betapa hubungan yang erat dan sedia ada harus sentiasa dipupuk, dikembangkan dan ditingkatkan dari sekarang.

Semua itu bermula, jelas

Yang Dimulikan, adalah dari saling mengenali antara satu sama lain, memahami aspirasi masing-masing dan saling harga-menghargai serta menghormati bukan sahaja ciri-ciri persamaan bahkan juga ciri-ciri perbezaan yang dimiliki oleh kedua buah negara.

Singapura yang memang telah lama dikenali oleh masyarakat Brunei terutama menerusi kegiatan-kegiatan di banyak tempat di sana seperti Geylang Serai, Arab Street, Jawa Road dan sekarang yang lebih terkenal di kalangan masyarakat Brunei ialah Orchard Road di mana terdapatnya pusat membeli-belah yang terkenal, jelas Yang Dimulikan.

Di peringkat pemimpin dan pegawai interaksi formal dan non-formal di antara kedua pihak sudahpun terjalin hubungan yang menjadikan hubungan kedua negara ke tahap yang ada sekarang, jelasnya.

Dalam hubungan inilah, tegas Yang Dimulikan, mesyuarat kedua Jawatankuasa Teknikal Bersama RTB-SBC dirasakan sangat penting untuk merangka bentuk-bentuk penerbitan rancangan radio dan tv bersama atau penerbitan-penerbitan dari masing-masing stesen yang dapat saling ditukarkan.

Walau bagaimanapun jelas Yang Dimulikan, Negara Brunei Darussalam ketika ini ingin terlebih dahulu melihat

Lihat muka 16

Tulisan Jawi berjasa bangkitkan umat Melayu sebagai bangsa kreatif

Dari muka 2

Dalam usaha untuk mengembalikan balik kegemilangan tulisan Jawi dan menzahirkan identiti bangsa kita yang telah merdeka lagi berdaulat ini sudah sepatutnya usaha memancarkan warisan bangsa kita dipertingkatkan. Amatlah mendukacitakan bagi kita jika perkara ini diabaikan. Dalam hubungan inilah, kementerian ini mengambil langkah positif ke arah memperkembangkan dan memperderaskan penguasaan pengetahuan dan kemahiran Jawi di kalangan guru-guru di negara ini, sebagai menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang dititahkan semasa di pertandingan membaca ayat suci Al-Quran peringkat kebangsaan di Bandar Seri Begawan pada 14 Januari, 1991 yang menitahkan betapa pentingnya kita semua rakyat baginda menguasai segala kemahiran Jawi.

Pada hakikatnya Kementerian Pendidikan alhamdulillah telah menjalankan usaha ke arah kemahiran dalam tulisan Jawi sejak awal tahun 1980-an lagi. Usaha-usaha yang sudah, sedang dan yang akan diusahakan pada masa ini hanyalah merupakan penerusan bagi

meningkatkan lagi usaha yang sudah dijalankan.

Antara langkah tersebut ialah latihan dan siri kursus kemahiran Jawi bagi guru-guru seluruh negara yang sedang dan akan dijalankan sebagai mana yang dinyatakan oleh pengurusan majlis ini tadi. Kementerian ini telah menentukan target iaitu menjelang 31 Disember, 1992 ini, insya Allah, kesemua guru-guru tempatan yang beragama Islam sekurang-kurangnya akan tahu menulis dan membaca Jawi. Sementara lain-lain guru tempatan dan guru-guru dalam perkhidmatan kontrak adalah setakat yang digalakkan sebagai optional bagi mereka yang suka sahaja. Bagi menekankan pentingnya pelajaran tulisan Jawi ini, saya sukacita memaklumkan bahawa tidak lewat dari tahun 1994, sebilangan jawapan dalam kertas peperiksaan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dalam peperiksaan PCE akan diwajibkan dijawab dalam tulisan Jawi, sementara sebilangan jawapan dalam kertas Bahasa Melayu bagi peperiksaan BJCE akan diwajibkan dalam tulisan Jawi akan dilaksanakan dalam kertas jawapan ini, apabila 1997. Dalam pada itu, apabila kemahiran dalam Jawi telah tercapai. Dengan izin Allah, maka semua mata pelajaran agama akan diajar dengan tulisan

Jawi, selaras dengan Usaha Kementerian Hal Ehwal Ugama yang sedang mengusahakan penerbitan buku-buku agama dari Rumi ke Jawi. Saya juga ingin melihat pada suatu masa nanti, jenis-jenis tulisan Jawi yang digunakan akan diselaraskan supaya jenis tulisan Jawi yang digunakan adalah seragam dan tanpa menyinkirkan sumber-sumber serta pengaruh Islam.

Melalui kesempatan di majlis ini saya ingin menyeru kepada guru-guru yang diwajibkan untuk mengikuti kursus-kursus yang diwajibkan akan mengikutinya dengan penuh semangat dan tanggungjawab serta komited. Moga-moga dengan perancangan yang rapi dan kursus perlaksanaan yang sempurna serta gigit dari peserta-peserta kursus, saya berdoa dengan penuh yakin bahawa tidak ada sesiapa akan tercicir dalam mengikuti kursus ini.

Pada peringkat ini marilah kita sama-sama berdoa ke hadirat Allah Subhanahu Wataala yang telah menghidupkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Wadudaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menitahkan supaya tulisan

Jawi ini dibenarkan-benari terutama sekali bagi guru-guru yang mana titah baginda Yang Di-Pertuan ini telah sekurangnya menjadi catalyst serta satu ketegasan pimpinan. Semoga baginda akan berkecuali mendapat petunjuk dan hidayah, aamin.

Kursus ini insya Allah, saya seterusnya berseru supaya semua guru-guru di negara ini akan merebut peluang mengikuti kursus ini dan menggunakan kemudahan-kemudahan yang diberikan.

Berangkap mengenai dengan kemudahan yang dinikmati oleh penduduk di negara ini terutama dalam bidang pendidikan, Kementerian Pendidikan adalah sentiasa berusaha insya Allah untuk memberikan peluang yang seluas-luasnya mengikut keupayaan bagi penduduk di negeri ini untuk melanjutkan pelajaran mereka ke institusi tinggi di negara ini. Antara usaha tersebut pada misalnya, ialah memberikan peluang kepada pelajar dan penduduk terata, stales dan anak-orang-orang asing di dalam dan luar negeri untuk melanjutkan pelajaran di peringkat prauniversiti di Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah dengan diiktirafkan yuran penuh dengan memastikan ianya tidak akan menjejaskan kemasukan rakyat

Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang berkelayakan. Maka, dalam hubungan ini, pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, saya sukacita memaklumkan bahawa mulai sesi 1991-1992 ini, penuntut bukan rakyat yang ingin melanjutkan pelajaran mereka di Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah akan dikenakan yuran bayaran mengikut kadar-kadar yang telah ditentukan.

Rational peluang ini dibuka ialah setelah mengambil kira keperluan anak-anak yang ibu bapa atau penjaga mereka bukan rakyat, iaitu sama ada yang tergolong sebagai kakitangan kerajaan mahupun pihak swasta; yang mana tenaga luar seperti ini mungkin mempunyai sumbangan ke arah perkembangan ekonomi negara. Kelonggaran seperti ini barang seketunya akan meringankan beban mereka.

Sebelum mengakhiri ucapan ini saya ingin menyampaikan penghargaan setinggi-tingginya kepada ahli-ahli Jawatankuasa Induk dan Jawatankuasa Kerja Kursus Jawi Kementerian Pendidikan, termasuk anggota UBD, istimewa kepada pegawai yang terlibat dalam mengum-

pul dan menyediakan berbagai jenis bahan, untuk kursus dan juga untuk pameran yang diadakan sempena upacara pelancaran ini. Saya difahamkan bahawa persediaan untuk pameran ini telah dibuat dalam jangka waktu yang amat singkat. Namun demikian hasil usaha mereka itu kita dapat menyaksikan pelbagai hasil mengenai sejarah dan perkembangan, serta karya dalam berbagai bidang ilmu yang terakam dalam tulisan Jawi. Ini adalah satu contoh kegigihan bekerja yang patut diteladani oleh semua orang. Untuk tiap seorang yang terlibat dalam menjayakan perkara ini saya ingin merakamkan penghargaan istimewa.

Dengan sekali lagi merakamkan puji kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wataala salam kepada junjungan kita Muhammad Abdullah Sallallahu Alaihi Wasallam, dengan kalimah Bismillahir Rahmanir Rahim sukacita merasmikan Pelancaran Siri Kemahiran Jawi Seluruh Negara Bagi Pengajar Di Bawah Kementerian Pendidikan dan Pameran Bahan Persuratan Jawi Kementerian Pendidikan.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu-alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS . . . Siri ke-642

TANDA-TANDA HAMPIR KIAMAT

PERKHABARAN RASULULLAH SALLALLAHU ALAIHI WASALLAM AKAN ORANG-ORANG RENDAH UMUR ITU DAN KURANG AKAL ITU ADA SIFAT-SIFAT LAIN SEPERTI MEMBUANG JANGGUT, MEMBUNUH UMAT ISLAM, PECAH AMANAH DAN KHIANAT, SUKA SANGAT MENYERUPAI ORANG KAFIR, BERSIFAT ORANG FASIQ, MENYERU CAMPUR GAUL YANG HARAM DAN LAIN-LAIN.

ORANG-ORANG MUDA YANG KURANG AKAL YANG MULHIDIIN ITU MEMBUNUH ORANG ISLAM DAN MEMBIARKAN AHLI PENYEMBAH BERHALA.

BEGITU juga Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah menisfatkan mereka bahawa mereka membunuh umat Islam dan membiarkan ahli penyembah berhalal.

Diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari dan Muslim dan Abu Daud dan An-Nasa'i dari hadis Abu Sa'id Al-Khudri bahwa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang bermaksud :

"Bahawa suatu masa lepas masa saya ada satu kumpulan membaca Quran tiada lebih dari halqum mereka (tiada beriman), mereka membunuh orang Islam dan membiarkan orang-orang menyembah berhala, mereka keluar meloncat dari agama Islam, sebagaimana keluar meloncat anak panah dari mangsa dan matlamatnya. Demi jika saya jumpa mereka, maka saya bunuh mereka sebagai orang-orang membunuh kaum Ad dahulukala itu."

Orang-orang Mulhidiin itu menyuruh orang membuat mungkar dan derhaka kepada Allah dan menegah orang dari berbuat perkara makruf yang disuruh oleh agama, dan Sunnah Rasulullah pada orang-orang Mulhidiin itu menjadi bida'ah dan perkara bid'ah menjadi sunat pada mereka.

Diriwayatkan oleh Al-Imam Razain Al-Abdari dari hadis Sayidina Ali Alaihissalam daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang bermaksud :

"Bagaimana kamu apabila disuruh kamu buat mungkar dan larangan Allah, dan kamu ditegah dari berbuat perkara makruf yang disuruh Allah?"

Mereka sahabat berkata Ya Rasulullah : Adakah itu demi akan berlaku? Sabda Baginda : Ya akan berlaku. Maka orang-orang Mulhidiin yang keluar dari Islam itu menyuruh berbuat mungkar iaitu perempuan keluar dengan terdedah, dan mereka pergi ke panggung wayang dan tempat-tempat kejahatan dan mendirikan pati-pati dan majlis-majlis yang haram, dan mereka menegah dari mendirikan sembahyang dan zikirullah dan membaca wirid dan lain-lain sebagaimana sudah berlaku di Negara Maghribi itu.

ORANG-ORANG MUDA YANG KURANG AKAL YANG MULHIDIIN MENYAKITI DAN MENGHINA ORANG ISLAM.

Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah mengkhabarkan segala perbuatan mereka dan menyakiti mereka dan menghina mereka akan orang Islam yang berpegang dengan ajaran Islam dan yang menjunjung titah Allah dan menjauhi larangan Allah Taala.

Telah diriwayatkan A-Imam Ibnu Wadhhaah dalam Al-Bida' dari jalan Athiyyah daripada Al-Wallid Abdul Rahman daripada Sayidina Ali telah berkata : Telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud :

"Kasihani umat Islam itu apa yang akan ditemui oleh orang yang taat daripada kalangan mereka? Bagaimana mereka mendustakan dia dan memukul akan dia, sebab dia taat kepada Allah, dan sebab mereka tiada taatkan Allah?"

Berkata Sayidina Umar bin Al-Khatib : Ya Rasulullah, adakah manusia pada masa itu dalam Islam? Sabda Baginda yang bermaksud : Ya hai Umar. Berkata Sayidina Umar. Ya Rasulullah : Mengapa mereka marah akan orang yang menyuruh mereka taat kepada Allah?

Sabda Baginda yang bermaksud :

"Orang-orang itu telah meninggalkan jalan yang benar (agama) seseorang laki-laki itu daripada kalangan mereka, berhias diri dengan hiasan perempuan kepada suaminya, dan perempuan-perempuan menampakkan perhiasan mereka sebagai perempuan jahiliyah menampakkan perhiasan, pakaian mereka sebagai pakaian raja-raja yang zalim dan ganas, dan mereka menggemukkan badan sebagai gemuk perempuan, dan apabila wali-wali Allah berkata dan menyuruh mereka taat kepada Allah (sebagaimana sekarang ada orang-orang berkata : Kamu kawan syaitan jaguh sesat, kamu mendustakan kitab-kitab Allah, kamu mengharamkan perhiasan Allah yang telah disediakan Allah kepada hamba-hamba-Nya, dan kamu mengharamkan makanan yang baik-baik dan lazat-lazat yang halal yang telah disediakan Allah, mereka ertikan kitab Allah (ayat yang tersebut) dengan erti dan makna yang lain dari makna yang dikehendakkan Allah, dan mereka hina-hinakan wali-wali Allah itu (bagaimana berlaku sekarang di antara pendakwah dan orang nahi mungkar dengan pemuda-pemuda bodoh itu)."

Bahagian keenam



YANG Dimulikan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Ismail bin Omar Abdul Aziz, Mufti Kerajaan.

Demi Allah itulah sifat-sifat pemuda-pemuda yang rendah umur dan kurang akal dan tiada pengalaman, dan keadaan mereka dan kata-kata mereka bagaimana disifatkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang di atas ini.

Diriwayatkan oleh Al-Imam Ahmad dan Al-Bazzaar dan At-Thabarani dari hadis sahabat Abdullah bin Umar daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"Seorang laki-laki telah menjadi daif dan tetamu kepada seorang laki-laki kaum bangsa Israel (Bani Israel) Yahudi, dan tuan rumah itu ada mempunyai seekor anjing betina menyalak, maka berkata anjing betina : Aku tiada menyalak ke atas daif tuan aku, maka menyalak pula anak-anak anjing betina yang ada dalam perutnya."

Katanya : Maka Allah Taala telah menurunkan wahyu kepada seorang laki-laki daripada Bani Israel : Ini umpama suatu umat yang ada lepas zaman kamu maka orang-orang yang kurang akal dan bodoh itu daripada umat itu menggagahi akan orang-orang yang berakal daripada umat itu.

Telah diriwayatkan oleh Al-Imam At-Thabarani dalam Al-Ausath dari hadis sahabat Umar bin Al-Khatib Radiallahuanhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang bermaksud :

"Kamu akan ditapis sehingga kamu ada di dalam kalangan orang-orang hampas manusia yang sangat rendah dan buruk perkataan dan kelakuannya, yang mana orang-orang itu bercampur aduk zimmah dan tanggungjawab dan urusan mereka dan rosak dan binasa amanah dan kepercayaan diri mereka, maka berkata seorang daripada sahabat : Maka bagaimana hal kami pada masa itu Ya Rasulullah?"

Dan sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam lagi yang bermaksud :

"Kamu buat apa yang kamu tahu dari hukum-hukum agama, dan kamu tinggalkan apa yang kamu ingkar dan bantah dari perkara mungkar dan larangan Allah, dan kamu kata dan berdo'a : Tuhan aku Esa, Tuhan aku Esa, mohon ya Allah bantu dan menangkan kami ke atas dan daripada sesiapa yang telah menzalimkan kami, mohon padakan dan cegah siapa yang melampau dan menimpakan kejahatan dan angkara ke atas kami."

WALLAHU A'ALAM
(Bersambung)

KESIHATAN DALAM ISLAM

منوجو كرىضان الله

Menuju Keredaan Allah

كلوان فوسة دعوه اسلاميه

BERWUDUK DAN MANDI KERANA JUNUB

HIKMAT dari segi kebersihan dan pencegahan penyakit, dapat diperhatikan pula dengan berulang-ulang mencuci muka akan dapat mengelakkan diri dari dijangkiti penyakit yang mengenai mata (rabun) dan lain-lain jenis penyakit kulit yang disebabkan oleh debu atau kekotoran dan apa jua yang sentiasa berterbangan di sekeliling kita. Air dingin yang dimasukkan ke dalam lubang hidung dapat melegakan dan mencegah dari jangkitan selesema dan sebagainya.

Di samping itu, sebagai yang dinyatakan oleh kajian perbuatan moden, bahawa kebanyakan kuman-kuman pe-

nyakit adalah mulai menyerang di bahagian lapisan-lapisan luaran kulit, jadi dengan sentiasa membasuh muka, kedua tangan, telinga, kaki dan lain-lain adalah merupakan satu cara yang amat berkesan sebagai pencegahan dari jangkitan penyakit-penyakit jenis ini, kerana lapisan kulit luar yang

sentiasa bersih dan terjaga dapat menghalang kemasukan kuman-kuman ke dalam badan melalui kulit.

Dari segi yang lain pula disuruhkan kita mencuci mulut, hidung, muka, tangan dan kaki itu hanyalah sekadar perbuatan yang zahir sahaja, tetapi maksud sebenarnya bukanlah hanya sekadar suci yang lahir itu, melainkan supaya anggota batin kita juga ikut disucikan.

Pada lahirnya tangan yang kita basuh dan muka yang kita sucikan tetapi dalam batinnya hatilah yang kita basuh itu, bukan dengan air yang dingin kelihatan tetapi dibasuh dengan air taubat, iaitu mentaati suruhan Allah dan kembali

PADA lahirnya tangan yang kita basuh dan muka yang kita sucikan tetapi dalam batinnya hatilah yang kita basuh itu, bukan dengan air yang dingin kelihatan tetapi dibasuh dengan air taubat, iaitu mentaati suruhan Allah dan kembali kepada-Nya dengan menyedari perbuatan-perbuatan yang telah lalu, serta berjanji pada diri sendiri tidak akan mengulangi lagi perbuatan yang salah itu. Inilah apa yang sebenar-benarnya hikmat yang dimaksudkan dengan perbuatan bersuci itu.

Siri Keempat

kepada-Nya dengan menyedari perbuatan-perbuatan yang telah lalu, serta berjanji pada diri sendiri tidak akan mengulangi lagi perbuatan yang salah itu. Inilah apa yang sebenar-benarnya hikmat yang dimaksudkan dengan perbuatan bersuci itu.

Hikmat pencegahan kepada benda-benda yang diharamkan

Dari aspek yang kedua pula, iaitu maksud dari pencegahan

memakan dan meminum apa yang telah diharamkan syarak dengan tujuan menjaga kebersihan diri yang menghasilkan kesihatan jasmani dan rohani, dapat diperhatikan dari penghapusan dari beberapa jenis makanan dan minuman yang dianggap kotor dan tidak sesuai untuk kesihatan tubuh badan manusia, kerana makanan yang baik dan berzat punya peranan bagi kesihatan yang sentiasa mengamalkannya. Bertolak dari sinilah, mengapa syarak hanya membenarkan kita memakan benda yang baik-baik dan berkhasiat sahaja serta melarang atau mengharamkan yang memudaratkan dan yang tidak mendatangkan faedah bagi tubuh badan sebagaimana firman Allah dalam Surah Al-Baqarah ayat 173 yang tafsirnya :

"Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan bagimu bangkai, darah, daging babi dan binatang yang (ketika disembelih) disebut nama selain Allah."


Penghapusan ini dihuraikan lagi dengan lebih lanjut dalam ayat berikutnya di dalam Surah

Al-Maa'idah ayat 3 yang tafsirnya :

"Diharamkan bagimu (memakan) bangkai, darah, daging babi, yang disembelih atas nama selain Allah, yang tercekik, yang dipukul, yang jatuh, yang ditanduk dan yang diterkam binatang buas, kecuali yang sempat kamu menyembelihnya dan diharamkan bagimu yang disembelih untuk berhalal."

Kedua-dua ayat tadi merupakan dalil naqli mengenai beberapa jenis makanan yang diharamkan kepada umat Islam memakannya, seperti segala jenis bangkai kecuali ikan. Yang dimaksudkan dengan bangkai di sini ialah haiwan yang mati sama ada dengan sebab tabiat atau kerana suatu kecelakaan. Juga diharamkan ialah darah, daging babi dan daging yang disembelih tanpa menyebut nama Allah atau yang disembelih untuk hidangan berhalal.

Bersambung



Orang Islam yang mengamalkan sifat takwa ada yang berjaya dalam kehidupan

takut kepada Allah dan bertakwa kepada-Nya maka mereka itulah orang-orang yang berjaya."

Bila dikatakan melakukan takwa kepada Allah berarti bukan setakat beramal dan mengerjakan ibadat, akan tetapi termasuklah meninggalkan segala apa juga yang ditegah dan dilarang kita dari melakukannya, baik perbuatan mungkar yang jelas dan nyata bahkan hingalah kepada perkara-perkara yang nampaknya tertutup atau terlindung dari mata kasar manusia, akan tetapi ingatlah ianya tidak pernah terlindung dari pandangan Allah Subhanahu Wataala.

Maka di dalam keadaan seperti itulah perlunya ada sifat takwa yang sebenarnya dalam diri seseorang kerana dengan adanya sifat takwa sahaja yang akan dapat menahan dan mencegah diri seseorang itu dari meneruskan perbuatan mungkar yang nampaknya terlindung dan tertutup itu.

Salah satu perbuatan yang ditegah kita orang Islam dari melakukannya iaitu suatu perbuatan yang mungkin ianya kadang-kadang terselindung atau tersembunyi sehingga seolah-olah sukar untuk dikesan oleh mata kasar manusia disebabkan cara ianya dilakukan mungkin tidak secara langsung tidak akan mendatangkan kesan yang buruk akan tetapi hakikat dan kenyataan adalah sebagai perosak masyarakat dan negara khususnya, perbuatan itu ialah tidak lain adalah rasuah. Suatu penyakit masyarakat yang tamak haluba.

Di dalam pandangan Islam, rasuah itu adalah merupakan pemberian kepada seseorang yang mempunyai kedudukan atau pengaruh

dan kuasa yang berupa harta atau sesuatu barang yang mendatangkan faedah dan keberuntungan dengan tujuan untuk mendapatkan kedudukan bagi si pemberi itu mendapatkan sesuatu yang bukan menjadi hak kepada dirinya pada sesuatu itu. Maka setiap yang memberi dan menerima rasuah adalah mengambil apa yang bukan menjadi hak bagi diri masing-masing. Oleh kerana itu Allah menegah orang-orang mukmin dari memakan harta orang dengan cara memberi rasuah kepada pihak atau pegawai pemerintah atau pihak-pihak yang berkuasa.

Dalam hal ini Allah Taala ada berfirman dalam Surah Al-Baqarah ayat 188 yang tafsirnya:

"Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta

rasuah itu di kalangan golongan tersebut. Dan memang ianya boleh mendatangkan keburukan dalam urusan pentadbiran sesebuah negara dan masyarakat.

Bahkan apa yang menjadi kenyataannya, disebabkan penyakit rasuah yang berleluasa di dalam sesebuah negara itulah kadang-kadang yang menyebabkan lumpuhnya ekonomi di negara tersebut. Ini dapat kita lihat dan dengar sendiri pada hari ini, di mana negara yang berleluasa perbuatan rasuah telah jatuh dari sebuah negara yang kukuh dan maju menjadi lemah dan meleset ekonominya. Akhirnya timbul berbagai-bagai kekecehan dalam negara. Bahkan yang paling dahsyat disebabkan ekonominya telah jatuh, akhirnya wujud kekecehan dalam serba-serbinya

Dan di dalam sesuatu riwayat, ada sebuah hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menerangkan suatu kejadian yang ada hubungkaitnya dengan perbuatan rasuah iaitu hadis yang telah diriwayatkan oleh Imam Bukhari yang kira-kira bermaksud:

"Nabi telah mengutuskan seorang lelaki dari beberapa Al-Azdi dikenali sebagai Ibnulutibah untuk mengutip sedekah (zakat) maka apabila dia kembali kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dia pun berkata ini adalah bagi kamu dan ini telah dihidiahkan untuk saya. Maka bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dia pun berkata ini adalah bagi kamu dan ini telah dihidiahkan untuk saya. Maka bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maka apakah jika dua duduk di rumah bapanya atau di rumah ibunya maka adakah ianya akan diberi hadiah kepadanya atau tidak, demi diriku janganlah seseorang pun mengambil sesuatu daripadanya (selain daripada apa yang diperuntukkan kepadanya daripada gaji atau upah). Jika ianya mengambil jua maka dia akan datang pada Hari Kiamat dengan memikul apa yang telah diambilnya itu di atas bahunya."

Oleh itu marilah kita hayati dan taati titah seruan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika Baginda membuka rasmi bangunan Ibu Pejabat Biro Menegahkan Rasuah serta Kempen Menegahkan Rasuah pada 9 Zulkaedah 1412 bersamaan 12 Mei 1992 iaitu di mana Baginda telah beritahu supaya kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan dalam kerajaan akan dapat memastikan bahawa tidak ada terdapat sebarang 'loophole' dalam jentera pentadbiran di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan tersebut yang boleh digunakan oleh anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab.

Manakala di pihak orang ramai pula kerjasama mereka adalah amat dipentingkan bagi sama-sama membantu kerajaan dalam perkara yang layak dan munasabah sehingga dengan wujudnya kerjasama yang seumpama itu maka semua pintu jenayah sama ada rasuah menerima atau memberi rasuah itu akan dapat dikawal dan ditutup rapat oleh kita.

Dan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah memberikan peringatan dan pengajaran kepada sesiapa yang diberikan kepadanya tugas atau tanggungjawab supaya menjauhkan diri dari perbuatan rasuah sebagaimana sabda Baginda yang bermaksud:

"Siapa yang kami jadikan ianya melaksanakan pekerjaan kemudian kami berikan dia dengan rezeki (kami berikan ianya gaji atau upah-nya) maka apa yang diambilnya selain daripada itu (gaji atau upah yang telah diberikan kepadanya) maka itu adalah penipuan."

MARILAH kita kembali mengulangi tekad dan azam untuk bertakwa dengan sebenar-benar takwa kepada Allah dalam keseluruhan hidup kita iaitu dengan mematuhi segala perintah-perintah-Nya sesuai dengan kemampuan yang ada pada kita di samping meninggalkan segala larangan-Nya.

Sebagai seorang Islam tidak ada yang dapat membantu bagi diri seorang itu untuk meningkatkan takwanya kepada Allah melainkan diri orang itu sendiri. Oleh itu setiap seruan yang disampaikan, yang menyuruh kita bertakwa sewajarnya jangan hanya dipandang dan didengarkan sambil lewa sahaja, akan tetapi hayatilah dengan rasa keinsafan kerana bila kita melihat sekeliling kita memang banyak tanda-tanda yang menunjukkan kemurkaan Allah kepada hamba-hamba-Nya. Kerana

ialah disebabkan kurangnya keinsafan kita untuk bertakwa kepada Allah dengan erti kata yang lain sedikit takwa akan tetapi lebih banyak perbuatan mungkar dan maksiat.

Sebenarnya kalau kita benar-benar insaf dan yakin terhadap konsep takwa iaitu di mana masing-masing kita benar-benar mengamalkan sifat takwa itu maka sudah pasti kitalah orang-orang Islam ini yang benar-benar berjaya dalam kehidupan kita di dunia ini apatah lagi di akhirat nanti. Kerana jaminan memperoleh kejayaan dan kemenangan itu bukannya datang dari manusia sendiri, bukan juga dari undang-undang buatan manusia. Akan tetapi datangnya adalah dari Allah, pencipta manusia itu sendiri serta alam ini dengan segala-galanya isinya sebagaimana firman Allah dalam Surah An-Nuur yang tafsirnya:

"Dan siapa mentaati Allah dan Rasul-Nya dan

PERBUATAN rasuah itu biasanya adalah berlaku terhadap pihak-pihak berkuasa, hakim dan pihak-pihak yang mempunyai kuasa, dan tidak disebutkan orang-orang lain.

(orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan janganlah kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa padahal kamu mengetahui (salahnya)."

Dari tafsiran ayat itu adalah jelas menyatakan bahawa perbuatan rasuah itu biasanya adalah berlaku terhadap pihak-pihak berkuasa, hakim dan pihak-pihak yang mempunyai kuasa, dan tidak disebutkan orang-orang lain.

Ini adalah disebabkan oleh memang banyak terjadinya

terutama sumber-sumber makanan. Akhirnya timbul pula masalah kebuluran, kemiskinan dan sebagainya.

Sebenarnya kesan-kesan yang buruk itu adalah merupakan suatu bala dari Allah di atas perbuatan jahat dan mungkar manusia sendiri yang termasuklah perbuatan rasuah yang berleluasa, kerana ada manusia dan golongan yang teraniaya dan dizalimi sedangkan satu kelompok kecil berada di dalam kemewahan dan kesenangan hasil dari keolehan yang bukan haknya yang sebenarnya atau dengan kata lain keolehan yang haram.

Dalam hal ini Rasulullah pernah memberikan peringatan kepada umatnya tentang keburukan dan akibat yang tidak baik terhadap perbuatan rasuah ini. Di antara sabda Baginda yang bermaksud:

"Rasulullah melaknat orang yang melakukan rasuah dan yang menerima rasuah."

Dan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah memberikan peringatan dan pengajaran kepada sesiapa yang diberikan kepadanya tugas atau tanggungjawab supaya menjauhkan diri dari perbuatan rasuah sebagaimana sabda Baginda yang bermaksud:


"Siapa yang kami jadikan ianya melaksanakan pekerjaan kemudian kami berikan dia dengan rezeki (kami berikan ianya gaji atau upah-nya) maka apa yang diambilnya selain daripada itu (gaji atau upah yang telah diberikan kepadanya) maka itu adalah penipuan."

وقت سمیعہ . امساك دان مہاري تربيت

وقت ۲ سمیعہ امساك دان مہاري تربيت باكي دائرہ بروني دان موارا مولاي دري هاري رابو، 2 ذوالحجہ، 1412 برسمان 3 جون، 1992 هيگف كهاري ثلاث، 8 ذوالحجہ، 1412 برسمان 9 جون، 1992 اداله سفرت دباوه اين -

هاربول	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساك	سميعہ		مہاري تربيت	هاربول
						برمولا	راخير		
ذوالحجہ									
2	12.20	3.44	6.30	6.31	7.46	4.42	4.33	6.05	6.06
3	12.20	3.44	6.30	6.31	7.46	4.42	4.33	6.05	6.06
4	12.20	3.44	6.30	6.31	7.46	4.42	4.33	6.05	6.06
5	12.20	3.44	6.30	6.31	7.47	4.42	4.33	6.06	6.07
6	12.21	3.45	6.30	6.31	7.46	4.42	4.33	6.06	6.07
7	12.21	3.45	6.31	6.32	7.46	4.42	4.33	6.06	6.07
8	12.21	3.46	6.31	6.32	7.47	4.42	4.33	6.06	6.07
9	12.21	3.46	6.31	6.32	7.48	4.42	4.33	6.06	6.07

وقت سمیعہ دان امساك باكي دائرہ ثلاث ہندقلہ دنيہ تيگ مينيت دان دوائرہ تونوغ ہندقلہ دنيہ ساتو مينيت منکالا باكي دائرہ تمبروغ ہندقلہ دكورنگين ساتو مينيت تيف ۲ وقت . سمیعہ فرض جمعة دسلورہ سکارا بروني دارالسلام دمولاي دري فوکل 12.45 تہاري.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulla Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah sebelum berangkat menaiki pesawat khas.



YANG Teramat Mulla Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah menerima junjung ziarah dari Yang Teramat Mulla Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azamah Ni'matul Bolkiah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulla Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Duli Yang Teramat Mulla Pengiran Isteri Hajjah Mariam berkenan menerima junjung ziarah dari sebahagian seluasah tetap dan pengawal kanan kerajaan serta isteri masing-masing (atas).

SEBAHAGIAN dari isteri dan keluarga para pembesar negara melambai-lambaikan tangan bagi mengucapkan selamat berangkat sejour pesawat khas Kebawah Duli Yang Maha Mulla Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan rombongan diraja meninggalkan landasan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (kiri).

KEBAWAH DYMM DAN R BERANGKAT MENUNAN



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulla Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan putera baginda, Yang Teramat Mulla Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah menerima junjung ziarah sejour berangkat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulla Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah sebelum berangkat menaiki pesawat khas. (atas)

YANG Teramat Mulla Paduka Seri Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah menerima junjung ziarah dari Yang Teramat Mulla Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azamah Ni'matul Bolkiah. (tengah)

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulla Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Duli Yang Teramat Mulla Pengiran Isteri Hajjah Mariam berkenan menerima junjung ziarah dari sebahagian seluasah tetap dan pengawal kanan kerajaan serta isteri masing-masing (atas).

SEBAHAGIAN dari isteri dan keluarga para pembesar negara melambai-lambaikan tangan bagi mengucapkan selamat berangkat sejour pesawat khas Kebawah Duli Yang Maha Mulla Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan rombongan diraja meninggalkan landasan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (kiri).

**INGATKAN KELUARGA DAN MASA DEPAN BISKITA
KETIKA BERADA DI JALAN RAYA**



ANGKATAN Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) sudah melewati usia tiga dekad sejak penubuhannya pada 31 Mei, 1961. Sepanjang tempoh itu pelbagai pencapaian dan kemajuan telah dicapai menjadikannya matang dan berwibawa khususnya dalam menghadapi cabaran-cabaran.

Kewibawaan ini semakin terserlah melalui latihan yang dilakukan di dalam dan luar negeri di samping memiliki peralatan senjata yang sofistikated selari dengan perkembangan teknologi masa kini yang menjadikannya sebuah angkatan yang disegani.

RENCANA LANJUT DI MUKA 2

ANTARA KANDUNGAN

- Cerpen — Merah Jingga Kasih — muka 4 & 5
- Pat-Pat Gufambir — muka 12
- Nya Nini — Ubat Sakit Pinggang — muka 6
- Apa Pendapat Biskita — muka 6
- Rencana Anti Rasuah — muka 3
- Rancangan Radio & Tv — muka 8 & 9

Rencana

رئیس

Sempena Ulang Tahun ABDB Ke-31 PROFESIONALISME KETENTERAAN KITA SEMAKIN MATANG

SUDAH memasuki dekad ketiga sejak ditubuhkan pada 31 Mei, 1961, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) telah banyak mencapai perkembangan dan kemajuan selaras dengan matlamat asalnya menjaga keselamatan negara.

Kemajuan itu dapat dilihat dalam semua aspek termasuklah aspek pertahanan bilangan anggotanya serta peralatan yang dimiliki. Perkembangan ini sungguh menggembirakan kerana dengan terdapatnya sistem pertahanan, sekurang-kurangnya akan dapat melindungi negara dan rakyat daripada segala bentuk ancaman jahat.

Sejak ditubuhkan 30 tahun yang lalu hampir keseluruhan para pegawai dan anggota telah diberikan banyak pendedahan-pendedahan yang meluas, di berbagai bidang tertentu dalam dan luar negeri bagi menjadikan mereka beribawa terlatih lagi disegani.

Profesionalisme ketenteraan

Usaha meningkatkan profesionalisme ketenteraan itu tidak saja setakat itu malahan dikembangkan dengan latihan besar-besaran bersama-sama dengan angkatan tentera dari negara-negara jiran sebagaimana yang pernah dilakukan dalam beberapa siri latihan antaranya latihan 'Penguin', di antara tentera laut ABDB dengan Angkatan Laut Diraja Australia, 'Nekad Murni' dan 'Setia Kawan' bersama-sama dengan Tentera British.

Melalui latihan dan ujian tersebut mendedahkan para anggota memperoleh banyak pengalaman-pengalaman yang amat berguna untuk dimanfaatkan ke arah meningkatkan lagi daya kemahiran di segi teknik peperangan dan strategi pertahanan bagi membolehkan membentuk kerjasama membuat peranan.

Secara kasar, pendedahan sedemikian sekurang-kurangnya akan dapat memupuk semangat perpaduan dalam memperlengkapkan diri anggota agar bertindak menghadapi sebarang kemungkinan.

Kewaspadaan itu juga pernah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa baginda berangkat mengadakan lawatan ke markas angkatan tentera yang bertitah tentang mustahak dan perlu untuk terus melengkapkan diri dengan pendekatan yang tepat sebagai strategi ketenteraan yang matang yang dipadankan dengan keperluan semasa.

Setiap anggota tentera, tirah baginda tidak boleh memandang ringan perkara ini, walaupun negara berada di dalam keadaan aman.

Terserlah

Sejajar dengan ingatan itu kebolehan dan kecekapan anggota ABDB kini semakin terserlah apabila dilengkapi dengan peralatan yang canggih. Tentera laut dan tentera udara umpamanya sedikit masa lagi akan dilengkapi dengan kapal-kapal peronda dan jet-jet pejuang yang sofistikated manakala tentera darat pula terus berkembang dengan mempunyai dua batalion tentera berjalan kaki dan lain-lain unit.

Keperluan peralatan dan perkembangan itu adalah selari dengan perkembangan teknologi sekarang mengikut kehendak-kehendak negara yang berasaskan perkembangan semasa.

Kelengkapan peralatan ketenteraan itu bukan saja bagi maksud mengemaskinikan lagi sistem pertahanan negara bahkan juga merupakan sebahagian sumbangan negara terhadap keselamatan serantau khasnya ASEAN. Selain daripada itu ABDB perlu memainkan peranan memberikan perhatian terhadap isu-isu semasa yang berlaku di



PERALATAN tentera yang sofistikated mengukuhkan lagi sistem pertahanan negara dalam menghadapi apa jua bentuk ancaman yang cuba mengganggu gugat ketenteraman.

rantau ini, termasuklah mencegah kegiatan-kegiatan pencerobohan.

Penyusunan semula ABDB

Dalam memperteguh dan memperkemaskan lagi struktur ABDB, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 17 September tahun lalu telah bertitah mengumumkan penyusunan semula ABDB mengandungi angkatan-angkatan tentera yang bertanggungjawab secara langsung serta menyeluruh kepada Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Penyusunan semula yang mengandungi Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei, Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei, Angkatan Ten-

tera Udara Diraja Brunei, Angkatan Tentera Perkhidmatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pusat Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei itu adalah selaras dengan keperluan serta matlamat jangka panjang pertahanan negara dalam mengemaskinikan sistem pentadbiran, kawalan dan penyusunan ini dilakukan angkatan-angkatan tentera itu hanya dikenali dengan unit-unit besar dan kecil.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah berharap perubahan dan penyusunan semula itu, ABDB akan lebih dihormati lagi dan akan lebih bersungguh-sungguh mengukuh-

kan perpaduan di kalangan anggota-anggota kerana dengan pengukuhan perpaduan itu akan melahirkan 'daya tahan' yang besar untuk menghadapi sebarang cabaran.

Nilai Islam

Menyadari tentang kepentingan kerohanian dan disiplin di kalangan anggota-anggota, ABDB telah membuat langkah-langkah baru yang berorientasikan keislaman beberapa tahun kebelakangan ini. Langkah-langkah tersebut antaranya menekankan semua anggota tentera menghindarkan meminum minuman keras, mengetatkan disiplin agar tidak terjebak dalam kegiatan-kegiatan jenayah, serta menerapkan nilai-nilai Islam.

Dengan berteraskan keimanan dan takwa itu se-

Oleh
Hj. Ahat Hj. Ismail


tentunya akan dapat meningkatkan lagi moral, kehebatan serta ketahanan para anggota.

Semangat juang

Usaha-usaha yang dilakukan itu memperlihatkan kesadaran terhadap betapa pentingnya semangat keimanan terdapat pada diri anggota sebagaimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang menjelaskan, "Kita tidak dapat bergantung hanya kepada kekuatan lahir sahaja, kerana ia boleh musnah atau tidak berguna disebabkan oleh satu-satu keadaan. Hatta kadang-kadang ia tidak berupaya mempertahankan sesuatu yang patut dipertahankan, bahkan boleh sahaja terjadi sebaliknya, ibarat kata 'senjata makan tuan'."

Sehubungan dengan itu, semua perkara sama ada peralatan, strategi, dasar, mahupun tenaga gempur adalah memerlukan semangat juang dan ditambah dengan keimanan untuk melengkapkan diri menghadapi sebarang kemungkinan.

Ke arah itu kematangan dan kedewasaan yang dilalui oleh ABDB akan dapat dijadikan pedoman bagi memikul tanggungjawab pada mengekalkan keamanan sama ada di peringkat serantau mahupun di peringkat antara bangsa.



ANGKATAN Tentera Udara Diraja Brunei juga memainkan peranan penting sama seperti Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei dan Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei. Dalam sedikit masa lagi angkatan itu akan dilengkapi dengan jet-jet pejuang.



KOMPENI Asker Wanita ditubuhkan pada 29 Jun, 1981. Penyertaan kaum wanita dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei melengkapkan slogan 'Pemuda Harapan Bangsa, Pemuda Tiang Negara'.

RENCANA SEMPENA KEMPEN ANTI RASUAH

RASUAH PENYAKIT MASYARAKAT PEMUSNAH NEGARA

PENGENALAN

MENURUT pengertian dalam Kamus Dewan Edisi Baru (1989: 1034), 'rasuah' bermaksud: "pemberian untuk menumbuk rusuk (menyogok, menyup), (wang) tumbuk rusuk (sogok, suap); yang berasal daripada bahasa Arab.

Dalam konteks kemasyarakatan, perbuatan rasuah, baik sebagai 'penerima' mahupun sebagai 'pemberi' adalah suatu perilaku yang bertentangan dengan norma kehidupan berkomuniti. Sementara dalam konteks kenegaraan, ia menyalahi undang-undang negara dan siapa yang terlibat dengannya serta cukup dengan bukti yang disabitkan dalam mahkamah, penerima rasuah dan pemberi rasuah akan menerima hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukan itu.

MENGAPA MANUSIA TERLIBAT DALAM RASUAH

Sejarah kehidupan manusia semenjak zaman berzaman iaitu dari zaman Batu membawa ke zaman-tahun berikutnya sehinggalah ke hari ini sudah mengenali konsep rasuah ini. Yang jelasnya dalam masyarakat Melayu, sebelum istilah 'rasuah' sudah ada simpulan bahasa yang berbunyi, "makan suap" dan "tumbuk rusuk".

Tujuan rasuah kepada individu tertentu adalah dengan maksud untuk mendapatkan kelebihan, kesenangan dan kemudahan kepada pemberi rasuah, iaitu untuk memperolehi khidmat yang memudahkan menjalankan pekerjaannya dengan memperolehi keuntungan peribadi tetapi merugikan negara.

Misalnya yang menjadi pemberi rasuah ialah seorang tauke kaya dan penerima rasuah pula ialah pegawai yang diamanahkan dalam meluluskan pengeluaran barang-barang import.

Pada peringkat awal pemberian itu tentulah bermaksud "menumbuk rusuk" pegawai berkenaan, dan jika sekiranya pegawai tadi 'kabur mata' dengan sejumlah pemberian yang dianggapnya dapat membantu meringankan keperluan naluri kehidupannya tentulah "pemberian" ini akan diterimanya dan tidak mustahil pegawai tadi akan menerimanya lagi pada masa-masa akan datang apabila tauke kaya itu memerlukan khidmat seperti itu.

Dengan mengulurkan "tumbuk rusuk" ini, tauke kaya ini akan mendapat keistimewaan yang teristimewakan berbanding dengan tauke yang tidak mampu "memberi makan suap".

Dengan yang demikian setiap kali barangannya sampai, mudah dan cepatlah pelepas-

an barangan tersebut tanpa pemeriksaan yang rapi mengikut tatacara yang ditetapkan oleh jabatannya. Siapa yang patut disalahkan dalam hal ini?

Manusia yang gemar hidup dengan pelbagai kesenangan dan merindui kemewahan memang menginginkan sesuatu yang indah-indah sesuatu yang dapat memuaskan keperluan rohani dan jasmani, sesuatu yang dapat menyenangkan mindanya tanpa memikirkan adanya kepentingan lain yang perlu diutamakan, iaitu kepentingan negara.

Bagi insan yang berpendapatan rendah dan kurang mampu memperoleh impian untuk hidup senang-senang akan mudah menerima sogokan (tumbuk rusuk dan makan suap) apabila peluang ini "tertumpuk" di hadapannya.

Dia yang berkemungkinan kurang tertanam dengan fahaman nilai-nilai Islam dan undang-undang negara tentu sahaja akan senang hati menerima habuan yang sedemikian yang pada pemikiran ceteknya akan dapat memuaskan kehendak hidupnya.

Berakibat daripada perbuatan seperti ini tentulah akan menjayakan keberhasilan penempatan negara. Jika sekiranya lakukan ini berterusan dan semakin meningkat peratus pengamalannya dan semakin bertambah "penggemarnya" tentulah akan menghancurkan kemakmuran dan kestabilan negara.

Hal ini disuarakan oleh seorang intelek Melayu rantau

MUKADIMAH

RENCANA bertajuk "Rasuah Penyakit Masyarakat Pemusnah Negara" oleh Awang Haji Osman bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Awang Mohd. Tamin, Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam adalah pemenang ketiga dalam Peraduan Menulis Rencana Sempena Kempen Anti Rasuah yang dianjurkan oleh Biro Pencegah Rasuah, Negara Brunei Darussalam. Diadakan penyuntingan dan tatapan para pembaca. — Penyunting.

dupan moden ini yang memandang ketinggian material terus "mengaburi mata" sebilangan individu yang langsung tidak "ambil pusing" tentang akibat yang akan dihadapinya apabila peranan "memberi dan menerima" rasuah itu berterusan yang menunggu ialah hukuman tertentu apabila sabit kesalahan yang diakibatkan oleh perbuatan tumbuk rusuk itu.

Jikalau kita tinjau kegiatan rasuah di merata-rata tempat, baik di Timur mahupun di Barat kerana perbuatan rasuahlah sesuatu negara hancur, kerana rasuahlah sesuatu negara terjebak ke dalam genggaman pemerintah asing.

Seperti tulisan Dr. Mahathir (Menghadapi Cabaran,

"Perang Kastela" antara Brunei dan Sepanyol yang bertapak di Filipina adalah berpunca daripada dorongan rasuah dalam bentuk "janji manis" Sepanyol kepada anak negeri yang belot dan mahukan kekuasaan. Jadinya konsep rasuah ini memang sudah lama dibekalkan oleh 'syaitan' (laknatullah) yang sentiasa menjalankan jarumnya agar semua manusia membuntutinya, kerana dengan memperolehi kesenangan dan kemewahan daripada rasuah ini akan memudahkan mereka ini terus 'terlena' dan hidup dengan kesenangan.

Terjadinya kes rasuah di kalangan pemimpin terkemuka dunia bukanlah mereka tidak berakhlak, tetapi kerana mereka itu tamak, haloba dan sentiasa merasa tidak cukup dengan harta yang ada dan lebih-lebih lagi jika mereka itu sudah diselubungi dengan kepentingan-kepentingan keduniaan yang menyebabkan mereka terus rakus dan akhirnya mereka terjatuh oleh rasuah itu sendiri.

Pada kebiasaannya ataupun ada kemungkinannya perbuatan menumbuk rusuk ini dijalankan dengan pakatan yang agak rapi di kalangan pemberi dan penerima rasuah. Dan kalangan penerima rasuah ini juga ada kemungkinannya melibatkan sekumpulan orang tertentu yang beroperasi dengan gerak kerja yang cukup teratur yang melibatkan pegawai bawah dan atasan, iaitu kedua-duanya terlibat menerima sogokan ini.

Berbalik pada soal mengapa manusia terlibat dengan rasuah? Tentulah kerana peranan yang dimainkan oleh 'syaitan' telah mengesan 'jarum rasuah' ini kepada mangsa-mangsanya yang longgar dengan keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wataala. Oleh yang demikian kita sebagai individu, terutama yang menjadi jentera dan peng-

gerak kepada nadi kerajaan, mestilah berupaya dan berusaha menajutkan diri daripada gejala rasuah yang dapat dianggap sebagai satu daripada 'penyakit masyarakat'.

PERANAN INSTITUSI PENCEGAH RASUAH

Dengan terjadinya aktiviti "tumbuk rusuk" di merata-rata negara di dalam jagat ini, yang merupakan gejala menghancurkan negara dan memiskinkan penghasilan serta merosakkan peningkatan mutu dan prestasi negara, maka banyak negara telah menubuhkan Biro Pencegah Rasuah ataupun Badan Pencegah Rasuah.

Tujuan utama penubuhan institusi ini tentulah untuk mencegah kegiatan rasuah daripada berleluasan dan mengenal pasti sebab dan cara mengatasi kegiatan negatif ini.

Bagi Negara Brunei Darussalam, telah ditubuhkan Biro Pencegah Rasuah yang diamanahkan menjalankan tanggungjawab khusus, iaitu mempraktikkan "PERLEMBAGAAN NEGERI BRUNEI 83" Perintah Darurat pada 1 Januari Rasuah, 1981" yang dikuatkuasakan bermula pada 1 Januari 1982. Di antara pengertian 'suapan' yang ditekankan dalam 'Perintah Darurat (Pencegahan Rasuah), 1981" ini ialah:

(a) Wang atau apa jua pemberian, pinjaman, upah, ganjaran, cagaran berharga atau harga-benda lain atau kepentingan dalam harta-benda jenis apa pun jua, sama ada boleh digerak atau tidak boleh digerak;

(b) Apa-apa jawatan, kehoramatan, pekerjaan, kontrak atau perkhidmatan-perkhidmatan, dan apa jua perjanjian sejujur-jujurnya menginginkan setiap perkhidmatan pada pihak kerajaan dan swasta dapat berjalan dengan sempurna. Tidak akan ada sungutan-sungutan daripada individu tertentu yang meluahkan perasaan kurang senang dan melahirkan kata-kata kurang manis berhubung dengan aktiviti 'rasuah' itu.

(c) Sebarang pembayaran, pembebasan, penjelasan atau penyelesaian apa jua pinjaman, tanggungjawab atau apa pun jua tanggungan lain, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya;

(d) Sebarang alasan yang berharga jenis apa pun jua,

SIRI PERTAMA

sebarang potongan harga, komisen, pengurangan, bonus, penolakan atau habuan;

(e) Apa jua penahanan diri dari menuntut sebarang wang atau nilai wang atau barang berharga;

(f) Sebarang bantuan, sokongan, persetujuan atau pengaruh, atau bantuan, sokongan, persetujuan atau pengaruh yang dibuat-buat, dan sebarang janji bagi atau perolehan, atau persetujuan atau percubaan untuk memperolehi, atau memberikan sebarang harapan akan memperolehi, sebarang pemberian, pinjaman, upah, ganjaran, balasan atau suapan dalam bidang makna perenggan ini;

(g) Apa jua layanan, pertolongan atau faedah jenis apa jua, termasuk perlindungan dari sebarang hukuman atau kehilangan keupayaan yang dilakukan atau ditakuti atau dari sebarang tindakan atau percubaan jenis yang mengenai tata tertib atau hukuman, sama ada sudah atau belum dimulakan, dan termasuk menjalankan atau menahan diri dari menjalankan sebarang hak atau sebarang kuasa atau kewajipan rasmi; dan

(h) Apa jua tawaran, jaminan atau janji bagi sebarang suapan dalam bidang makna perenggan-perenggan (a) hingga (g).

Berdasarkan daripada takrif yang dimaksudkan dalam "suapan" tadi, dapat difahami bahawa kerajaan dengan sejujur-jujurnya menginginkan setiap perkhidmatan pada pihak kerajaan dan swasta dapat berjalan dengan sempurna. Tidak akan ada sungutan-sungutan daripada individu tertentu yang meluahkan perasaan kurang senang dan melahirkan kata-kata kurang manis berhubung dengan aktiviti 'rasuah' itu.

BERSAMBUNG

PADA kebiasaannya ataupun ada kemungkinannya, perbuatan menumbuk rusuk ini dijalankan dengan pakatan yang agak rapi di kalangan pemberi dan penerima rasuah. Dalam kalangan penerima rasuah ini juga ada kemungkinannya melibatkan sekumpulan orang tertentu yang beroperasi dengan gerak kerja yang cukup teratur yang melibatkan pegawai bawah dan atasan, iaitu kedua-duanya terlibat menerima sogokan ini.

ini yang menekankan "Keruntuhan akhlak sebagai pencerooboh seks, rasuah yang merajalela ... percampuran bohong dan benar ... ini semua akan melenyapkan kemakmuran dan kesejahteraan." (Profesor S.H. Alatas, Dewan Masyarakat, Disember 1988: 43).

Tidak dapat dinafikan "situasi semasa" berkehidupan cepat dan mudah dalam apa-apa jua fenomena. Lebih-lebih lagi dengan kejuteraan nilai-nilai kewangan yang serba terbuka untuk direbuti oleh sesapa sahaja, menjadikan kehi-

1980: 179) yang mengatakan bahawa: "Peristiwa kejatuhan negeri Melayu ke tangan British mungkin dianggap sebagai contoh yang agak keterlaluan untuk membuktikan kesan rasuah, tetapi tidaklah dapat dinafikan bahawa rasuah boleh dan biasa meningkat sehingga ke peringkat ini."

JANJI MANIS

Dalam meninjau sejarah tanahair, iaitu mengimbau ke peristiwa punca meletusnya

Merah Jingga Kasih

Oleh
Zami H.M

چرفين
چرفين
چرفين
چرفين
چرفين

C
E
R
P
E
N

DENGAN langkah yang perlahan di senja itu, aku menyusuri pinggir pantai M sambil pandangan-ku menghalu ke lautan lepas yang luas terbentang. Mentari mula tenggelam di ufuk barat, semakin lama semakin hilang meninggalkan warna merah jingga di dasar permukaan laut.

Kelihatan ombak berlarian memukul di dada laut yang akhirnya hancur berkecal mendampar di pergiliran pantai yang memutih.

Di kegelapan senja itu aku dapat melihat longgokan batu-batu kecil dan besar di sepanjang pantai, bagaikan sekelompok manusia yang sedang bercengkerama di antara mereka.

Aku berhenti lalu duduk di atas batu-batu itu. Kakiku mencecah kedinginan air laut bila sekali-sekala ombak yang ganas itu memecah di sisiku. Kakiku mengguris-guris pepasir yang memutih di pantai bagaikan mencari sesuatu yang terbenam di permukaan pasir itu. Aku mengguris, terus mengguris namun tidak aku temui apa-apa.

Aku merasa kecewa lalu bangun dan terus melangkah membawa pergerakan kakiku menyusuri pantai itu. Langkahku terlalu lemah.

Angin petang yang bertiuap lembut menyegarkan badan yang terasa letih. Hembusan bayu yang nakal itu memainkan anak rambutku yang panjang tidak terurus. Begitulah setiap kali aku rasakan bila berada di pantai itu.

Dalam keadaan yang beginilah aku merasa adanya kepuasan dalam hidupku. Mungkin beginilah suratan hidupku berteman-kan ombak dan pantai. Aku merasa adanya kepuasan bila melihat kemesraan ombak yang sentiasa memukul di dada pantai.

Aku memandang lagi ke lautan lepas dengan penuh

minat seperti adanya kepastian yang aku temui di dasar lautan luas yang membiru itu.

Tatkala senja begini mengingatkan aku pada detik-detik manis ketika berada di pantai ini dua tahun lepas. Pada waktu itu aku dan Aineh bersama-sama menyusuri pinggir pantai M, sambil menghirup udara senja. Detik-detik manis itu sering menjadi igauan mimpi di siang hari. Kini bagaikan baru semalam ianya berlalu.

"Aineh...." Sepi kembali.

"Aineh, sampai bilakah kita harus berterusan begini?" Bisikku ke telinga Aineh ketika berada di pantai itu dulu. Ketika kami sedang duduk berdua di bawah seponon ru yang rendah.

Aineh tersenyum lalu memandang tepat ke mukaku. Aku menjadi serba salah. Kesepian menyelubungi sua-

sana di senja itu. Suara ombak sekali-sekala memukul bibir pantai, memecahkan kesunyian di senja merah itu.

"Maksud kau, Sah? Tanya Aineh pula.

"Aku ingin sekali andainya perhubungan kita ini menjadi lebih kukuh." Tegasku pada Aineh.

"Ada sesuatu yang membimbangkan aku, Aineh!"

"Membimbangkan?"

"Ya....membimbangkan. Aku bimbang kalau-kalau perhubungan kita ini tidak direstui oleh keluarga Aineh nanti."

"Apakah kau yakin bahawa orang tuaku tidak merestui perhubungan kita?" Soal Aineh lagi.

"Aku bimbanglah Aineh. Kebimbangan itulah yang selalu menyelubungi fikiranku selama ini," terangkan pada Aineh.

"Kau terlalu menurutkan kata hati serta perasaanmu, Sah. Kau terlalu Sah," kata Aineh lagi. Kata-kata Aineh

MULAI saat itu terputuslah secara tidak langsung hubunganku dengan Aineh. Dunia kurasakan bergegar. Bintang-bintang di langit seolah-olah berguguran menimpa kepalaku. Bumi yang kupijak bagai adanya duri-duri yang menikam daging tapak kakiku. Malah amatku rasakan nyawaku telah jauh meninggalkan jasadku.

itu bagaikan sindiran yang tajam menusuk ke anak telinga. Aineh seolah-olah tidak memahami perasaanku.

"Tetapi bagaimana kalau orang tuamu tidak merestuinnya." Tanyaku pada Aineh dengan nada suara yang parau sedikit. "Aku tidak mahu kehilangan dirimu, Aineh," sambungkan lagi.

"Aku juga tidak mahu kehilanganmu, Sah. Biarlah Tuhan saja yang tahu betapa besarnya harapanku untuk hidup bersamamu."

Aku mengerti perasaan gadis yang di sisiku itu. Betapa besarnya harapan Aineh terhadapku. Aku juga menaruh harapan sebesar harapan Aineh, gadis yang kucintai selama ini.

Sunyi sepi tidak ada suara kedengaran. Di depan kami lautan tenang yang luas terdampar indah. Bayu bertiuap lembut mengulas-ulas anak rambut Aineh yang panjang terjuntai ke bawah.

Senja semakin gelap menutup pandangan. Di dada langit kelihatan bintang-bintang mulai bersinar menampakkan cahayanya.

"Baiklah, Aineh. Aku akan cuba menemui kedua orang tuamu nanti. Harapanku semogalah aku tidak menjadi penanti serta perenung pada pantai ini seandainya terjadi sesuatu di antara kita." Terangkan pada Aineh.

"Apakah maksud kau, Sah?" Tanya Aineh kehairanan.

"Pantai akan berubah bila setiap kalinya ombak melanda menghempas sisiran pasir di pantai. Inikan pula kita manusia....!"

dinginan mulai terasa bila angin malam bertiuap lembut. Aku lihat Aineh melipatkan di antara kedua tangannya di atas dadanya. Mungkin Aineh kesejukan, bisik hati kecilku. Aku melirik ke wajah Aineh yang kedinginan. Aku tersenyum sendirian.

Aku melirik jam di tangan-ku, sudah menunjukkan jam sembilan malam. "Dah jam sembilan malam, Aineh. Marilah kita pulang, nanti tercari-cari pula kedua orang tua Aineh nanti...."

Aineh tidak bersuara hanya menggugurkan kepalanya saja. Aku menger- ting dengan tingkah laku Aineh.

Kami berlalu meninggalkan pantai M. Sambilnya di persimpangan jalan yang memisahkan rumah, kami pun berpisah. Aineh berlalu menuju ke rumah orang tuanya yang cuma beberapa meter saja dari persimpangan itu. Aku melihat saja Aineh berlalu dan bila Aineh hilang dari pandanganku, aku pun meninggalkan persimpangan jalan menuju ke rumah orang tuaku.

Beberapa minggu yang berlalu. Aku cuma menemui kedua orang tua Aineh dengan niat yang suci bersih. Namun setiap yang baik itu tidak terjadi dengan baik, malah aku mendapat cacian dari pihak keluarga Aineh yang begitu terkenal dengan adat kesopanan. Malah ayah Aineh mengancamku untuk menghapuskan aku dari dunia itu seandainya aku meneruskan perhubunganku dengan Aineh.

Mulai saat itu terputuslah secara tidak langsung hubunganku dengan Aineh. Dunia kurasakan bergegar. Bintang-bintang di langit seolah-olah berguguran menimpa kepalaku. Bumi yang kupijak bagai adanya duri-duri yang menikam daging tapak kakiku. Malah amatku rasakan nyawaku telah jauh meninggalkan jasadku.

Untuk beberapa hari, aku menyendiri di dalam kamar rumahku. Makan minum tak pernah aku hiraukan lagi. Tidurku tidak selalu nyenyak. Setiap detik wajah Aineh dan Borhan, ayah Aineh saling berganti melewati di ruangan benakku. Setiap suara yang kudengar yang menikam ke anak telinga bagaikan suara. Borhan yang mencaci

LIHAT MUKA 5



DARI MUKA 4

serta menghalang perhubungan di antara kami berdua.

Sejak hari itu aku jadi orang yang penyepi. Setiap petang aku akan ke pantai M, untuk menghilangkan rasa kesepianku. Di pantai M, aku sanggup duduk berjam-jam untuk menikmati keindahan ombak bermain di dada pantai. Suasana pantai yang tenang bisa menghidupkan kembali kenangan manis bersama Aineh.

Aku mengenali Aineh pada pesta ulang tahun seorang sahabat. Pada malamnya itu kebetulan Aineh tidak berteman. Aineh duduk bersendirian di ruang sudut yang terpencil. Hatiku tertarik untuk berkenalan dengannya, lalu aku pun menghampirinya.

"Maaf saudari, apakah saya boleh duduk di sini?" Tanyaku memulakan perbincangan. Aineh tersenyum lalu mempelawa aku duduk.

"Boleh saja. Silakan duduk," Suara Aineh begitu mesra sekali.

Diam seketika. Bunyi muzik ulang tahun bergema memenuhi ruangan bangunan tersebut.

"Bersendirian saja?" Tanyaku lagi.

"Ya!" Sahut Aineh ringkas.

"Oh, ya!, perkenalkan nama saya Sah Elleys. Nama saudari?" Tanyaku lalu menghulurkan tangan untuk bersalaman. Aineh menyambut tanganku. Kami pun bersalaman. Aineh tersenyum.

"Panggil Aineh saja," jawab Aineh ringkas.

Aku mengajak Aineh untuk menari, dia tidak keberatan atas pelawaanku. Pada malam itu kami tak habis-habis berbual. Aineh minta diri bila sudah lewat malam.

"Saya pergi dulu, ya!" Aineh memohon diri untuk pergi.

"Selamat jalan, hati-hati ya!" Jawabku ringkas. Entah mengapa hatiku begitu berat untuk melepaskan Aineh berla-
lu.

"Selamat tinggal, hingga jumpa lagi," lalu Aineh berlalu meninggalkan aku.

Sejak hari itu aku selalu menemui Aineh. Perkenalan dari hari ke sehari semakin rapat dan mulailah lahir bibit-bibit yang dinamakan cinta di sudut hati antara kami.

Tetapi kini semuanya telah pun berlalu, yang tinggal hanyalah kenangan manis yang terasa pahit bila dikenang kini jadilah aku seorang perenung dan penanti pada pantai yang setia menanti kehadiran ombak pada setiap kali ianya memecah.

setia menanti kehadiran ombak pada setiap kali ianya memecah.

Senja semakin gelap menutup pandangan. Warna merah keemasan sudah tidak lagi kelihatan di permukaan laut. Namun pemandangannya masih menarik.

Jauh di hujung sana aku dapat melihat lembaga seorang manusia yang menuju ke arahku. Semakin lama semakin dekat. Aku dapat mengenali sekujur tubuh itu walaupun sudah setahun berlalu. Sekujur tubuh itu telah pun berada di depanku.

"Aineh!" Tercetus saja suara itu dari mulutku. Entah mengapa saat itu hatiku terlalu gembira. Namun perasaan gembira itu hilang tiba-tiba teringat akan

.....

"AINEH!"
Tercetus saja suara itu dari mulutku. Entah mengapa saat itu hatiku terlalu gembira. Namun perasaan gembira itu hilang tiba-tiba teringat akan kata-kata ayah Aineh dulu, lalu timbullah perasaan benci terhadap gadis itu. Kenapa baru sekarang ia menjelma. Di hatiku penuh dengan rasa kebencian terhadap gadis yang berada di depanku.

.....

kata-kata ayah Aineh dulu, lalu timbullah perasaan benci terhadap gadis itu. Kenapa baru sekarang ia menjelma. Di hatiku penuh dengan rasa kebencian terhadap gadis yang berada di depanku.

Aku berlalu dari situ tanpa memperdulikan Aineh. Aineh memanggil namaku dari belakang. Aku tetap dengan langkahku. Rasa kebencian meluap-luap di dalam hatiku.

"Sah...Sah, tunggu dulu Sah!" Suara Aineh memanggil berkali-kali. Aku tetap tidak menghi-

.....

TETAPI kini semuanya telah pun berlalu, yang tinggal hanyalah kenangan manis yang terasa pahit bila dikenang kini jadilah aku seorang perenung dan penanti pada pantai yang setia menanti kehadiran ombak pada setiap kali ianya memecah.

.....

raukannya malah aku mempercepatkan langkahku. Aineh berlari untuk mengikuti dari belakang. Aineh berjaya menangkap bahunya, lalu aku pun menoleh menghadap kepadanya.

"Sah.....! Aineh minta maaf atas segala yang terjadi. Bukanlah kehendak Aineh melakukannya ini. Percayalah Sah, bahawa Aineh tetap seperti dulu." Suara Aineh tersekat-sekat. Aineh menangis.

Aku tahu Aineh tetap masih mengasihiku. Namun rasa kebencian tetap membara di lubuk hatiku. Memang aku akui Aineh tetap seperti dulu hanya tubuh badannya kurus sedikit pada penglihatanku.

"Sah.....apakah kau tidak memaafkan aku?" Tanya Aineh lagi dengan tersedu-sedan. Aineh masih lagi menangis.

"Aineh.....sejak dari dulu lagi aku sudah memaafkan dirimu. Tapi....."

"Tapi apa Sah?" Potong Aineh cepat.

"Tapi.....Sah tak mungkin dapat bersama-samamu lagi, Aineh."

"Tapi mengapa Sah?" Soal Aineh lagi. Air matanya masih lagi membasahi pipi.

"Terlalu berat untuk kukatakan, Aineh. Tapi biarlah aku katakan bahawa pintu hatiku kini tertutup pada setiap wanita." Aku meluahkan rasa kekecewaan pada Aineh. Gadis itu tunduk membisu.

"Walaupun pada Aineh?" Soal Aineh lagi.

"Ya! Mungkin. Tapi percayalah bahawa kasih yang tersemadi di lubuk hati ini tidak pernah luntur walaupun sesaat." Aineh memandang tepat ke mukaku. "Sebenarnya aku masih mencintaimu sampai saat ini dan aku sering mengharapkan agar kau kembali mengisi kekosongan hatiku yang sedang kecewa ini," sambungku lagi.

Aineh berlari mendapatkanku. Aku begitu jua.

"Kini aku tidak lagi jadi perenung serta penanti seperti pantal ini." Bisikku ke telinga Aineh. Aineh tersenyum. Kami saling bertukar senyum, bintang-bintang di langit seakan tersenyum bagaikan turut gembira. Penantian yang selama ini aku alami telah berakhir dengan satu kenyataan.

.....

PUISI

SENANDUNG ANAK GEMBALA

Simpati hati kepada anak yang sedang berdendang sendirian berjuang tiada berteman tanpa baju kepala telanjang di tengah pancaran mentari

Maka itulah anak gembala warisan dari satu daerah manusia yang bernama gembala.

Di bawah pepohon rendah dia berteduh keletihan dan kehausan menikmati bekal yang sedia dibawa seruling pusaka menghiburnya sebagai teman setia di dalam perjuangan maklum sajalah sehairan dalam berjuang bermandikan tanah lumpur perkara biasa dan setiap Maghrib lalu pulang ke rumah.

Dan di sini aku berdiri menikmati hembusan sang bayu membawa bisikan kudus seruling dari anak gembala terus mendendang alam jagat harmoni.

Aku masih berdiri bagai menanti kekasih yang tak kunjung tiba. Esok biarku turut sama berjuang ke bendang menemani anak gembala dikecam mentari yang panas dibalut lumpur yang becak aku tidak peduli.

Pasti anak gembala gembira berjuang tiada lagi keseorangan.

SERUAN SUCI

Kini usah ditunggu pintu itu terkunci rapi ketika masih ada sinar harapan untuk kau melaluinya.

Bila kau melangkah jangan gentar dan ragu jangan peduli duri melintang ikut dan teguhkan tekadmu.

Cuma sekali sahaja kau rebut hadiah ini di rembang senja yang putih tumpas sebelum awan biru menghitam di saujana mata kegelisahan.

Usah ditunggu lagi pintu itu terkunci rapi membiar samudera berhenti bersandiwara mungkin hari ini, esok dan entah bila-bila segalanya akan pasti kau baca.

Sekali ia terhempas luas sekali juga ia tertutup rapi bila kelak kau akan menyesal mencari perteduhan damai dan tempat tinggal rahmat.

Hanya kau seorang dapat menentukan segala ke arah bahagia dan celaka di pelabuhan abadi antara nikmat dan sengsara.

BAZILAH DARUSSALAM.

MALAM

Bila senja tenang menghampiri malam kerinduan berkelopak dedaun mendiamkan diri dari risikan bayu udara menghilangkan panas siang terlena di pucuk damai.

Beginilah nasib mengharap malam menerkam dapat memejamkan mata dari kerisauan dan cabut dari seribu satu persoalan aman.

Inilah diharapkan malam berterusan kerinduan kerisauan persoalan terkubur dalam mimpi bahagia.

MAS MALINJA.



سنتيا برسام بيسكيتا
Sentia Bersama Biskita

انثوق بيسكيت
UNTUK BISKITA

APA PENDAPAT BISKITA

BAGAIMANA MEMBANTU LEPASAN SEKOLAH MEMASUKI ALAM PEKERJAAN

GOLONGAN muda adalah terdiri daripada kelompok individu yang aktif dan mempunyai naluri semula jadi yang ingin sesuatu yang bermakna dalam hidup mereka. Mereka yang sebelumnya dahulu pernah menjejaki alam persekolahan tentu akan berfikir bahawa ke manakah arah yang hendak mereka tuju dan capai selepas sahaja menamatkan persekolahan mereka.

Maka dalam konteks ini, bidang kerjaya atau pekerjaan adalah menjadi salah satu objektif dan matlamat hidup mereka apabila sahaja tamat daripada persekolahan. Bagi memenuhi tujuan ini, maka penglibatan beberapa pihak adalah diperlukan dalam membantu generasi-generasi muda dalam menerokai dan mencari bidang pekerjaan. Satu usaha yang telah pun dijalankan ialah 'Tetamu Kerjaya' yang diadakan secara berperingkat-peringkat bagi memberi peluang orang ramai yang berminat terutama anak-anak muda yang dalam dilema mencari pekerjaan.

Bimbingan kerjaya atau baka kerjaya melalui penubuhan dan penglibatan pusat-pusat latihan, maktab-maktab, institusi-institusi pengajian tinggi dan prauniversiti telah menyediakan beberapa jurusan yang sesuai bagi kebolehan dan

keperluan golongan muda seperti jurusan akademik, teknik, perdagangan, pertanian, pertukangan dan seni bina, urusan rumahtangga dan lain-lain lapangan lagi. Semua jurusan ini adalah perlu disediakan memandangkan kebolehan dan kecenderungan seseorang itu berbeza-beza.

Tujuan ini juga adalah menggalakkan anak-anak muda itu boleh bekerja dan berdikari dan bukan semata-mata untuk mendapat kerja 'white-collar' kerana kita menyedari bahawa tidak semua lepasan-lepasan sekolah itu boleh menjawab jawatan kerajaan. Maka dalam hal ini, usaha yang gigih dan berkesan dengan patutlah tertanam di jiwa anak-anak muda dalam mencapai kehidupan yang harmoni dan teratur lagi dinamis.

Oleh :

Rosimah binti Hj. Takong
No. 19 Jalan 11, Kampong
Perpindahan Lambak Kanan,
Berakas,

Negara Brunei Darussalam

Tajuk akan datang ialah
KURANGNYA MEMBERIKAN
JADUAL LATIHAN/SENAMAN
MENJADI PENYEBAB MENINGKATNYA
KEBANYAKAN JANTUNG
KORONARI.

Tarikh tutup : 8 Jun, 1992.

سكيتار. تي. بي

SEKITAR RTB

PENERBITAN-PENERBITAN SUKAN DI RADIO

DALAM usaha untuk mempelbagaikan rancangan-rancangan radio yang berkualiti sudah barang tentu memerlukan kerja yang bersistematik lagi mempunyai perancangan yang rapi. Ke arah ini Seksyen Sukan Radio telah pun berusaha untuk memenuhi kehendak pendengar kita bagi sama-sama memberi kepuasan kepada mereka di samping dapat mengikuti siaran radio dari masa ke semasa.

Setakat ini Seksyen Sukan Radio telah pun menerbitkan beberapa rancangan yang antara lain mendekatkan orang ramai mengetahui perkembangan sukan semasa melalui rancangan Arena Sukan, kemudian memberi maklumat mengenai dengan kegiatan-kegiatan sukan yang berlaku di negara kita melalui rancangan harian Berita Sukan, perkembangan sukan antarabangsa yang perlu diketahui oleh orang ramai melalui rancangan Sukan Dunia, dan meninjau lebih dekat mengenai dengan acara-acara yang berlangsung sepanjang hujung minggu melalui rancangan Gelanggang Sukan. Di samping itu Seksyen Sukan Radio

juga berjaya menerbitkan rancangan Kuiz Sukan yang antara lain bertujuan untuk menguji sejauh mana kemampuan mereka mengetahui perkembangan sukan semasa baik di dalam mahupun di luar negeri.

Seksyen Sukan Radio juga sering kali membuat liputan khas yang dianggap perlu didedahkan kepada umum. Antaranya siaran langsung Liga Semi-Pro, Sukan Merdeka, dan beberapa acara sukan yang melibatkan negara di peringkat antarabangsa misalnya Sukan SEA. Sejak tahun 1979 Seksyen Sukan Radio berperanan ke arah meninjau lebih dekat lagi mengenai dengan kemampuan ahli-ahli sukan kita yang menyertai di Sukan SEA dan sekaligus memberi perangsang kepada ahli-ahli sukan supaya berusaha ke arah kecemerlangan.

Dan yang akhir sekali Seksyen Sukan Radio menerbitkan satu lagi rancangan yang bertajuk Tetamu Sukan. Rancangan ini dihasilkan untuk mengenang jasa ahli-ahli sukan kita yang pernah mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa. Sebenarnya sebahagian

daripada kita ada yang tidak mengetahui ahli-ahli sukan yang pernah berjasa. Kita berharap dengan adanya rancangan ini ianya sedikit sebanyak menjadi pendorong kepada ahli-ahli sukan kita pada waktu ini supaya berusaha bersungguh-sungguh untuk menaikkan imej sukan di negara kita ini. Begitulah serba sedikit mengenai dengan rancangan-rancangan sukan di radio yang mempunyai target tersendiri dalam usaha membantu Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meningkatkan mutu sukan negara dan seterusnya mampu bersaing dengan negara-negara lain.

Kita patut bersyukur kerana kerajaan melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan sentiasa memberi dorongan yang kuat ke arah meningkatkan mutu sukan negara. Melalui RTB, insya Allah orang ramai dapat mengetahui lebih dekat lagi kemudahan-kemudahan yang diberikan oleh kerajaan. Majulah Sukan Untuk Negara.

PAI AYAM

Bahan-bahannya:

Kulitnya — Pasteri rapuh

8 oz tepung biasa

2 oz mentega

2 oz marjerin

1 sudu teh garam

2 sudu besar air sejuk

1 biji telur

Isinya :

1 keping peha ayam buang

tulang dan potong kecil-kecil

2 biji ubi kentang potong dadu

1 biji bawang besar cincang

halus

1 biji lobak merah potong dadu

2 sudu besar kacang peas

2 sudu teh tepung jagung

garam dan lada putih

secukupnya

2 sudu besar minyak masak

2 biji telur rebus

Menyediasi isinya :

1. Panaskan minyak, tumis

bawang sehingga layu.



- Masukkan daging ayam, lobak merah, ubi kentang dan sedikit air, masak sehingga daging ayam hampir empuk.
- Masukkan bahan-bahan perasa dan kacang peas.
- Bancuhkan tepung jagung dengan sedikit air, tuangkan ke dalam masakan, gaulkan rata-rata.
- Angkat dan sejukkan.

Cara membuatnya :


- Ayak tepung dan garam ke dalam mangkuk atau besin.
- Potong marjerin dan mentega kecil-kecil, masukkan ke dalam tepung dan gaul dengan jari sehingga halus.
- Masukkan air, gaul sehingga sehati.
- Uli perlahan-lahan sahaja.
- Bahagi pasteri kepada dua bahagian. Canaikan satu bahagian dahulu. Alaskan di dalam acuan pai.
- Masukkan isi yang telah sejuk-ratakan.
- Telur rebus dipotong nipis dan diturukan di dalam pai dengan rata.
- Canaikan pasteri yang sebahagian lagi. Tutupkan pai. Hiaskan di atasnya dengan pasteri-pasteri yang lebih.
- Sapukan telur di atasnya.
- Bakar di dalam oven gas no. 7/450°F sehingga kuning dan garing.

پانی نی ... NYA NINI

UBAT SAKIT PINGGANG

MENGHADAPI sakit pinggang adalah satu masalah yang amat berat sekali. Seseorang yang menghadapi sakit pinggang tidak tenteram dan tidak selesa akibat penyakit ini boleh diubati dengan petua yang mudah.

Ambil sebiji kepayas yang sederhana besarnya. Buah kepayas tadi hendaklah dibelah dua. Setelah membuang bijinya dan masukkan sebiji telur ayam di dalamnya. Kemudian kepayas tadi ditutup dengan menggunakan dawai. Selepas itu dimasukkan ke dalam air dan direbus. Biar buah kepayas tadi menjadi masak betul. Setelah itu buka kepayas tersebut dan ambil telur di dalamnya. Makanlah telur tersebut. Lakukan petua ini dua kali sehari. Insya Allah penyakit awda akan sembuh.





سنتياس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

مناریق میشتو این

MENARIK MINGGU INI

TETAMU SUKAN

SEKALI lagi rancangan Tetamu Sukan Radio akan menampilkan salah seorang pemain bolasepak tahun 60-an yang pernah mewakili Brunei di beberapa kejohanan termasuk Kejohanan Bolasepak Piala Borneo. Beliau terkenal dengan kawalan bola yang baik. Tetamu yang kita maksudkan ialah Awang Haji Idris Damit. Ikutilah siarannya pada hari Ahad ini 7 Jun jam 11.45 pagi dan ulangannya pada hari Selasa, 9 Jun jam 1.45 petang.



SKUAD Negara Brunei Derussalam dalam tahun 1969 ketika menyertai Kejohanan Bolasepak Piala Borneo di Sandakan Sabah. Awang Haji Idris duduk di kanan sekali. Turut dalam rombongan selaku ketua rombongan ialah Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan berdiri nombor dua dari kanan.

RAMPAI PAGI

HARI JUMAAT

RANCANGAN Rampai Pagi akan menemui awda dengan bahan-bahan yang menarik seperti :

- Hari Raya Korban.
- Penglibatan Mulaut Abatoir dalam Korban beramai-ramai.
- Urutan Dua Zaman.
- Laporan Dari Tanah Suci.
- Kuiz Sari Buku dan Telefon.

Jangan lupa untuk bersama Rampai Pagi pada 5 Jun, 1992 hari Jumaat jam 8.30 pagi.

HARI AHAD

BEBERAPA bahan yang menarik akan diutarakan dalam rancangan Rampai Pagi.

- Kursus Bimbingan Dan Kaunseling Bagi Guru-guru Kerjaya.
 - Usahawan Tempatan : Menternak Kambing - Awang Haji Tengah bin Hashim.
 - Kuiz Telefon
 - Domino : Membawa pengertian di sebalik susunan.
- Ikutilah rancangan ini pada 7 Jun, 1992 hari Ahad jam 8.30 pagi.

LIPUTAN SEMASA

Rabu 3 Jun

SAMBUTAN Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-31.

Jumaat 5 Jun

Sempena Hari Berhenti Merokok.

Isnin 8 Jun

Pesta Kebudayaan PERDA.

LADIES IN STEREO

BERSEMPENA dengan Hari Antarabangsa Alam Sekitar pada 5 Jun, Perkhidmatan Radio Inggeris akan menyiarkan sebuah lagi rancangan perbincangan wanita "Ladies In Stereo" kali ini bertajuk "Protecting The Environment". Ahli panel terdiri dari Dayang Siti Amin Mahali, Dayang Maudrene Nithi, Dayang Soraya Dato Hamid dan Sheila Janardanan (Pengerusi).

Rancangan ini akan disiarkan pada hari Jumaat 5 Jun jam 11.30 pagi dan ulangannya pada hari Sabtu, 6 Jun jam 11.00 pagi.



AHLI panel terdiri dari Dayang Siti Amin Mahali (kiri), Dayang Maudrene Nithi, Dayang Soraya Dato Hamid dan Sheila Janardanan (Pengerusi).

THE Prince Of Bel-Air, sebuah siri komedi akan menemui awda sekalian pada hari Jumaat 5 Jun jam 10.05 malam.

JUMAAT, 5 JUN

THE FRESH PRINCE OF BEL-AIR
'Will Get A Job';

BILA merasakan cara hidup di Bel-Air menjadikan dirinya lembik, Will mendapatkan kerja supaya dia dapat hidup dengan wang hasil dari titik peluhnya sendiri.

RABU, 3 JUN

HUNTER 'KILL ZONE'

(10.00 malam)

HUNTER dan Molenski menyiasat siri pembunuhan/rogol yang terjadi seakan-akan sama dengan pembunuhan ke atas seorang Vietnam 26 tahun yang lalu. Bagi Molenski pembunuhan yang kejam itu memulihkan kembali ingatan kematian sahabatnya sewaktu masih kecil.

LAPORAN DARI TANAH SUCI

RADIO:

Tiap-tiap hari jam : 5.00 petang.
Jumaat dan Ahad dalam Rancangan Selamat Pagi jam 9.00 pagi.

TV:

Tiap-tiap Rabu selepas siaran Sudut Pelita.



WAYANG Pilihan 'Killer Instinct' akan d'tayangkan menerusi televisyen Brunei pada hari Khamis, 4 Jun jam 10.20 malam.

تیرای کلوارڈ Tirai Keluarga

AHAD, 7 JUN (8.00 MALAM)

BIAR BULAN ITU

DENGAN barisan pelakon Marissa Haque, El Manik, Ikang Fawzi dan Rima Melati, Tirai Keluarga minggu ini membawakan kisah rumahtangga seorang usahawan yang kaya. Pada pandangan mata masyarakat pasangan ini hidup bahagia tapi dalam penderitaan. Si suami mendapat simpati dari setiausahanya dan sekaligus mencintainya.

مستیت سیلم Mustika Silam

SABTU, 6 JUN, JAM 8.00 MALAM

'PUTUS SUDAH KASIH SAYANG

DENGAN barisan pelakon P. Ramlee, Latifah Omar, Bab Mustafa, Mariani, A.K. Jailani, Hashim Toverly, 'Putus Sudah Kasih Sayang' mengisahkan perjalanan hidup Rostam bersama dengan isteri dan anaknya Rosman. Isteri Rostam lumpuh. Pertemuan Rostam dengan Lida seorang penyanyi kelab malam telah tara itu pula isterinya yang lumpuh mengharapkas kasih sayang untuk mendirikan rumahtangga. Semen-lumpuh itu dimadu? Untuk mengetahui cerita selanjutnya saksikanlah tayangannya Sabtu ini kira-kira jam 8.00 malam.



ستيااس برسام بيسيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تيليڤيشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak
menyebarkan siaran ini
ke seluruh negara

سروان سوعي Seruan Suci

- (3 Jun)
Tajuk : Alamat Iman Bhg II.
- (4 Jun)
Tajuk : Sembahyang Tahajud.
- (5 Jun)
Tajuk : Sembahyang Tasbeeh.
- (6 Jun)
Tajuk : Sembahyang Istikharah.
- (7 Jun)
Tajuk : Sembahyang Hajat.
- (8 Jun)
Tajuk : Sembahyang Taubat.
- (9 Jun)
Tajuk : Pengertian Takwa.

عمالن سنة Amalan-Amalan Sunat

- (3 Jun)
Tajuk : Sembahyang Duha.
- (4 Jun)
Tajuk : Doa Waktu Pagi dan Petang.
- (5 Jun)
Tajuk : Zikir Waktu Pagi dan Petang.
- (6 Jun)
Tajuk : Doa Selepas Tahiyat Akhir I.
- (7 Jun)
Tajuk : Doa Selepas Tahiyat Akhir II.
- (8 Jun)
Tajuk : Penghulu Istighfar.
- (9 Jun)
Tajuk : Mendoakan Orang Berjasa.

SIRI PILIHAN LIFE GOES ON

(6 Jun, jam 10.30 malam)

CHARLIE Haines (Mark Blankfield) kawan lama Drew Thatcher (Bill Smitrovich) memperalatkan Drew untuk kebaikan dirinya sendiri. Sementara itu pula Becca dan Zoe menghadapi masalah. Mereka tidak lagi mahu tinggal sebilik.

FAMILY MEDICAL CENTER

(8 Jun, jam 9.25 malam)

JEANNE Ellis menghidap penyakit Munchausen Syndrome. Dr. Jaffe mencadangkan khidmat nasihat. Ely Parker pula menghadapi masalah pernafasan, tapi ini hanya akan terjadi setiap hari Sabtu bila dia membersihkan rumah. Dr. K.C Nicholson memberi tahu Ely sensitif pada debu hama.

RABU 3 JUN

PETANG

- 4.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
- 4.02 AL-QURAN
- 4.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.15 TALESPIN 'A Spie In The Ointment'
- 4.40 POPEYE CARTOON
- 5.05 WISHKID 'Darryl's Trouble'
- 5.30 HOGAN FAMILY 'The Baby Stops Here'
- 5.45 RINGKASAN BERITA HOGAN FAMILY — Sambungan
- 6.00 WIDGET 'The Carnival Kids'
- 6.31 AZAN MAGHRIB
- 6.36 AL-QURAN DAN TAFSIRANNYA
- 6.45 SERUAN SUCI 'Alamat Iman' Bhg II

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.20 SELINGAN
- 7.46 AZAN ISYAK
- 7.51 SELINGAN — Sambungan
- 8.30 WARTA BERITA
- 9.05 SUDUT PELITA
- 9.10 LAPORAN DARI TANAH SUCI
- 9.20 LIPUTAN SEMASA HERMAN'S HEAD 'Herman — Ator'
- 9.40 HUNTER 'Kill Zone'
- 10.10 DARTS — EMBASSY
- 11.00 WORLD PROFESSIONAL 1992
- 11.50 DOA
- 12.00 SIARAN TAMAT

KHAMIS 4 JUN

PETANG

- 4.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
- 4.02 AL-QURAN
- 4.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.15 SESAME STREET
- 5.10 BABAR (Siri Baru) 'Babar's First Stop'
- 5.35 TORKELSONS 'A Sigh Is Just A Sigh'
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 TORKELSONS — Sambungan
- 6.00 WILDLIFE ON ONE 'Fastest Claw In The West'
- 6.31 AZAN MAGHRIB
- 6.36 AL-QURAN DAN TAFSIRANNYA
- 6.42 SERUAN SUCI 'Sembahyang Tahajud'

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.20 HIDAYAT
- 7.46 AZAN ISYAK
- 7.51 HIDAYAT — Sambungan
- 8.00 SURAH YAASIN
- 8.30 WARTA BERITA
- 9.05 DUNIA MINGGU INI
- 9.30 KUIZ HURAH
- 10.20 WAYANG PILIHAN 'Killer Instinct'
- 12.00 DOA
- 12.10 SIARAN TAMAT

JUMAAT 5 JUN

PAGI

- 8.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
- 8.02 AL-QURAN
- 8.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 8.15 STORY WORLD
- 8.30 RAMPAL PAGI (Siaran Langsung)
- 9.30 THE NEW ADVENTURES OF THE BLACK BEAUTY
- 9.55 CERAMAH JUMAAT
- 10.25 SEKITAR HAL EHWAL AGAMA
- 11.00 DAY IN THE LIFE
- 11.30 WARTA BERITA
- 11.40 THE YOUNG RIDERS 'Ghosts'
- 12.30 SEMBAHYANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN, BSB (Siaran Langsung)

PETANG

- 1.30 BIMBINGAN ISLAM
- 1.45 SUSUNAN RANCANGAN
- 1.50 SUKAN DUNIA
- 2.50 NADASARI — Ulangan
- 3.25 CAMP CANDY
- 3.48 AZAN ASAR
- 3.51 CAMP CANDY — Sambungan
- 3.55 DARKWING DUCK
- 4.20 STARSTREET ANIMATION
- 4.45 ASEAN DOCUMENTARY 'Indonesia Traditional Games'
- 5.15 FULL HOUSE 'Bye Bye Birdie'
- 5.40 MARI BELAJAR MENGAJI RINGKASAN BERITA
- 5.45 MARI BELAJAR MENGAJI — Sambungan
- 6.00 THE CHANGING CITY 'Bakhtapur — A City Under Restoration'
- 6.31 AZAN MAGHRIB
- 6.36 AL-QURAN DAN TAFSIRANNYA
- 6.42 SERUAN SUCI 'Sembahyang Tasbeih'

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.20 DRAMA 'Mayang Sari' Bhg II
- 7.46 AZAN ISYAK
- 7.51 DRAMA — Sambungan
- 8.30 WARTA BERITA
- 9.00 KHUTBAH JUMAAT
- 9.15 LIPUTAN SEMASA DOCUMENTARY — 360 DEGREES 'Spain'
- 10.05 FRESH PRINCE OF BEL AIR
- 10.35 GOLD
- 11.25 DOA
- 11.35 SIARAN TAMAT

SABTU 6 JUN

PETANG

- 4.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
- 4.02 AL-QURAN
- 4.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.15 SESAME STREET
- 5.05 PIRATES OF DARK WATER 'Panacea'
- 5.30 A DIFFERENT WORLD
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 A DIFFERENT WORLD — Sambungan
- 6.00 ATTACK OF THE KILLER TOMATOES
- 6.31 AZAN MAGHRIB
- 6.36 AL-QURAN DAN TAFSIRANNYA
- 6.42 SERUAN SUCI 'Sembahyang Istikharah'

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.20 MEETING POINT 'How We Dress'
- 7.47 AZAN ISYAK
- 7.52 MEETING POINT — Sambungan
- 8.00 MUSTIKA SILAM 'Putus Sudah Kasih Sayang'
- 8.30 WARTA BERITA
- 9.00 MUSTIKA SILAM — Sambungan
- 10.00 PERFECT STRANGERS 'Hocus Pocus'
- 10.30 LIFE GOES ON 'The Buddy'
- 11.20 POWER BOAT RACING 'European Grand Prix'
- 11.45 DOA
- 11.55 SIARAN TAMAT

AHAD 7 JUN

PAGI

- 8.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
- 8.02 AL-QURAN
- 8.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 8.15 MARI BELAJAR HADRAH
- 8.30 RAMPAL PAGI (Siaran Langsung)
- 9.30 CHILDREN'S WARD
- 10.00 ZORRO 'They Call Her Annie'
- 10.30 CHALLENGE 'Atlantic'
- 11.00 SUNDAY MATINEE 'Lost'

TENGGAH HARI

- 12.00 BERITA TENGAH HARI
- 12.15 SELINGAN
- 12.21 AZAN ZUHUR
- 12.26 SUNDAY MATINEE — Sambungan
- 12.55 SUSUNAN RANCANGAN

PETANG

- 1.00 ENGLISH SOCCER 'Leeds Vs Norwich City'
- 1.50 ADVENTURES OF SHERLOCK HOLMES 'Re Heded Leagur'
- 2.40 TAYANGAN GAMBAR 'Paratrooper'
- 3.46 AZAN ASAR
- 3.51 TAYANGAN GAMBAR — Sambungan
- 4.15 FUN HOUSE
- 4.40 TOTALLY HIDDEN VIDEO
- 5.10 RENCANA TEMPATAN — Warihan 'Suruk'
- 5.35 WHO'S THE BOSS 'You Can Go Home Again'
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 WHO'S THE BOSS — Sambungan
- 5.55 LITTLE ROSEY
- 6.31 AZAN MAGHRIB
- 6.36 AL-QURAN DAN TAFSIRANNYA
- 6.45 SERUAN SUCI 'Sembahyang Hajat'

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.20 ERA 'Peranan ECA Di Sekolah-Sekolah'
- 7.47 AZAN ISYAK
- 7.52 ERA — Sambungan
- 8.00 TIRAI KELUARGA 'Biar Bulan Itu'
- 8.30 WARTA BERITA
- 9.00 TIRAI KELUARGA — Sambungan
- 10.00 SUDUT ASIA
- 10.30 TRUE COLORS

- 10.55 CHINA BEACH 'One Giant Leap'
- 11.45 DOA
- 11.55 SIARAN TAMAT

ISNIN 8 JUN

PAGI

- 4.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
- 4.02 AL-QURAN
- 4.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.15 ADVENTURES OF DYNAMO DUCK
- 4.40 SCHEME OF THINGS 'The Cycle Of Life'
- 5.05 SURVIVAL 'Sunlight And Shadow'
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 SURVIVAL — Sambungan
- 6.05 ALFRED J. KWAK
- 6.32 AZAN MAGHRIB
- 6.37 AL-QURAN DAN TAFSIRANNYA
- 6.45 SERUAN SUCI 'Sembahyang Taubat'

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.20 L.A. LAW
- 7.47 AZAN ISYAK
- 7.52 L.A. LAW — Sambungan
- 8.30 WARTA BERITA
- 9.05 LIPUTAN SEMASA
- 9.25 FAMILY MEDICAL CENTER 'Munchausen's Syndrome/Dust Mites'
- 9.50 TAYANGAN GAMBAR 'The Last Reunion'
- 11.20 DOA
- 11.30 SIARAN TAMAT

SELASA 9 JUN

PETANG

- 4.00 PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
- 4.02 AL-QURAN
- 4.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.15 WONDERFUL WIZARD OF OZ 'Escape From The Emerald City'
- 4.40 GRUEY
- 5.05 MIGHTY MOUSE AND FRIENDS
- 5.35 MEDICINAL DRUGS 'Chemistry Versus Nature'
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 MEDICINAL DRUGS — Sambungan
- 6.00 PETER PAN AND THE PIRATES
- 6.32 AZAN MAGHRIB
- 6.37 AL-QURAN DAN TAFSIRANNYA
- 6.45 SERUAN SUCI 'Pengertian Takwa'

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.20 MACGYVER
- 7.48 AZAN ISYAK
- 7.53 MACGYVER — Sambungan
- 8.30 WARTA BERITA
- 9.05 REKASENI 'Bingkai Gambar Daripada Polestrian'
- 9.35 ARENA SUKAN
- 10.35 JUST FOR THE RECORD
- 11.30 DARK JUSTICE 'Diplomatic Immunity'
- 11.50 DOA
- 12.00 SIARAN TAMAT

سوسون رنچاغن راديو

susunan rancangan RADIO

THAK RTB Rancangan Rancangan

BAHAGIAN MELAYU

RABU, 3 JUN

PAGI: 10.15 Varia Peristiwa; 11.00 Kugiran Tanahair; PETANG: 1.00 Sudut Pelita; 1.30 Sudut Hobi; 3.15 Tetamu Radio (SU); MALAM: 7.00 Gema Pembangunan (SU); 8.15 RTB Minggu ini (SU); 8.30 Lagu-Lagu ASEAN (SU); 9.00 Permintaan Salam Mesra.

KHAMIS, 4 JUN

PAGI: 10.15 Tahukah Awda (SU); 11.00 Senandung Melayu; PETANG: 3.15 Majalah Agama; MALAM: 7.00 Bacaan Surah Yaasin; 8.30 Nur Islam; 9.00 Belia (SU); 9.30 Ashbabun Nuzul.

JUMAAT, 5 JUN

PAGI: 10.15 Soalan Di Udara/Apa Pendapat Biskita (SU); 10.30 Salam Muhibah RTB/RTM; 11.30 Jendela Masyarakat; 11.45 Nada Pedoman; THARI: 12.15 Bacaan Al-Quran Antarabangsa; 12.30 Siaran Langsung Menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat; PETANG: 2.00 Majalah

Agama (SU); 2.30 Liwa Ul-Islam; 2.45 Terkenang Semasa Dulu; 3.15 Kemasyarakatan Agama; 4.00 Nur Islam (SU); 4.30 Lagu-Lagu ASEAN; 5.00 Drama; 5.45 Suntingan Khutbah Jumaat; MALAM: 7.00 Melodi Si Alai (SU); Senandung Melayu (SU); 8.15 Ruangan Kitali (SU); 8.45 Ashbabun Nuzul; 9.30 Bangsawan Di Udara (SU).

SABTU, 6 JUN

PAGI: 10.15 Soalan Di Udara/Apa Pendapat Biskita (SU); 10.30 Rampasari; PETANG: 1.30 Bimbingan Kerjaya; 3.15 Citra Irama; 5.45 Liwa Ul-Islam (SU); MALAM: 7.00 Muzika Tanahair; 8.15 Permintaan Malam Minggu; 9.00 Senandung Melayu.

AHAD, 7 JUN

PAGI: 10.15 Sukan Dunia; 10.30 Taman Mekar; 11.00 Pujuan Sukaramal; 11.30 Gema Pembangunan; THARI: 12.00 Sandiwara Radio; PETANG: 1.00 Permintaan Dua Stesen; 2.00 Ehwai Semasa;

12.15 Tetamu Radio; 3.15 Serbaneka Hiburan; 4.00 Jendela Masyarakat (SU); 4.15 Hubungan Muhibah RTB/RTI; 4.30 Muzika Tanahair (SU); 5.00 Arena Sukan; MALAM: 7.00 Data Ekonomi; 8.15 Terkenang Semasa Dulu (SU); 8.30 Nada Pedoman (SU); 9.00 Hiburan Selektika Malam.

ISNIN, 8 JUN

PAGI: 10.15 Majalah Wanita; PETANG: 1.30 Tetamu Sukan; 2.15 Sudut Hobi; 3.15 Pembangunan Masyarakat/Ulasan Buku; MALAM: 7.00 Arena Sukan (SU); 8.15 Bimbingan Kerjaya (SU); 8.30 Kemasyarakatan Kerjaya (SU); 9.00 Serbaneka Hiburan (SU); 9.30 Citra Irama (SU).

SELASA, 9 JUN

PAGI: 10.15 Taman Mekar (SU); PETANG: 1.15 Sekitar Daerah; 1.30 Tahukah Awda; 3.15 Bangsawan Di Udara; MALAM: 7.00 Belia; 8.30 Kugiran Tanahair; 9.00 Sandiwara Radio (SU); 9.30 Mari Berpantun.

BAHAGIAN INGGERIS

RABU, 3 JUN

MALAM: 8.00 Hello Tomorrow; 8.30 My Music; 9.00 Health On The Air (Repeat); 9.30 Perspective.

KHAMIS, 4 JUN

MALAM: 8.00 International Money Programme; 8.15 Sixty Minute Theatre: "The Roses Of Eyraby Don Taylor"; 9.30 Light Music - 23 rd Cambridge Folk Festival.

JUMAAT, 5 JUN

PAGI: 11.00 A Religious Talk; 11.15 Light Music From The Netherlands; 11.30 Ladies In Stereo: Protecting The Environment; THARI: 12.15 Roy Castle In Castle's On Air; 12.45 Friday Prayer Time Announcement; Just For Variety; PETANG: 1.30 Health Watch; 1.45 Interlude Of Music; 2.00 Country Music USA (Repeat); 2.30 Children's Half Hour; 3.00 Calling On You (A Request Programme); MALAM: 8.00 The World Of Books; 8.30 Teen's Entertainment (Repeat); 9.30 The Religious Talk (Repeat).

SABTU, 6 JUN

MALAM: 8.00 Melody Time/Hits In Germany; 8.30 The Arts World Wide; 8.45 Top Of The Pops; 9.30 Light Music From The Netherlands.

AHAD, 7 JUN

PAGI: 11.00 Children's Half Hour (Repeat); 11.30 Just A Minute; THARI: 12.00 Nostalgic Moments With Music From ASEAN; 12.45 Just For Variety; PETANG: 1.45 Top Of The Pops - (Repeat); 2.15 Teen's Entertainment; 3.00 Weekend Greetings (A Request Programme); MALAM: 8.00 Nostalgic Moments With Music From ASEAN (Repeat); 8.30 BBC Science Magazine; 9.00 Instrumental; 9.30 Country Music USA.

ISNIN, 8 JUN

MALAM: 8.00 Theatre Forty Five: "Sunday Voices by Rod Beacham"; 8.45 Frank Muir Goes Into: 9.30 International Profile President Frederick Chiluba of Zambia.

SELASA, 9 JUN

MALAM: 8.00 Just For You (A Request Programme); 9.00 BBC World Report; 9.30 Light Music.

RANCANGAN HARIAN

PAGI: 6.20 Jingle; 6.30 Opening Announcement; 6.32 Quran And Its Translation; 6.45 Berita Perdana (Relayed From The Malay Service); Weather Forecast Our Brunei; Dedication Time, Daily Dairy; 7.30 Local News; 7.35 Tide Times; 11.00 Ladies At Eleven (Kecuali Jumaat dan Ahad); THARI: 12.00 Afternoon Mix (Kecuali Jumaat dan Ahad) Road Safety, New Inventions, Sports News, Prayer Time Announcement; 12.30 News; Weather Forecast; 12.45 Our Brunei, National Event, Fun With Maths, Birthdays, Anniversaries... PETANG: 2.00 Afternoon Melodies (Isnin - Khamis); Prayer Time Announcement; MALAM: 8.15 News; Closing Prayers; 10.00 Close Down.

TETAMU RADIO

RANCANGAN ini akan disiarkan hari Ahad 7 Jun, 1992 jam 2.15 petang dengan memuatkan perbualan bersama AWANG ABD. RAHMAN BIN BABA, yang bergiat dalam bidang nyanyian.



SANDIWARA RADIO

SANDIWARA Radio minggu ini berjudul ANTARA DUA RASA, tulisan Gira Hayat Abadi, Kedah Malaysia.

Sandiwara ini menceritakan tentang Izan dan Azran yang saling menyintai. Mereka menyimpan hasrat untuk berkahwin. Tapi, hasrat itu hancur berderai bila ayah Izan secara senyap-senyap berkahwin dengan Mak Azran (seorang janda).

Ikutlah siarannya nanti pada 7 Jun, 1992 jam 12.00 tengah hari.



PILIHAN PENDENGAR

(Rabu, 3 Jun, 1992)

Rosewati Samail, Surawati Haji Mahmud, No. 54 Kampong Mata-Mata Gadong 3280, Negara Brunei Darussalam.

(Khamis, 4 Jun, 1992)

Dk. Norhayati Ahmad, Seria, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam.

(Sabtu, 6 Jun, 1992)

Mimi Marina Mohammad, No. 71 Kampong Sebakit, Jalan Tanjung Maya Tutong 5690, Negara Brunei Darussalam.

(Isnin, 8 Jun, 1992)

Siti Umy Khafsoh Burhan, Negara Brunei Darussalam.

(Selasa, 9 Jun, 1992)

Noorsarinah Abdullah, No. 18 Kampong Temada Temburong, Negara Brunei Darussalam.

DENGARKAN Radio Brunei Bagi Panduan Keselamatan Jalan Raya "Permulaan Hari Awda Jangan Disudahi Dengan Kedukaan dan Sesalan: Pandu Cermat Jiwa Selamat."



BAHAGIAN TIONGHOA

RABU, 3 JUN

PAGI: 10.00 - Drama Radio; 10.30 - Kehidupan dan Kesihatan (SU); PETANG: 6.00 - Liputan Nasional Radio.

KHAMIS, 4 JUN

PAGI: 9.30 - Mengenal Islam - Ulangan; 10.00 - Wanita dan Keluarga; PETANG: 6.00 - Kebersihan dan Perubatan.

JUMAAT, 5 JUN

PAGI: 10.00 Drama Radio; 10.30 Mimbar Hadis; PETANG: 5.15 - Mengenal Islam; 6.00 - Perspektif U.N.

SABTU, 6 JUN

PAGI: 10.00 - Wanita dan Keluarga. PETANG: 6.00 - English By Radio 'Follow Me'.

AHAD, 7 JUN

PAGI: 10.00 - Penyelidikan Mengenal Haiwan; 10.15 - Dunia

Belia; PETANG: 5.00 - Sudut Kanak-kanak; 6.00 - Sains dan Teknologi.

ISNIN, 8 JUN

PAGI: 10.00 - Drama Radio; 10.30 - Terbang Bersama Kami; PETANG: 6.00 - Ingin Tahu.

SELASA, 9 JUN

PAGI: 10.00 - Wanita dan Keluarga; PETANG: 6.00 - Kebersihan dan Perubatan.

RANCANGAN HARIAN

PAGI: 8.30 - Selamat Pagi Brunei Darussalam; 10.45 Berita Mandarin; PETANG: 4.00 - Hiburan Petang; 5.30 - Berita Perdana; 5.45 - Sekata Sehari/Bacaan Al-Quran; 6.15 - Berita Mandarin; 6.25 - Brunei Kita; 6.33 - Azan Maghrib; 6.40 - Irama Senja.

تايشن گمبر TAYANGAN GAMBAR تايشن گمبر

KHAMIS, 4 JUN

KILLER INSTINCT

(10.20 malam)

DENGAN barisan pelakon Melissa Gilbert, Woody Harrelson, Kevin Conroy, Lane Smith, Fernando Lopez dan William Marshall 'Killer Instinct' mengisahkan seorang doktor penyakit jiwa yang merasakan dirinya dalam bahaya setelah dia membuat keputusan untuk memulihkan seorang pesakit otak yang membahayakan.

AHAD, 7 JUN

LOST

(11.00 pagi)

PENYESUAIAN Buddy untuk hidup di luar bandar menjadi rumit disebabkan kemarahannya terhadap ayah tirinya. Bila perselisihan tidak dapat dikawal lagi, Buddy melarikan diri ke dalam hutan bersama-sama dengan anjingnya dan hilang.

Pelakon: Sandra Dee, Don Stewart, Ken Curtis, Sheila Newhouse.

AHAD, 7 JUN

PARATROOPER

(2.40 petang)

DENGAN pelakon utamanya Alan Lado, Leo Genn dan Susan Stephen 'Paratrooper' mengisahkan Kanada seorang pegawai tentera udara yang menyerahkan kuasa yang diamanahkan kepadanya bila kawannya mati disebabkan mengikut perintahnya. Dengan senyap-senyap Kanada memasuki askar payung terjun.

ISNIN, 8 JUN

THE LAST REUNION

(9.50 malam)

MENGISAHKAN Tamon lelaki bangsa Jepun yang menuntut bela atas kematian bapa dan ibunya yang dirogol oleh kumpulan gerila G.I. semasa Perang Dunia Kedua.

Pelakon: Cameron Mitchell, Leo Fong, Chandra Romero.

Belia dan Sukan

بليادان سوكن

Pendekatan yang berkesan perlu ke arah tingkatan mutu permainan bowling

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Dato Paduka Mohd. Yassin menyeru pemain-pemain bowling tempatan bergiat aktif serta mengambil pendekatan yang berkesan ke arah meningkatkan mutu permainan itu.

Selain daripada itu, Pengiran Dato Paduka juga berkata para pemain mestilah komited dalam pengurusan, sesi latihan profesional serta mengadakan kejohanan.

Berucap semasa merasmikan Kejohanan Bowling

1992, sempena Ulang Tahun Carlton di Pusat Utama Bowling, Jalan Kubah Makam Diraja, Pengiran Dato Paduka berkata terdapat banyak belia-belia bergiat dalam sukan bowling tetapi tidak mendapat latihan khusus daripada Persatuan Bowling.

"Perkara ini sangat mendukacitakan terutama mereka yang mempunyai bakat di mana mereka ini tidak mendapat bimbingan untuk meningkatkan kebolehan mereka," jelas Pengiran Dato Paduka.


Ke arah itu, Pengiran Dato Paduka menyarankan agar Persatuan Bowling melakukan sesuatu dalam mengembangkan bakat-bakat mereka supaya pemain-pemain yang mempunyai potensi ini dapat diketengahkan ke kejohanan-

KELOLAAN OLEH
HAJI AHAT
HAJI ISMAIL

kejohanan yang lain.

"Saya yakin dengan cara demikian kita akan dapat meningkatkan lagi sukan ini di kalangan para belia. Dengan penyertaan mereka itu akan dapat membantu Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memajukan sukan di negara ini," terang Pengiran Dato Paduka.

Kejohanan selama 15 hari anjuran Kongres Tenpin Bowling Negara Brunei Darussalam itu disertai oleh 14 buah pasukan tempatan.



SEDIA...Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Dato Paduka Mohd. Yassin beraksi di hari pembukaan Kejohanan Bowling di Pusat Utama Bowling. — Gambar oleh Pengiran Haji Abu Bakar PHO.

Tewaskan Perlis 2 — 1 Kegagalan awal pasukan negara kini tertebus

NEGARA Brunei Darussalam mencatatkan kemenangan pertama Liga Bola-sepak Semi-Pro Bahagian Dua dengan menumpaskan Pasukan Singa Utara, Perlis 2-1 di Stadium Negara Hasanal Bolkiah, Berakas Jumaat lepas.

Jaringan pemusnah pasukan tuan rumah diperolehi pada minit terakhir permainan hendak ditamatkan dalam satu pergelutan dekat pintu gol Perlis antara Haji Ishak Yusof dan Rais-khanoc Bolat penjaga gol Perlis kemudian disambar oleh Momin Haji Jaafar, terus merembat terkena salah seorang pemain pertahanan Perlis masuk ke pintu gol mereka sendiri.

Kemenangan itu sekaligus menolak anggapan awal tentang kelemahan pasukan negara, sebaliknya memberikan amaran kepada lain-lain pasukan supaya berwaspada apabila bertemu.

ADALAH dengan ini dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Tutong sedang memproses bagi mengisi jawatan-jawatan Ketua Kampung seperti berikut :-

1. Ketua Kampung Layong
2. Ketua Kampung Penapar
3. Ketua Kampung Tanjung Maya
4. Ketua Kampung Sengkarai
5. Ketua Kampung Bukit Beruang
6. Ketua Kampung Bakiau (Termasuk Kampung Pengkalau Mau dan Kebia)

Tanggagaji : CI E2 2 iaitu \$1,280.00 hingga \$1,930.00

Dengan hal yang demikian Jabatan Daerah Tutong menjemput/mempelawa penduduk kampung berkenaan untuk menghadapkan borang pencalonan seperti syarat-syarat dan kelayakan-kelayakan berikut :

- Kelayakan Calon Ketua Kampung :
(1) Setiap calon Ketua Kampung hendaklah :
a) Seorang rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam;
b) Sekurang-kurangnya mempunyai kelulusan pelajaran di peringkat Tingkat III atau kelulusan yang sebanding dengannya;
c) Bermastautin di kampung yang akan diketuanya tidak kurang 2 tahun sebelum atau pada tarikh pencalonannya;
d) Berumur tidak kurang 30 tahun dan tidak melebihi 65 tahun pada tarikh pencalonannya;
e) Tidak menjadi ahli atau tidak terlibat sama ada secara langsung atau tidak di dalam sebarang pertubuhan siasah;
f) Mempunyai pengetahuan yang baik dalam agama Islam, kemasyarakatan dan adat resam setempat yang lazimnya diamalkan oleh masyarakat kampung;
g) Mempunyai kelayakan-kelayakan, ketekalan dan sifat-sifat kepimpinan yang baik dan berseesuaian sebagai seorang pemimpin mengikut amalan kehidupan orang-orang Brunei serta bersikap pemodulan dan
h) Tidak pernah disyiaharkan muflis di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan di negara ini dalam tempoh 2 tahun sebelum pencalonannya, termasuk pada tarikh pencalonan melainkan sebelum itu pengisytiharan muflis telah dibatalkan oleh mahkamah.
- (2) Bagi pegawai-pegawai kerajaan yang sedang berkhidmat di jabatan masing-masing ataupun dari pihak-pihak swasta hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis dari ketua jabatan masing-masing dan menghadapkan surat kebenaran itu semasa menghadapkan bersama borang pencalonan.
- (3) Calon yang terdiri daripada ahli perniagaan, pengusaha atau pengurus atau pegawai/kakitangan atau pekerja di sektor swasta adalah dikelompokkan untuk berhadapan perniagaan atau mengundurkan diri daripada jawatannya apabila dilantik menjadi Ketua Kampung, kecuali mendapat kurnia perkenan dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meneruskan perniagaan/perusahaannya.
- (4) Lain-lain syarat adalah tertakluk kepada Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam 1992 (Syarat-syarat Lanutan dan Perkhidmatan Ketua Kampung).
- (5) Cara Memohon :
Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati di Jabatan Daerah Tutong dan Borang Pencalonan hendaklah dihantar kepada Daerah Tutong tidak lewat pada 28 Jun 1992 jam 4.00 petang.

IKLAN-IKLAN

JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Syarat-syarat Tawaran :-

1. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
(a) Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

- (b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan, Tingkat (1) Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi dengan menyatukan tajuk projek yang berkenaan tanpa menarahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Bagi Tawaran Jabatan Kerja Raya Kuala Belait, bolehlah diperolehi dari Jabatan Kerja Raya Kuala Belait.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada jujuk (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

BIL : JKR 177 TAHUN 1992

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar kelas "C" sahaja untuk :

PROJEK NO : 92AW/2-01505
MENGECAT DAN MEMBAIKI BANGUNAN STESEN PAM UTAMA MALIM, BANDAR SERI BEGAWAN.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 2.00 petang hari Isnin 15 Jun 1992.
Tarikh Tutup : 17 Jun, 1992
Cagaran Tawaran : \$100.00

BIL : JKR 178 TAHUN 1992

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar kelas "C" sahaja untuk :

PROJEK NO : 92AB/JPK012
TAMBAHAN DAN UBAHSUAI BILIK KECEMASAN HOSPITAL, TUTONG.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 2.00 petang hari Isnin 15 Jun 1992.
Tarikh Tutup : 17 Jun, 1992
Cagaran Tawaran : \$100.00

BIL : JKR 179 TAHUN 1992

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar kelas "C" sahaja untuk :

PROJEK NO : 92AB/JPK031
MEMBAIKI TERHADAP BARIK KAKITANGAN HOSPITAL PENGINRAN ISTERI HAJAH MARIAM, TEMBURONG.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 2.00 petang hari Isnin 15 Jun 1992.
Tarikh Tutup : 17 Jun, 1992
Cagaran Tawaran : \$100.00

BIL : JKR 180 TAHUN 1992

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar kelas "C" sahaja untuk :

PROJEK NO : 92AB/STN001
MENINGGIKAN PARAS LANTAI STOR ALAT GANTI JABATAN STOR DAN PERBEKALAN NEGARA, JALAN TASEK LAMA, BANDAR SERI BEGAWAN.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 2.00 petang hari Isnin 15 Jun 1992.
Tarikh Tutup : 17 Jun, 1992
Cagaran Tawaran : \$100.00

BIL : JKR 181 TAHUN 1992

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pembekal-pembekal yang dituluskan/atau kategori (6D) sahaja untuk :

PROJEK NO : AD619/2401
MEMBEKAL, MENGHANTAR & MEMASANG PERABOT BAGI BANGUNAN SAMPUNGAN KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI, JALAN SUBOK, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 2.00 petang hari Khamis 18 Jun 1992.
Tarikh Tutup : 22 Jun, 1992
Cagaran Tawaran : \$500.00

BIL : JKR 182 TAHUN 1992

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar kelas "B" & "AX" sahaja untuk :

PROJEK NO : AD621/2901
KERJA-KERJA MENIMBUK TANAH BAGI MASJID KG BUKIT SIBUT/LUBOK PULAU TANJONG MAYA, TUTONG.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 2.00 petang hari Khamis 18 Jun 1992.
Tarikh Tutup : 22 Jun, 1992
Cagaran Tawaran : \$200.00 + \$100.00 (Lukisan)

BIL : JKR 183 TAHUN 1992

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pembekal-pembekal sahaja untuk :

PROJEK NO : AR607/28015
MEMBEKAL & MENGHANTAR BATU PECAH KE JALAN KECIL PUTAT DAN JALAN KECIL KASAT, MUKIM LUMAPAS, DAERAH BRUNEI/MUARA.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 2.00 petang hari Khamis 18 Jun 1992.
Tarikh Tutup : 22 Jun, 1992
Cagaran Tawaran : \$200.00

BIL : JKR KB. 71 TAHUN 1992

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar kelas "B" & "AX" sahaja untuk :

PROJEK NO : 90AB/12700
PEMBEKALAN BAHAN-BAHAN (TERMASUK PEMBUBUHAN/PERLETAKAN JIKA DIPERLUKAN) BITUMEN & BATU UNTUK VOTE 45/3-055 MEMBERSARKAN DAN MENINGGIKAN MUTU JALAN RAYA DI BUKIT SAWAT MERANGKING DAERAH BELAIT (PAKEJ II).

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam hingga jam 2.00 petang hari Isnin 15 Jun 1992.
Tarikh Tutup : 17 Jun, 1992
Cagaran Tawaran : \$200.00 + \$100.00 (Lukisan).

BIL : JKR KB. 72 TAHUN 1992

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar kelas "B" & "AX" sahaja untuk :

PROJEK NO : 92AR/2-00408
MENINGGIKAN TARAF BAHU-BAHU JALAN RAYA DI SEPANJANG JALAN CERY DAN MAULANA, KUALA BELAIT (FASA II).

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam hingga jam 2.00 petang hari Khamis 18 Jun, 1992.
Tarikh Tutup : 22 Jun, 1992
Cagaran Tawaran : \$200.00 + \$100.00 (Lukisan)

BIL : JKR KB. 73 TAHUN 1992

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berdaftar kelas "AX" & "A" sahaja untuk :

PROJEK NO : AD621/2601
TAPAK PERKUBURAN ISLAM DI ANDUKI, SERIA DAERAH BELAIT (FASA 2).

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam hingga jam 2.00 petang hari Khamis 18 Jun, 1992.
Tarikh Tutup : 22 Jun, 1992
Cagaran Tawaran : \$200.00 + \$100.00 (Lukisan)

JABATAN PENGANGKUTAN DARAT

TAWARAN KANTIN BAGI JABATAN PENGANGKUTAN DARAT

1. Pemborong-pemborong yang berminat hendaklah menghadapkan borang tawaran tidak lewat dari 25 Jun, 1992 jam 3.00 petang dan dimasukkan ke dalam "Peti Tawaran Kantin" yang terletak di :
Tingkat Satu, Jabatan Pengangkutan Darat, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam yang ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.
3. Segala kekhendak dalam borang ini mestilah ditulis dengan betul dan terang, jika tidak pemohonan tawaran ini akan ditolak.
4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk dan bilangan tawaran sebagaimana yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran itu, tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada :
Pengerusi Pengangkutan Darat,
Jabatan Pengangkutan Darat, Jalan Gadong 2055,
Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
5. Cagaran tawaran sebanyak \$100.00 adalah dikehendaki dengan wang tunai pada setiap tawaran. Cagaran akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
7. Jabatan Pengangkutan Darat berhak menyokong tawaran-tawaran yang membawa kemasifan maksima kepada jabatan ini. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut boleh diperolehi dari :
Pejabat Pengerusi Pengangkutan Darat,
Jabatan Pengangkutan Darat, Jalan Gadong 2055,
Bandar Seri Begawan.

Peringatan :
Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.

JABATAN PERKHIDMATAN- PERKHIDMATAN ELEKTRIK

Bilangan Tawaran : JPE/LTK/170/1992

Tajuk Kerja : PEMELIHARAAN KEBERSIHAN BANGUNAN JANAKUASA DAN KAWASAN BANGUNAN DAN BARIK KG. BELINGUNG DAN KG. SERI TANJONG BELAYANG UNTUK TEMPOH MASA SATU TAHUN.

Cagaran : \$100.00
Tarikh Tutup : 23 Jun, 1992 hari Selasa jam 2.00 petang.
Tempat Tutup : Kotak Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas.
Kelayakan Pemborong : Hendaklah berdaftar dengan Jabatan Undang-Undang, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Tawaran : JPE/LTK/209/1992

Tajuk Kerja : SUPPLY, DELIVERY AND INSTALLATION OF GARDEN LIGHTING AT DEPARTMENT OF AGRICULTURE AND MINISTRY & PRIMARY RESOURCES BUILDING, OLD AIRPORT BERAKAS.

Cagaran : \$100.00
Tarikh Tutup : 23 Jun, 1992 jam 12.00 tengah hari.
Tempat Tutup : Kotak Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan, Kelayakan Pemborong : Pendawaian elektrik kelas A, B dan C.

Bilangan Tawaran : JPE/LTK/212/1992

Tajuk Kerja : REINFORCEMENT OF 11KV NETWORK AT MILE 1 JALAN TUTONG.

Cagaran : \$100.00 Tarikh Tutup : 9 Jun, 1992 hari Selasa jam 2.00 petang.
Tempat Tutup : Kotak Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan, Kelayakan Pemborong : Penanaman kabel kelas "A", dan "B" sahaja.

Bilangan Tawaran : JPE/LTK/214/1992

Tajuk Kerja : REINFORCEMENT OF 11KV NETWORK AT PUSAR ULAK SUBSTATION.

Cagaran : \$200.00 Tarikh Tutup : 9 Jun, 1992 hari Selasa jam 2.00 petang.
Tempat Tutup : Kotak Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan, Kelayakan Pemborong : Penanaman kabel kelas "A", dan "B" sahaja.

Bilangan Tawaran : JPE/LTN/103/1992

Tajuk Kerja : REINFORCEMENT OF 11KV NETWORK IN KAMPONG AYER, BRUNEI RIVER.

Cagaran : \$100.00 Tarikh Tutup : 15 Jun, 1992 hari Isnin jam 12.00 tengah hari.
Tempat Tutup : Kotak Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan, Kelayakan Pemborong : Pemborong yang berdaftar dari Jabatan Kerja Raya kelas "AX" keatas sahaja.

Bilangan Tawaran : JPE/LTN/104/1992

Tajuk Kerja : INSTALLATION OF BRACKET TYPE ROAD LIGHTING IN BRUNEI MUARA, PHASE 2.

Cagaran : \$100.00 Tarikh Tutup : 15 Jun, 1992 jam 12.00 tengah hari.
Tempat Tutup : Kotak Tawaran Kecil, Kementerian Kewangan, Kelayakan Pemborong : Pendawaian elektrik kelas "A", dan "B" sahaja.

PEMBERITAHUAN KEPADA PEMBORONG BERDAFTAR DI JABATAN KERJA RAYA, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN,

KEPADA pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Jabatan Kerja Raya dan pihak-pihak yang berkenaan, sila ambil maklum dan perhatian bahawa sijil-sijil pendaftaran yang mansuh pada 31.10.1990, 30.11.1990 dan 31.12.1990 ini dilanjutkan lagi seperti berikut :-

KELAS	TARIKH BARU
SC	31.12.1992
C	31.12.1992
B	31.12.1992
A & AX	31.12.1992

Pemohonan untuk membaruhij sijil pendaftaran hendaklah dihadapkan sekurang-kurangnya dua bulan dari tarikh baru di atas dan borang membaruhij bolehlah diperolehi di jabatan ini.

PERTUNJUKAN WAYANG GAMBAR JABATAN PENERANGAN

TABUNG PERTUNJUKAN

2. 6. 92
3. 6. 92
- do -
8. 6. 92
- do -
9. 6. 92
10. 6. 92
15. 6. 92
16. 6. 92
- do -
17. 6. 92
22. 6. 92
23. 6. 92
24. 6. 92
- do -
3. 6. 92
8. 6. 92
9. 6. 92
15. 6. 92
16. 6. 92
17. 6. 92
22. 6. 92
24. 6. 92

TEMPAT/KAMPUNG

Kg. Lumapas
Kg. Serasa
Kg. Tungku
Kg. Kulap
Kg. Pancha Delima
Kg. Perpindahan Mala-Mata
Kg. Tanah Jambu, Jalan Muara
Kg. Belimbing, Subok
Kg. Limau Manis
Kg. Panchur Murai
Kg. Perpindahan Serasa
Kg. Kiarong
Kg. Kasat
Kg. Tanjung Nangka
Kg. Wasan
Kg. Kuala Ungar Tutong
Kg. Bekiau Tutong
Kg. Kuala Tutong
Kg. Batang Mitas Tutong
Kg. Ukong Tutong
Kg. Long Mayan Tutong
Kg. Supon Besar Ulu Tutong
Ma'had Islam Brunei Tutong

IKLAN-IKLAN

إعلان-إعلان

JABATAN RADIO DAN TELEVISYEN BRUNEI

Bilangan Tawaran : RTB/18/92

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong binaan yang berdaftar bagi tawaran seperti berikut :
REPAIRING RADIO STUDIO CORRIDOR AT
RADIO TELEVISION BRUNEI
2. Dokumen-dokumen tawaran dan keterangan lanjut bolehlah diperolehi dengan membuat permohonan kepada Pengarah Radio dan Televisyen Brunei UP, Jurutera Penguasa, Jabatan Radio dan Televisyen Brunei, Bandar Seri Begawan 2042, Negara Brunei Darussalam semasa waktu-waktu bekerja biasa. Wang cagaran sebanyak \$100.00 akan dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang tulen (bona-fide tender).
3. Bilamana dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, tawaran hendaklah menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.
4. Tarikh tutup tawaran ialah pada hari Isnin 29 Jun, 1992.

UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. Tawaran-tawaran untuk membekalkan bahan-bahan Permakanan Kantin Bagi Tahun 1992 - 1994 akan diterima daripada syarikat-syarikat/Pemborong-Pemborong tempatan oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran dan ditujukan kepada :
Pengerusi,
Lembaga Tawaran Negara,
Tingkat 4,
Bangunan Kementerian Kewangan,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan 1130

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada hari Isnin 15 Jun, 1992.

Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Pemohon-pemohon mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan mestilah bukan terdiri daripada pegawai-pegawai atau kakitangan kerajaan dan tidak bekerja di mana-mana syarikat seperti BSP, Cold Gas (LNG), RBA dan di firma yang lain.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperolehi di Universiti Brunei Darussalam.
5. Tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
6. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup di tulis dengan bilangan dan tajuk tawaran.

"TAWARAN KANTIN UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM" BAGI TAHUN 1992 - 1994

serta tarikh tutup tawaran itu tanpa menunjukkan identiti pemohon/pemborong dan diamlatkan (seperti para 2).

7. Cagaran tawaran sebanyak \$1,000.00 (wang tunai sahaja) hendaklah dibayar pada masa mendaftar dan wang itu akan dikembalikan kepada pemohon-pemohon yang berjaya menolak tawaran, wang cagaran tidak dikembalikan.
8. Pemohon-pemohon seelok-eloknya mestilah yang tinggal di Daerah Brunei/Muara di mana universiti didirikan.
9. Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama-sama dengan borang tawaran yang telah diisi.
10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat kepada mana-mana tawaran atau tawaran yang paling rendah.

BIL TAWARAN
UBD/E8a/1/92

TAWARAN KANTIN UNIVERSITI
BRUNEI DARUSSALAM BAGI TAHUN
1992 - 1994

JABATAN PERKHIDMATAN POS KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

Bilangan Tawaran POS/14/1992

Keterangan : MEMBEKALKAN 25,000 KEPING "EMS POUCH" UNTUK PEJABAT PERKHIDMATAN POS, KEMENTERIAN PERHUBUNGAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. Borang-borang dan penerangan lanjut boleh diperolehi daripada, Bahagian Kewangan, Jabatan Perkhidmatan Pos, Pusat Memproses Surat dan Bungkus, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan 2050
2. Tarikh tutup ialah pada hari Rabu 17 Jun, 1992 jam 2.00 petang.

Bilangan Tawaran POS/08/1992

Keterangan : MEMBEKAL 1 BUAH "AUTOMATIC CANCELLING MACHINE" UNTUK JABATAN PERKHIDMATAN POS, KEMENTERIAN PERHUBUNGAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

1. Borang-borang dan penerangan lanjut boleh diperolehi daripada, Bahagian Kewangan, Jabatan Perkhidmatan Pos, Pusat Memproses Surat dan Bungkus, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan 2050.
2. Tarikh tutup ialah pada hari Rabu 10 Jun, 1992 jam 2.00 petang.

KEMENTERIAN KESIHATAN

Syarat-syarat Tawaran :

DOKUMEN-DOKUMEN tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian Akaun, Bahagian Pembelian dan Perbekalan, dipertolehi daripada Bahagian Akaun, Bahagian Pembelian dan Perbekalan, Pejabat Kementerian Kesihatan, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar ke alamat-alamat yang berkenaan di bilangan 3 atau 4 (mana yang berkenaan) dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong.
3. Tawaran-tawaran yang mempunyai rujukan bilangan KK/TK/46/92 hingga KK/TK/52/92 hendaklah dihantar tidak lewat dari jam 3.00 petang, hari Rabu 10 Jun, 1992 dan diamlatkan kepada :
Pengerusi, Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Kesihatan, Lapangan Terbang Lama,
Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.
4. Tawaran-tawaran yang mempunyai rujukan bilangan KK/51/92 hingga KK/52/92 hendaklah dihantar tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 8 Jun, 1992 dan diamlatkan kepada :
Pengerusi, Lembaga Tawaran,
Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

5. Semua tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
6. Cagaran bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti yang dinyatakan dan dikehendaki pembayar dengan wang tunai sahaja.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

TAWARAN-TAWARAN KECIL

Bil. Tawaran	Keterangan	Cagaran
KK/TK/46/92	ALAT-ALAT PERKAKAS RUMAH SAKIT & GUDANG UBAT (GENERAL ITEMS MEDICAL STORE)	\$100.00
KK/TK/47/92	ALAT-ALAT PERKAKAS RUMAH SAKIT GENERAL ITEMS RIPAS (BAHAGIAN PENTADBIRAN)	\$100.00
KK/TK/48/92	INFUSION PUMP	\$100.00
KK/TK/49/92	VACCUM PUMP	\$100.00
KK/TK/50/92	ALAT-ALAT PERGIGIAN	\$100.00
KK/TK/51/92	BAR CODE PRINTER	\$100.00
KK/TK/52/92	MEMBEKAL DAN MEMASANG ALAT-ALAT PERKAKAS UNTUK MAKMAL	\$100.00
KK/51/92	TAWARAN-TAWARAN BIASA MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BARANG-BARANG GUNA UNTUK PERKHIDMATAN MAKMAL NEGARA BAHAGIAN KAJIKUMU (MICROBIOLOGY) SELAMA DUA TAHUN. (BAHAGIAN 2/92)	\$200.00
KK/52/92	MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BARANG-BARANG GUNA UNTUK PERKHIDMATAN MAKMAL NEGARA BAHAGIAN KAJIDARAH SELAMA DUA TAHUN. (BAHAGIAN 3/92)	\$200.00

JABATAN LAUT

Bilangan Tawaran : JL/16/1992

TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari kontraktor kategori MEE kelas 2 atau 3 bagi "SUPPLY OF INFLATABLE LIFE RAFTS".

2. Butir-butir lengkap tawaran dan syarat am kontrak bolehlah didapati semasa waktu bekerja dari Pejabat Pengarah Laut, Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan, Bandar Seri Begawan 2053, Negara Brunei Darussalam.
3. Tarikh tutup tawaran : 1 Julai, 1992 jam 2.00 petang

JABATAN PENERBANGAN AWAM, KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

Bilangan Tawaran : JPA/APM/1/1992

1. TAWARAN adalah dipelawa bagi membolehkan "CONCESSION AS AGENT FOR THE RENTAL OF ADVERTISING SPACE, TERMINAL BUILDING, BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT".

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong, dan hendaklah ditulis dengan:

TAWARAN SEMULA BAGI
"CONCESSION AS AGENT FOR THE RENTAL OF
ADVERTISING SPACE, TERMINAL BUILDING, BRUNEI
INTERNATIONAL AIRPORT".

Tarikh Tutup : 7 Julai, 1992

Kepada :
Pengerusi, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Perhubungan,
Tingkat 2, Bangunan Telekom, Lapangan Terbang Lama,
Berakas, Bandar Seri Begawan 1150, Negara Brunei Darussalam.

DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN

No. 91/1992

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Lim Tiong Thur kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Yau Yat yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 16 Jun, 1992, pada jam 9.00 pagi.

Bertarikh 5 Mei, 1992

No. 272/1990

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Hajah Masni binti Amat kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Haji Ismail bin Tareel yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah bapa kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 16 Jun, 1992, pada jam 9.15 pagi.

Bertarikh 7 Mei, 1992

No. 128/1991

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Awang Haji Jambol bin Budin @ Haji Jambol bin Budin kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Kasmim bin Jambol yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah bapa kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 9 Jun, 1992, pada jam 9.00 pagi.

Bertarikh 7 Mei, 1992

No. 225/1991

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Awang Mohd Yusop bin Haji Abd. Rahman kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Haji Ismail bin Mohamed yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah bapa kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 9 Jun, 1992, pada jam 10.00 pagi.

Bertarikh 7 Mei, 1992

No. RE-SEALING/2/1992

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Mrs. Aishah Alkaff kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Yau Chak Cheong yang telah meninggal dunia di Labuan, Malaysia dengan sebab iaitu si pemohon ialah pemegang Surat Kuasa kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 16 Jun, 1992, pada jam 9.30 pagi.

Bertarikh 11 Mei, 1992

No. 82/1992

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Awang Mat Yamin bin Zainal kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Haji Zainal bin Omar yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 16 Jun, 1992, pada jam 9.30 pagi.

Bertarikh 23 Mei, 1992

No. 37/1992

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Ibrahim bin Haji Omar kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh Haji Omar bin Md. Salleh yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak lelaki kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 9 Jun, 1992, pada jam 9.00 pagi.

Bertarikh 28 Mei, 1992

PERINGATAN:

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu diken-
dai hadir dan menyaksikan percikaran itu pada waktu dan tempat
yang tersebut di atas.

Sesiala yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah
menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Waris, Bandar
Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tanpa menunjukkan identiti atau logo pembekal/pemborong.

3. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Lembaga Tawaran Kecil tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari Selasa, 7 Julai, 1992.
4. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
5. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah didapati dari Pejabat Pengurus Lapangan Terbang, Bangunan Airport Terminal, Lapangan Terbang Antarabangsa, Negara Brunei Darussalam dengan bayaran cagaran \$1,000.00.
6. Penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Pengurus Lapangan Terbang, Bangunan Terminal, Lapangan Terbang Antarabangsa, Negara Brunei Darussalam. Telefon : (02) 330142 Sambungan 1356. Faks : (02) 331772.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

ROMBONGAN DIRAJA AN FARDU HAJI

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Majeedah Nuurul Bolqiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amat Umi Kalthum Al-Islam, Yang Teramat Mulia Pengiran Babu Raja Pengiran Anak Hajjah Besar dan Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris.

Pengiran Anak Puteri Majeedah Nuurul Bolqiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amat Umi Kalthum Al-Islam, Yang Teramat Mulia Pengiran Babu Raja Pengiran Anak Hajjah Besar dan Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris.

Sejurus sebelum berangkat, doa selamat telah dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Manakala azan pula dikumandangkan oleh Mudim Haji Awang Mustafa bin Haji Murad sebaik-baik saja pesawat khas yang membawa baginda dan ahli-ahli kerabat diraja bergerak perlahan-lahan meninggalkan landasan.

Berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan se-

Oleh Abd. Karim HAB
Gambar-gambar oleh
Pg. Bahar PHO,
Harun Rashid dan
Halim Haji Sulaiman

lamat berangkat ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolqiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bulqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bulqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amat Nasibah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Jefriah dan ahli-ahli kerabat diraja yang lain.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menerima junjung ziarah dari puteri baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bulqiah (atas).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha menerima junjung ziarah dari Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bulqiah (bawah).



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam menerima junjung ziarah dari puteri Duli Yang Teramat Mulia, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bulqiah. Manakala Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Muta-Wakkilah Hayatul Bolqiah pula menerima junjung ziarah dari Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bulqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bulqiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Majeedah Nuurul Bolqiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolqiah (atas kiri).

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Haji Mohamed Bolqiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zarifah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolqiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolqiah bersama-sama memohon doa ketika doa selamat dibacakan. Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen juga berangkat sama di majlis itu (kiri).

MUDIM Haji Awang Mustapa bin Haji Murad mengumandangkan azan sebaik-baik saja pesawat khas yang membawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan rombongan diraja perlahan-lahan meninggalkan landasan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (kiri sekali).



SETIAUSAHA Tetap di Kementerian Pembangunan, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Hidup dengan penuh minat bertanya kepada seseorang pihak swasta yang menyertai Pameran Kerjaya Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal. — Gambar oleh Harun Rashid.

Hasilkan lukisan yang lebih kreatif berasaskan anugerah semula jadi

KOTA BATU, 26 Mei. — Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dato Paduka Awang Haji Mahmud bin Haji Bakry berkata, selagi manusia hidup berinteraksi dengan alam sekeliling yang semakin hari semakin canggih, selagi itulah manusia akan sentiasa berfikir secara kreatif sehingga menghasilkan idea baru.

Dalam bidang seni lukis, tambah beliau, idea baru itu mungkin wujud dalam teknik lukisan, peralatan, atau bidang baru dengan skop yang lebih khusus.

"Saya percaya pelukis-pelukis di negara ini adalah cukup sadar akan bakat yang mereka miliki, suatu bakat yang menjurus ke arah kreativiti dan imaginasi yang kuat lagi dalam," jelas beliau di perasmian Pameran 'Loreng Dinamika' anjuran para pelukis Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di Galeri Enam, Muzium Brunei di sini.

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka seterusnya menjelaskan anugerah semula jadi itu hendaklah digunakan sepenuhnya secara aktif demi menghasilkan pelbagai ragam lukisan yang dapat dinikmati oleh orang ramai.

Pameran 'Loreng Dinamika' selama sebulan itu bertujuan antara lain untuk menyatukan pelukis-pelukis DBP khususnya dalam memperkembangkan hasil dan mutu seni lukis.

Selain dari itu ia juga adalah untuk mendedahkan

Oleh
Bolhassan HAB

golongan pelukis kepada masyarakat setempat, serantau dan antarabangsa.

Lebih 130 buah lukisan hasil karya 10 orang pelukis DBP yang berharga di antara \$50.00 hingga \$1,600 dipamerkan.



PENGARAH Dewan Bahasa dan Pustaka, Dato Paduka Awang Haji Mahmud bin Haji Bakry menyaksikan sebahagian daripada lukisan yang dipamerkan sejurus selepas beliau merasmikan Pameran 'Loreng Dinamika' anjuran pelukis Dewan Bahasa dan Pustaka. — Gambar oleh Amat Moksin.

Ke arah memperbaiki tulisan Jawi

Oleh
Aliddin HM

TUTONG, 23 Mei. — Seramai 55 orang murid di sekolah-sekolah agama di Daerah Tutong hari ini telah menerima hadiah masing-masing setelah memenangi dalam Peraduan Tulisan Jawi di Sekolah Agama Kiudang di sini.

Peraduan itu telah disertai oleh 25 buah sekolah agama yang diadakan pada 7 Mei yang lalu di mana sebanyak 621 naskhah tulisan Jawi telah dipertandingkan dan hanya 35 naskhah saja yang layak memenangi pertandingan tersebut yang akan menerima hadiah pada hari ini.

Penyampaian hadiah-hadiah kepada para pemenang dalam peraduan itu telah disempurnakan oleh tetamu kehormat, Pengiran Haji Bahrum bin Pengiran Bahar, Pengetua Ma'had Islam Brunei yang juga berucap di majlis tersebut yang antara lain menyeru para guru dan ibu bapa supaya membantu dan memberikan sokongan yang menggalakkan kepada murid-murid atau anak-anak mereka dalam usaha mereka memperbaiki dan menguasai tulisan Jawi dengan lebih baik lagi.

Tetamu kehormat kemudiannya menyaksikan pameran tulisan-tulisan Jawi yang memenangi peraduan tersebut.

Peraduan ini terbuka kepada murid-murid darjah pra hingga darjah enam bagi sekolah-sekolah agama di Daerah Tutong dan ianya merupakan projek tahunan Jabatan Pengajian Islam.

Para pemenang dalam peraduan tersebut akan mewakili

diadakan kemudian.

Majlis pada hari itu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dan disarikan lagi dengan persembahan Zikir Asmaul Husna dan Dikir Maulid Syarif. Anam oleh murid-murid Sekolah Agama Kiudang, Tutong dan diakhiri dengan bacaan doa selamat.



SALAH seorang murid yang berjaya memenangi peraduan tulisan Jawi ketika menerima hadiahnya daripada Pengetua Ma'had Islam Brunei, Pg. Haji Bahrum bin Pg. Bahar. — Gambar oleh Pg. Haji Abu Bakar PHO.

Sumber kewangan, bahan mentah dan tenaga manusia harus ada dalam proses pembangunan negara

Oleh
Bolhassan HAB

ngunan masakini.

"Pembangunan, dalam apa jua bentuk adalah bertujuan untuk membaiki atau meningkatkan tahap hidup atau 'quality of life' kepada tahap yang lebih tinggi atau baik," jelas beliau ketika berucap sejurus sebelum merasmikan Pameran Kerjaya

Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal (MTSSR), di Dewan Serbaguna maktab itu di sini.

Beliau berkata, proses pembangunan memerlukan beberapa langkah harus dibuat seperti merancang, merekabentuk, membangun atau membina.

Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Mohd. Salleh seterusnya menegaskan, kerja-kerja pembangunan itu bukan semestinya dipikul oleh pihak kerajaan.

"Malah pihak perseorangan dan pihak swasta menerima pembahagian kerja yang banyak. Maka dengan adanya pembahagian kerja ini ternyata lebih banyak peluang bagi penuntut tempatan yang berpotensi dipertingkatkan untuk berkhidmat dengan pihak swasta dalam industri pembinaan," tegas beliau.

Dalam pada itu beliau juga menggariskan beberapa teguran mengenai peluang pekerjaan di sektor swasta, di antaranya, beliau memilih kerja; beliau enggan dengan kerja-kerja kolar biru; beliau lebih suka menganggur dan beliau lebih suka menjadi beban kepada keluarganya daripada menjadi buruh kasar.

Apa yang sangat dikesalkan, ujar beliau, ada ibu bapa yang lebih suka dan rela menanggung makan minum dan perbelanjaan anaknya, daripada membiarkan anaknya itu membuat kerja yang dianggap rendah tarafnya.

"Atau ada teguran-teguran bahawa majikan pihak swasta terlalu sangat mengharapkan kemahiran dari seorang belia yang baru memulakan kerja," katanya.

Beliau berkata, ada majikan swasta yang enggan menawarkan kerja kepada belia tempatan dan lebih suka mengambil pekerja luar negeri yang dianggap lebih mahir dan lebih murah bayarannya.

Terdahulu sebelum itu, Pemangku Pengetua MTSSR, Awang Arsad bin Abd. Adis dalam ucapan alu-aluannya selaku pengerusi bersama antara lain menggariskan tujuan pameran selama dua hari itu diadakan.

Pameran anjuran bersama MTSSR, Unit Kaunseling dan Bimbingan Bakat Kerja, Jabatan Sekolah-Sekolah dan Jabatan Buruh itu adalah untuk memberikan peluang pekerjaan dan latihan yang ada di sektor swasta kepada para penuntut dan lepasan penuntut maktab berkenaan.

Pameran kerjaya itu disertai oleh 26 buah sektor swasta. Jabatan Perkhidmatan Bomba juga mengambil bahagian dalam pameran tersebut.



YANG Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Haji Jaya bin Pengiran Haji Rajid, Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam, ke Bangladesh sedang menyampaikan sumbangan derma kepada Yang Berhormat A.S.M. Mustafizur Rahman, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Bangladesh.

Sumbangan derma

KERAJAAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam buat kali kedua telah menyumbangkan derma kepada Tabung Bantuan Malapetaka Bangladesh.

Sejumlah 142 bungkus pakaian-pakaian telah disampaikan kepada Deputy Director Minister of Relief, Bangladesh dan derma sejumlah US\$274,733.22 telah disampaikan kepada Yang Berhormat A.S.M. Mustafizur Rahman, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Bangladesh oleh Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Haji Jaya bin Pengiran Haji Rajid, Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Bangladesh pada 29 April di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Bangladesh.



YANG Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Haji Jaya bin Pengiran Haji Rajid, Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Thailand bergambar ramai bersama pegawai-pegawai dan kakitangan kedutaan serta rakyat Brunei yang berada di Thailand semasa Majlis Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Jalin hubungan Diplomatik

NEW YORK, 21 Mei. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Solomon Islands, telah bersetuju untuk menjalin hubungan diplomatik antara kedua buah negara mulai hari ini.

Majlis menandatangani Kenyataan Bersama penjalanan hubungan itu telah diadakan di Pejabat Perwakilan Tetap Negara Brunei Darussalam di sini.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah diwakili oleh Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Jaya bin Abdul Latif, Wakil Tetap Negara Brunei Darussalam ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sementara mewakili Kerajaan Solomon Islands ialah Tuan Yang Terutama Tuan Bugotu, Wakil Tetap Solomon Islands ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Mulai 18 Mei yang lalu,

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga menjalin hubungan diplomatik dengan Kerajaan Mongolia.

Di majlis perjanjian yang diadakan di Bandar Seri Begawan itu, kedua-dua buah negara telah bersetuju untuk menubuhkan hubungan diplomatik di peringkat kedutaan.

Sementara itu pada 24 April, Negara Brunei Darussalam juga menjalin hubungan diplomatik dengan Argentina. Majlis Menandatangani Perjanjian Hubungan Diplomatik itu telah ditandatangani di Pejabat Perwakilan Tetap Argentina ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Negara Brunei Darussalam di majlis itu diwakili oleh Wakil Tetap Negara Brunei Darussalam ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Jaya bin Abdul Latif sementara Kerajaan Argentina diwakili oleh Wakil Tetap Argentina ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Tuan Yang Terutama Tuan Jorge Vazquez.



TUAN Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Jaya bin Abdul Latif, wakil Tetap Negara Brunei Darussalam ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Tuan Yang Terutama Tuan Jorge Vazquez, wakil Tetap Argentina ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ketika menandatangani Kenyataan Bersama Penjalanan Hubungan Diplomatik antara kedua buah negara.

Mesyuarat Isteri-isteri Ketua Perwakilan Komanwel di Canberra

CANBERRA. — Isteri Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam telah menjadi tuan rumah Mesyuarat Isteri-isteri Ketua Perwakilan Komanwel di sini di rumah kediaman rasmi Tuan Yang Terutama beralamat 15 Culgoa Circuit, O'Malley ACT 2606.

Lebih 70 orang telah hadir dalam perjumpaan ini. Dalam perjumpaan ini juga diadakan satu majlis berbedak yang di-

persembahkan oleh isteri-isteri pegawai perwakilan yang diketuai oleh isteri Tuan Yang Terutama, Datin Hajjah Naimah binti Haji Razali. Tujuan majlis ini diadakan ialah untuk mempersembahkan dan memperlihatkan adat istiadat Brunei.

Majlis dimulakan dengan ucapan oleh Datin Hajjah Naimah yang antara lain berucap berterima kasih atas kehadiran isteri-isteri perwakilan negara-

negara Komanwel. Kemudian para hadirin dijamu dengan aneka kuih-muih asli Brunei yang mana telah mendapat sambutan yang baik.

Pada kesimpulannya perjumpaan ini telah mendapat hasil yang memuaskan dan dapat mengketengahkan imej Negara Brunei Darussalam yang penuh dengan adat istiadat yang boleh mencerminkan konsep Melayu Islam Beraja.

Sambutan Hari Kebangsaan

THAILAND, Februari. — Kedutaan negara kita di sini telah mengadakan sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-8 yang berlangsung di Hotel Grand Hyatt Erawan, Bangkok.

Hadir di majlis sambutan tersebut ialah Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Thailand, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Haji Jaya bin Pengiran Haji Rajid serta pegawai-pegawai dan kakitangan kedutaan serta rakyat Brunei yang sedang berada di Thailand.

Sementara itu Badan Kebajikan Penuntut-Penuntut Brunei Darussalam di Kaherah telah mengadakan satu Majlis Makan Malam bersempena dengan sambutan yang sama di sebuah hotel terkemuka di Kaherah.

Hadir di majlis tersebut ialah Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Arab Mesir, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Awang Haji Suni bin Haji Idris, pegawai-pegawai kedutaan bersama isteri dan keluarga dan pelajar-pelajar Brunei yang menuntut di Kaherah.

Majlis sambutan itu telah dimulakan dengan lagu kebangsaan negara dan seterusnya bacaan ayat-ayat suci Al-Quran yang disampaikan oleh Awang Abd. Rahman bin Haji Abd. Manaf.



BADAN Kebajikan Penuntut-Penuntut Negara Brunei Darussalam di Kaherah ketika mengadakan sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-8.

ISTERI Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Australia, Datin Hajjah Naimah binti Haji Razali (tiga dari kanan) bergambar ramai bersama-sama dengan isteri-isteri Ketua Perwakilan Komanwel yang menghadiri mesyuarat di Canberra.

Kementerian Pendidikan terus berusaha mengasuh kanak-kanak supaya menggemari matematik

Oleh
Dk. Fatimah PHMN

BANDAR SERI BEGAWAN, 23 Mei. — Kementerian Pendidikan akan sentiasa berusaha pada meneliti dan mengasuh kanak-kanak supaya tidak takut pada mata pelajaran matematik bahkan menggemarinya.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz berkata di samping kementerannya, individu-individu seperti guru khususnya berperanan mengasuh kanak-kanak dari awal-awal lagi supaya tidak takut kepada angka dan ilmu kerana dan kepada matematik malah menggemarinya.

Menurut Yang Berhormat, sikap sebahagian daripada murid dan penuntut yang tidak gemar kepada matematik haruslah disingkirkan jika mereka ini ingin maju dan berjaya.

Kejayaan mereka ini tegas Yang Berhormat adalah sangat penting dalam pembangunan tenaga manusia yang diperlukan untuk pembangunan negara.

"Kita harus menerima kenyataan bahawa kita sekarang hidup dalam zaman komputer yang mencabar pengetahuan asas yang mana memerlukan kefahaman dan pengetahuan matematik, walaupun dalam kerja pengurusan dan pentadbiran," tegas Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat menyatakan demikian dalam ucapan Yang Berhormat yang dibacakan oleh Pegawai Tugus-Tugas Khas, Kementerian Pendidikan Datin Hajjah Azizah binti Penglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah selaku wakil peribadi Yang Berhormat di Pertandingan Peringkat Akhir Kuiz Matematik Kebangsaan 1992 Bagi Sekolah-Sekolah Menengah Senegara di Dewan Raya Radio Televisyen Brunei.

Menurut Yang Berhormat lagi, kemahiran seseorang dalam teknologi yang berhubung kait dengan asas pengetahuan matematik dan sains yang kadang-kadang disebut sebagai pengetahuan teknologi yang canggih adalah sangat diperlukan.

"Matematik tidak lagi dapat dikaitkan dengan mata pelajaran jurusan sains sahaja, malah kelulusan 'O' level matematik diperlukan untuk majoriti pengajian tinggi sama ada jurusan sastera atau sains, teknologi dan vokasional," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah, kementerannya sentiasa menyedari betapa pentingnya kanak-kanak di negara ini diberikan pendidikan yang seimbang dari awal-awal lagi. Pendidikan keagamaan sedang dan akan terus diberikan penekanan dari awal lagi untuk menerapkan pengetahuan dan nilai-nilai Islam kepada setiap kanak-kanak supaya mereka akan menghayati, mengamalkan dan menghormati ajaran agama Islam begitu juga pendidikan asas untuk setiap kanak-kanak diperlukan untuk bakal menjadi tenaga manusia apabila dewasa nanti.

Dalam pada itu, kementerannya juga tidak kendur berusaha mencari jalan untuk menjadikan pembelajaran

kan. —

Yang Berhormat menerangkan antara usaha-usaha itu ialah pembelajaran bahasa Inggeris di peringkat rendah telah menggunakan kaedah yang dipanggil "RELA" semata-mata untuk menjadikan pelajaran tersebut lebih mudah diikuti oleh kanak-kanak.

"Insya-Allah pendekatan-pendekatan atau kaedah-kaedah mengajar yang bertujuan untuk menambahkan keupayaan kanak-kanak dalam pembelajaran mata-mata pelajaran yang biasanya dianggap susah akan sentiasa diusahakan," tegas Yang Berhormat.

kan," tegas Yang Berhormat.

Dalam peraduan kuiz kali ini dijuarai oleh Sekolah Bukan Kerajaan St. Andrew's setelah mengalahkan Sekolah Bukan Kerajaan St. Michael.

Selaku wakil peribadi, Pegawai Tugus-Tugas Khas Kementerian Pendidikan menyampaikan hadiah-hadiah dan sijil-sijil serta piala rebutan kepada johan dan pemenang kedua.

Pertandingan tersebut adalah usahasama Kementerian Pendidikan, Universiti Brunei Darussalam, Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad dan Radio Televisyen Brunei.

Kerjasama yang erat kempen organisasi ini telah sedikit sebanyak dapat mencapai salah satu tujuan utama kuiz ini iaitu untuk melipatgandakan lagi minat penuntut-penuntut dan orang ramai terhadap mata pelajaran Matematik.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Paduka Awang Haji Abdul Saman bin Kahar ketika menyampaikan hadiah kepada Dayang Ismawati binti Haji Sulaiman dari Sekolah Menengah Awang Semaun johan qarlah dalam Pertandingan Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran Peringkat Akhir Sekolah-sekolah dan Maktab-maktab Senegara Kali Ke-8 di Sekolah Menengah Awang Semaun. — Gambar oleh Abdullah HAO.

Penuntut diingatkan agar tidak terpengaruh dengan golongan anti ilmu pengetahuan

Oleh
Aliddin HM

kan manusia-manusia plastik.

Tetapi tambah beliau, ialah supaya mereka yang sedang menerima didikan, ajaran dan asuhan itu akan dapat menjaga manusia yang ada sikap hidup, ada moral, ada pengetahuan dan ada kemahiran supaya dengan demikian mereka akan dapat mengukuhkan pembangunan manusia Brunei seutuhnya dan masyarakat negara ini seluruhnya.

Sebagai hasil pendidikan yang diterima mereka, beliau berharap pendidikan sedemikian itu akan dapat melahirkan manusia yang bermoral tinggi pada dirinya serta sama-sama berusaha mempertahankan kemurnian moral itu di dalam kehidupan bernegara dan bermasyarakat.

Seterusnya beliau menyeru agar semua pihak membuat langkah-langkah pada memastikan agar para penuntut pada hari ini akan dapat membaca dan mengetahui ajaran-ajaran Al-Quran.

"Berbagai usaha hendaklah juga dibuat pada memastikan supaya pengetahuan membaca dan memahami kandungan Al-Quran itu akan terus-menerus dapat kita turunkan dari satu generasi ke satu generasi yang lain," ujar beliau.

Memandangkan kepentingan Al-Quran yang menjadi sandaran seluruh kehidupan masyarakat di negara ini, beliau menyeru supaya persatuan-persatuan belia dan badan-badan kebajikan akan membuat sebarang usaha bagi menyalurkan pengajian membaca dan memahami Al-Quran bagi anggota perkumpulan masing-masing.

Di samping itu beliau juga menyeru para penghulu dan ketua kampung supaya memikrkan cara menghidupkan semula tradisi kampung-kampung masa dulu yang berbangga dengan balai-balai mengaji Al-Quran untuk anak buah mukim dan kampung masing-masing.

Awang Haji Ahmad Sariful bin Haji Rosli dan Dayang Ismawati binti Haji Sulaiman dari Sekolah Menengah Awang Semaun merupakan johan keseluruhan qari dan qarlah di pertandingan tersebut.

Sementara itu Awangku Haslin bin Pengiran Haji Ali dari Ma'had Islam Tutong, memenangi tempat kedua dan tempat ketiga oleh Awang Haji Mohd. Athaillah bin Haji Abdullah dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan.

Dayang Siti Huzzaimah Yadey binti Haji Rosli, dari Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajjah Mariam memenangi tempat kedua dan Dayang Hajjah Zainab binti Haji Mahmud, dari Maktab Anthony Abell menduduki tempat ketiga.

Peraduan anjuran Unir Rahani, Bahagian Kegiatan Luar Jabatan Sekolah-Sekolah dan dikelolakan oleh Sekolah Menengah Awang Semaun bertamakan "Titih Berilmu Negara Maju".

Brunei Shell laksanakan Kajian Seisimik 3D Luar Pantai 1992

SYARIKAT Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad akan melaksanakan Kempen Kajian Seisimik Tiga-Dimensi Luar Pantai dalam sedikit masa lagi.

Kempen kajian ini akan meliputi beberapa bahagian perairan di negara ini dan ianya akan diadakan di kawasan-kawasan dan pada tarikh yang disebutkan di bawah:

Perairan Jerudong — Jumaat 29 Mei, 1992.

Perairan Lumut — Jumaat 29 Mei hingga Ahad, 31 Oktober, 1992.

Perairan Kuala Belait — Jumaat 29 Mei hingga Ahad, 31 Oktober, 1992.

Perairan Victoria Patches, Binturan — Jumaat, 29 Mei, 1992 hingga Ahad, 31 Oktober, 1992.

Kerja-karya kajian ini akan dilaksanakan oleh tiga buah kapal, iaitu, S/V Manta, M/W Flora dan Digiseis.

Kerja-karya kajian seisimik ini adalah merupakan operasi yang penting untuk mendapatkan gambaran kandungan hidrokarbon pada dasar laut. Kerjasama daripada orang ramai, terutama sekali kaum nelayan sangat-sangatlah diperlukan dan dengan ini dipohonkan kepada mereka supaya tidak menghampiri kawasan-kawasan yang disebutkan tadi semasa kerja-karya berkenaan dijalankan.



PASUKAN Sekolah Bukan Kerajaan St. Andrew's menerima piala rebutan daripada Pegawai Tugus-Tugas Khas Kementerian Pendidikan, Datin Hajjah Azizah binti Penglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah selaku wakil peribadi Menteri Pendidikan. — Gambar oleh Amat Moksin.

KUNJUNGAN MUHIBAH

BANDAR SERI BEGAWAN, 25 Mei. — Serombongan 50 orang peserta yang menyertai Rancangan Persahabatan Abad Ke-21 ASEAN/Jepun telah mengadakan kunjungan muhibah kepada Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Selamat bin Haji Munap di Dewan Serbaguna Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan di Jalan Residency.

Kunjungan muhibah tersebut adalah sebahagian daripada acara suai kenal

yang diadakan selama 5 hari.

Dalam perjumpaan itu Dato Paduka antara lain mengingatkan semua peserta menjaga nama baik negara dan bersopan santun serta ikut serta dalam rancangan-rancangan interaksi dengan peserta dari negara-negara ASEAN yang lain.

Penyertaan ini merupakan yang ke-9 disertai oleh belia-belia negara ini tajaan Kerajaan Jepun di bawah Skim Kerjasama Teknikal dengan Negara Brunei Darussalam.



KELIHATAN para peserta yang terpilih menyertai Rancangan Persahabatan Abad Ke-21 ASEAN/Jepun beramah mesra dengan Pemangku Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Selamat. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.



JURUUKUR Agung, Dato Paduka Awang Haji Mohd Yunus bin Haji Mohd. Noh (dua dari kiri) ketika hadir selaku tetamu kehormat di Seminar Anti Dadah dan Anti Rasuah. — Gambar oleh Harun Rashid.

Sokong aspirasi negara untuk hapuskan rasuah, penyalahgunaan dadah

Oleh
Bolhassan HAB

PULAIE, 27 Mei. — Juruukur Agung, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yunus bin Mohd. Noh menegaskan, adalah menjadi tanggungjawab dan kewajipan Jabatan Ukur untuk mengawasi dan memberikan kesedaran kepada para pegawai dan kakitangan untuk

mengetahui dengan lebih terperinci bukan saja jenis dan rupabentuk dadah serta rasuah itu, cara-cara pencegahannya, tetapi juga akibat darinya.

Beliau berharap semua pegawai dan kakitangan jabatan tersebut akan dapat menyokong aspirasi negara untuk menghapuskan rasuah di samping memberikan perhatian yang penuh kepada satu lagi masalah sosial, iaitu penyalahgunaan dadah.

Berucap di pembukaan rasmi Seminar Anti Dadah dan Anti Rasuah di Pusat Da'wah Islamiyah di sini, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yunus seterusnya berharap semua pegawai dan kakitangan jabatan berkenaan akan dapat sama-sama mengambil berat dan mendapat manfaat dari seminar itu agar akan lebih peka mengenai kedua perkara itu, bukan saja untuk kebaikan diri sendiri, jabatan, malah keluarga masing-masing.

Terdahulu sebelum itu, pengerusi majlis, Dayang Hajjah Salmahwati binti Haji Mohsin dalam ucapan alu-aluannya berkata, seminar itu bertujuan untuk menimbulkan kesedaran dan mengetahui akan maklumat-maklumat mengenai penyalahgunaan dadah dan rasuah.

Lebih 500 orang pegawai dan kakitangan Jabatan Ukur di seluruh negara menyertai seminar dua hari yang merupakan salah satu rancangan dan aktiviti tahunan bahagian latihan jabatan tersebut.

Di hari pertama yang disertai oleh lebih 250 orang peserta, tiga kertas kerja telah dibentangkan. Dalam sesi pertama iaitu kertas kerja yang bertajuk Rasuah dan Dadah telah disampaikan oleh Awang Haji Asari Haji Ambri dari Pusat Da'wah Islamiyah.

Perkhidmatan kaunseling penting bagi membantu penuntut memilih kerjaya

BERAKAS, 25 Mei. — Perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah-sekolah dan maktab-maktab memainkan peranan penting dalam membentuk dan membantu penuntut-penuntut dalam memilih kerjaya yang mereka akan ceburi.

Peranan ini semakin ketara memandangkan teknologi maklumat yang semakin canggih, peluang-peluang pekerjaan yang semakin luas dan kehendak-kehendak pemilihan yang semakin spesifik.

Pengarah Jabatan Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan, Datin Hajjah Misi binti Haji Awang berkata tren perkembangan ini mengendaki penuntut-penuntut untuk menyediakan diri, untuk berupaya memilih mata pelajaran yang diperlukan dalam menuju ke arah pekerjaan yang bakal dipilih yang bukan saja kerana minat mereka bahkan yang akan memenuhi kehendak dan keperluan negara.

Berucap ketika membuka rasmi Kursus Bimbingan dan Kaunseling Bagi Guru-guru Kerjaya di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanah Bolkiah di sini.

Katanya pemilihan ini akan memerlukan bimbingan yang sempurna dan sistematik di semua peringkat bagi mengelakkan sebarang salah pilih dalam pembelajaran dengan kerjaya yang bakal dipilih.

"Dengan adanya bimbingan

yang sempurna dan sistematik ini penuntut-penuntut tidak akan teraba-raba dan sebaliknya akan mempunyai keyakinan dalam memilih bidang-bidang pekerjaan yang selaras dengan minat dan aspirasi mereka dan yang pentingnya bidang ini adalah juga selaras dengan keperluan dan kehendak negara," ujar beliau.

Dalam langkah memperbaiki diri penuntut katanya guru-guru yang terlibat dalam bimbingan dan kaunseling perlu menonjolkan peranan mereka dengan lebih positif.

"Guru-guru perlulah menunjukkan perhatian mereka kepada masalah-masalah pe-

Oleh
Dk. Saidah POA

nuntut-penuntut atau para remaja yang sedang membesar menerusi kaunseling peribadi untuk pemilihan kerjaya dan akademik," ujarnya lagi.

Beliau menambah matlamat pelajaran tidaklah semata-mata untuk menyediakan keperluan tenaga manusia negara ini saja tetapi juga untuk membolehkan seseorang itu memajukan dirinya sendiri untuk menjadi seimbang dan sempurna.

Oleh itu beliau berharap kursus tersebut akan dapat

memupuk rasa keinsafan dan kesedaran di kalangan para peserta kursus agar mereka mempunyai dedikasi yang tinggi, sentiasa bersedia, berinisiatif serta mempunyai semangat dan komitmen yang total dalam menjalankan pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah-sekolah dan maktab-maktab mereka masing-masing.

Di samping itu beliau juga berharap kursus itu akan menjadi satu tempat yang akan menghasilkan perancangan tindakan bagi menggubal strategi yang berkesan bagi semua pihak yang terlibat.

Ketua Unit Kaunseling dan

Bimbingan Bakat Kerja, Jabatan Sekolah-Sekolah, Awang Mohiddin bin Arjo yang juga selaku pengerusi majlis berkata pada masa ini perkhidmatan bimbingan dan kaunseling untuk pelajar-pelajar di sekolah-sekolah menengah dan maktab adalah penting memandangkan terdapatnya banyak masalah-masalah yang dihadapi di sekolah seperti masalah disiplin, ponteng sekolah, pengaruh dadah dan seumpamanya.

"Jika cikgu-cikgu ingin lebih berkesan sebagai pembimbing, mereka perlulah lebih banyak mendapat pengalaman dan pendedahan kepada kemahiran kemahiran, strategi dan teknik teknik kaunseling melalui latihan-latihan dan pengawasan yang berterusan," katanya.

Kursus yang diadakan selama lapan hari itu akan berakhir pada 4 Jun ini adalah anjuran bersama Unit Kaunseling dan Bimbingan Bakat Kerja, Jabatan Sekolah-Sekolah dan Institut Perkhidmatan Awam, Jabatan Perjawatan serta Bahagian Latihan, Jabatan Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan.

Seramai 42 peserta yang terdiri dari guru-guru kerjaya, guru-guru dan pegawai-pegawai yang ada hubungan dengan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling menghadiri kursus tersebut.

Sejak tahun 1988 kursus serupa itu telah diadakan sebanyak tiga kali yang semuanya bertujuan untuk memperingkatkan lagi pengetahuan dan kemahiran para peserta dalam bidang perkhidmatan bimbingan dan kaunseling.

Dua orang pensyarah telah diundang bagi mengendalikan kursus tersebut dan kandungan kursus adalah merangkumi keseluruhan kemahiran mengendalikan sebarang program bimbingan di sekolah.



SEBAHAGIAN daripada guru-guru yang menghadiri Kursus Bimbingan dan Kaunseling Bagi Guru-guru Kerjaya di Dewan Kuliah Stadium Negara Hassanah Bolkiah. — Gambar oleh Mesmalet HMA.

SEMPENA HARI KESIHATAN SEDUNIA 1992



MENTERI Kesihatan Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Johar berkesempatan menjelani rawatan kesihatan sejurus selepas melancarkan Hari Kesihatan Sedunia. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.



TIMBALAN Pengarah Perkhidmatan Perubatan, Dr. Awang Haji Latif menerangkan sesuatu kepada Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Johar mengenai pameran kesihatan. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

Permakanan kunci utama kurangkan risiko penyakit jantung koronari

PERMAKANAN ialah kunci yang penting untuk mengurangkan risiko kepada penyakit jantung.

Jenis-jenis makanan yang kurang elok seperti yang mengandungi lemak mudah menyempitkan dan menutup saluran pembuluh darah. Dari itu kurangkanlah pengambilan lemak secara keseluruhan terutama lemak tepu (saturated fats) dan kolesterol.

Daging, hasil daging, susu, tenusu, minyak sapi, minyak kelapa, santan, minyak kelapa sawit, keju, kuih-muih dan marjerin jenis beku adalah antara sumber lemak tepu yang patut dikurangkan dalam permakanan seharian.

Sumber-sumber kolesterol ialah seperti daging organ seperti otak dan hati, kuning telur, kerang-kerangan, mentega, minyak sapi dan lemak-lemak binatang.

Kurangkanlah pengambilan lemak dengan :

- Memanggang atau membakar makanan bukan menggoreng.

- Membuang lemak-lemak dari daging sebelum memasak.

- Menukarkan kepada marjerin dan lemak tak tepu (poly-saturated).

- Memilih kepada susu kurang lemak yang masih kaya dengan kalsium (tetapi bukan untuk anak damit).

- Mengurangkan atau mengelakkan santan dalam masakan.

- Mengubah tabiat suka makan kuih-muih goreng, berlemak dan bersantan.

- Mengubah selera kepada ikan, ayam, tahu dan jenis-jenis daging yang sedikit lemaknya.

Tekanan darah tinggi vs diet

Tekanan darah tinggi juga dikaitkan dengan serangan

penyakit jantung. Dari segi permakanan, pengambilan garam segar.

- Mengenali nama-nama lain untuk gula, sakros, glukos, dextros iaitu maltos, fruktos dan sirap.

Makanan yang baik bukanlah bererti mengurangkan pilihan anda tetapi adalah untuk mengimbangkannya. Asalkan pilihan permakanan kita sehari-hari itu pilihan bijak maka permakanan yang tidak digalakkan sekali-sekala itu tidak akan menjejaskan kesihatan.

Awda masih boleh memakan bijirin seperti beras, roti dan lain-lain makanan bersumber karbohidrat kompleks. Pengambilan buah-buahan dan sayuran adalah digalakkan sebagai sumber vitamin, galian dan seratbut.

Mengamalkan cara permakanan yang baik adalah salah satu cara untuk merendahkan risiko kita dari serangan penyakit jantung dan menuju ke arah kehidupan sihat.

BERAKAS, 24 Mei. — Sempena Hari Kesihatan Sedunia pada tahun ini, Kementerian Kesihatan telah mengadakan satu Forum Awam Mengenai Dengan Penyakit Jantung Koronari yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini hari ini.

Dalam forum tersebut pihak Kementerian Kesihatan telah mengundang dua orang pakar kardiologi dari Hospital Besar Kuala Lumpur, Malaysia iaitu Dato Dr. Robaiyah Zambahari dan Dr. Ahmad Nizzar Jamaludin mengenai penyakit tersebut yang antara lainnya mereka menerangkan aetiologi, tanda-tanda dan rawatan penyakit jantung koronari dan risiko, dan cara-cara mengelakkan penyakit jantung koronari dan demam rheumatik.

Dalam forum itu mereka menjelaskan bawah tidak seorang pun yang terkecuali dari



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Paduka Awang Haji Chuchu ketika menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang kuiz di majlis forum itu. — Gambar oleh Abdullah HAD.

diserang oleh penyakit kardiovaskular yang boleh menyerang sesiapa pun jika sekiranya langka untuk mencegahnya tidak diambil.

Penyakit kardiovaskular ini menyerang seseorang disebabkan

kan oleh kurang bersenam, merokok, berat badan dan berlebihan dan memakan makanan yang mengandungi lemak dan kolesterol yang berlebihan, kata mereka.

Cara yang paling berkesan dan murah untuk mencegahnya kata mereka ialah dengan mengikut cara hidup dan permakanan yang sihat dengan menjauhi dari merokok, kurang bersenam, berat badan yang berlebihan dan memakan makanan yang mengandungi lemak dan kolesterol yang berlebihan.

Mereka seterusnya menjelaskan bahawa tanda-tanda penyakit jantung koronari ini ialah seseorang itu akan merasa sakit dada atau sesak bernafas sama ada semasa rehat ataupun semasa membuat pergerakan. Apa yang paling ditakuti ialah sekumpulan pesakit boleh menemui maut tanpa sebarang tanda-tanda menghidap penyakit tersebut.

Majlis forum itu dipepergunakan oleh Dr. Haji Latif bin Haji Ibrahim, Timbalan Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan dibantu oleh dua orang doktor iaitu Dato Paduka Dr. A.S. Sinnaatambay, Pakar Perubatan dan Dr. T.K. Chhan, Pakar Penyakit Kanak-Kanak.

Sesi soal jawab juga diadakan yang berhubung kait dengan penyakit jantung koronari dan juga diselenggarakan dengan penyampaian hadiah kepada para pemenang kuiz yang disempurnakan oleh tetamu kehormat Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Paduka Awang Haji Chuchu bin Penglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah.

Pameran mengenai dengan penyakit jantung koronari dan pemeriksaan kesihatan kepada orang ramai juga diadakan pada hari itu.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Paduka Awang Haji Chuchu dan pegawai-pegawai kanan kerajaan yang lain ketika mendengar ceramah mengenai penyakit jantung koronari yang disampaikan oleh penceramah undangan dari Malaysia. — Gambar oleh Abdullah HAD.

SEMPENA HARI KESIHATAN SEDUNIA 1992



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Johar bin Dato Paduka Haji Noordin ketika bersalam-salaman dengan para peserta yang menyertai senaman gerak badan di Kompleks Sukan Balapan dan Padang, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas sempena Hari Kesihatan Sedunia 1992.

1,000 orang menyertai senaman gerak badan

Oleh Bolhassan HAB
gambar-gambar
oleh Harun Rashid

BERAKAS, 24 Mei. — Lebih 1,000 orang yang mewakili kementerian, jabatan-jabatan kerajaan, Brunei Shell dan sektor swasta menyertai senaman gerak badan di Kompleks Sukan Balapan dan Padang, Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini.

Senaman ala aerobik selama kira-kira 30 minit itu dikendalikan oleh para pegawai dari Pusat Perubatan Sukan, Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan.

Acara senaman gerak badan yang diselenggarakan dengan sukan ria dianjurkan oleh Kementerian

an Kesihatan sebagai salah satu aktiviti sempena Hari Kesihatan Sedunia.

Senaman gerak badan dan sukan ria itu dilancarkan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Awang Haji Johar. Dalam sukan ria enam acara yang ada kaitannya dengan penyakit jantung koronari dipertandingkan.

Para peserta telah diberikan secara percuma kemeja — T berserta tuala yang berlogo Hari Kesihatan Sedunia tahun ini yang bertemakan 'Degupan Jantung — Irama Kesihatan'.

Sementara itu para pegawai dari Kementerian Kesihatan telah mengadakan pemeriksaan kesihatan bagi mengesan penyakit jantung koronari untuk pegawai-pegawai dan kakitangan kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.

Pemeriksaan kesihatan yang bermula pada hari Isnin, 25 Mei lepas itu diadakan di tingkat bawah, Kementerian Perhubungan.

SOAL JAWAB KESIHATAN

BERSEMPENA dengan Sambutan Hari Kesihatan Sedunia pada tahun ini, Kementerian Kesihatan telah menyediakan Ruangan Soal Jawab Kesihatan. Soalan-soalan dalam ruangan ini adalah dari orang ramai sementara jawapannya disediakan oleh Pegawai Perhubungan Kementerian Kesihatan.

Soalan :

Saya berumur 24 tahun, tidak merokok, dan tidak terlalu gemuk. Masalah saya ialah saya selalu merasa sakit pada sebelah dada kiri. Ianya selalu berlaku pada waktu pagi selepas bangun daripada tidur. Sakit ini kadangkala terasa juga apabila melakukan kerja-kerja yang banyak memerlukan pergerakan. Ianya akan hilang apabila dibawa berehat. Kadangkala ianya akan melarat ke belakang, bahagian bahu saya. Apakah ini tanda-tanda penyakit jantung atau hanya mengakibatkan otot (muscle) sahaja. Ianya berlaku juga apabila batuk yang terlalu lama.

Kiriman daripada :

Awang Sabri bin Haji Ering,
No : 79, Simpang 44,
Kampung Menglait 3080,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

Gejala-gejala yang Awang hidapi adalah merupakan sakit dada biasa yang disebabkan oleh sakit otot atau urat saraf; yang berlaku selepas keletihan, batuk dan kadangkala semasa berehat. Sakit dada selalunya diikuti dengan rasa sakit ke atas dada apabila ditekan, dan tidak diikuti oleh gejala-gejala sakit jantung seperti susah bernafas, berpeluh, pening kepala, lemah atau jantung berdebar. Sakit dada biasa selalu-

nya terdapat di golongan muda-mudi, yang berlaku selepas jangkitan virus, selepas senaman yang berlebihan atau tanpa sebarang sebab. Ianya akan hilang selepas berehat dan memakan ubat menahan sakit. Tetapi jika sakit ini berlarutan atau membimbangkan Awang, silalah berjumpa dengan doktor.

Soalan :

Apakah tanda-tanda dan punca-punca utama Penyakit Jantung Koronari?
Kiriman daripada :
Awang Morsani bin Mohamad,
Pejabat Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan,
Kuala Belait,
Negara Brunei Darussalam.

Tanda-tanda yang biasa bagi penyakit jantung koronari ialah angina atau sakit di bahagian tengah dada. Angina biasanya diikuti dengan berpeluh, sesak nafas, jantung berdebar, rasa mual atau muntah, pening kepala atau pengsan. Walau bagaimanapun, sakit ini kadangkala hanya ringan atau tidak ada sama sekali. Tanda-tanda lain termasuk kematian mengejut, serangan jantung (heart attack) dan 'dysrhythmia' atau irama jantung yang tidak normal.

Punca-punca utama penyakit jantung koronari ialah :

1. Keturunan.
2. Berat badan berlebihan.
3. Tekanan darah tinggi.
4. Kencing manis.
5. Paras kolesterol dan lemak yang tinggi.
6. Tabiat merokok.
7. Kurang bersenam.
8. Tekanan perasaan.
9. Pernah menghidap penyakit jantung atau strok.

Soalan :

Saya telah menghidap sakit dada sebelum ini, dan telah menjalani pembedahan 'bypass' di Singapura. Saya masih memakan ubat bagi penyakit kencing manis dan untuk paras kolesterol tinggi. Semasa pembedahan, saya tidak lagi menghidap sakit dada. Adakah ini bererti saya telah sembuh dan tidak akan terkena lagi serangan jantung?

Serangan jantung terjadi apabila pembekalan darah ke bahagian jantung terhenti atau tidak mencukupi; yang mana bahagian jantung itu akan berhenti. Ini berlaku apabila pembuluh darah tersumbat oleh ketulan darah, timbunan kolesterol atau disebabkan oleh spasma pembuluh darah. Pembedahan 'bypass' dilakukan untuk membuang atau membuat saluran lain di bahagian pembuluh darah yang telah tersumbat. Oleh sebab faktor-faktor penyebab seperti kencing manis dan paras kolesterol yang tinggi masih terdapat, bahagian-bahagian pembuluh darah boleh tersumbat lagi. Ini bererti sakit dada dan serangan jantung boleh dan telah terjadi selepas pembedahan 'bypass'. Perkara yang penting yang perlu diingati di sini ialah supaya faktor-faktor risiko mesti terus dielakkan walaupun selepas menjalani pembedahan 'bypass'.



PEMERIKSAAN kesihatan secara percuma bagi pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan telah diadakan sempena Hari Kesihatan Sedunia 1992 yang bertemakan 'Degupan Jantung — Irama Kesihatan' (Gambar atas dan bawah).



PARA peserta menjalani senaman gerak badan dengan dikendalikan oleh pegawai dari Pusat Perubatan Sukan, Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan.

Dasar kerajaan sentiasa terbuka terhadap pengaliran maklumat dari negara luar

GADONG, 30 Mei. — Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Ustaz Haji Awang Badaruddin menegaskan, kebanyakan pelbagai suratkhbar dan majalah luar negeri ke negara ini memperlihatkan dasar terbuka Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap pengaliran maklumat dari negara-negara luar untuk menjadi bahan bacaan orang ramai yang dipasarkan.

Di negara kita pada masa ini, jelas Yang Dimuliakan, terdapat tidak kurang lapang atau sembilan suratkhbar harian dan hampir dua puluh suratkhbar serta majalah mingguan dan bulanan luar negeri yang dipasarkan.

"Jumlah tersebut adalah mengatasi bilangan jenis-jenis akhbar dan majalah yang terdapat dalam pasaran mana-mana ibu kota negara-negara rantau kita ini," ujar Yang Dimuliakan.

Menurut Yang Dimuliakan, jika kita menerima pendapat yang mengatakan bahawa akhbar dan majalah - seperti jua media-media massa yang lain - adalah mendedahkan corak dan aliran pemikiran tertentu kepada masyarakat, maka sekurang-kurangnya kita juga dapat membuat andaian bahawa orang ramai di negara ini yang membaca suratkhbar-suratkhbar dan majalah asing itu adalah juga

Oleh
Abd. Karim HAB

terdedah kepada corak dan aliran pemikiran yang tidak semestinya sama dengan corak dan aliran pemikiran kita di negara ini.

Walau bagaimanapun, sama ada hal itu wajar atau sebaliknya dan apakah hal itu sihat atau sebaliknya - tertakluk kepada sejauh mana masyarakat kita mempergunakan maklumat, fikiran dan pendapat yang mereka baca dari penerbitan-penerbitan asing itu untuk meningkatkan keupayaan berfikir secara rasional. Tegaknya, berfikir secara rasional itu antaranya ialah melihat dan memahami sesuatu persoalan atau isu mengikut perspektifnya yang sebenar.

"Dengan demikian orang ramai di negara ini yang terdedah kepada maklumat, kepada fikiran dan pendapat mengenai sesuatu isu menerusi pembacaan dari penerbitan-penerbitan asing itu tidak akan mudah terpengaruh secara total kepada corak dan aliran fikiran asing jika mereka mampu membezakan sesuatu isu yang mereka baca itu dari isu-isu setempat yang berbangkit di kalangan kita di negara ini. Malah ianya dalam jangka panjang akan

menguntungkan kita jika lebih ramai anggota masyarakat kita yang terdedah kepada penerbitan-penerbitan asing itu membuat perbandingan secara rasional dengan isu atau persoalan setempat berdasarkan keadaan dan suasana setempat, berbandukan nilai serta norma sosial dan politik negara kita sendiri," kata Yang Dimuliakan.

Dalam hal ini, tambah Yang Dimuliakan, setiap bahagian dari masyarakat kita mustahak mempunyai kesedaran yang tinggi bahawa mereka adalah komponen negara ini dan terlibat pula 'committed' kepada nilai serta norma sosial dan politik negara kita sendiri.

"Masyarakat Cina adalah tidak terkecuali dari diperlukan sedemikian itu yang mana kita mendapati sejauh ini mereka (masyarakat Cina di negara ini) adalah bersikap positif ke arah itu," kata Yang Dimuliakan ketika berucap di Majlis Ulang Tahun Ke-35 Akhbar 'Miri Daily News' di Riverview Inn di sini.

Yang Dimuliakan seterusnya menekankan, dengan kesedaran yang tinggi sebagai anggota komponen negara dan terlibat pula kepada nilai serta norma sosial dan politik negara, kita tidak akan lemah berhadapan dengan sebarang pengaruh luar. Tambahan pula jika pengaruh luar itu berupa corak dan aliran pemikiran serta sikap yang benar-benar asing bagi corak dan aliran serta sikap masyarakat kita.

"Maka dalam keadaan di mana kita di negara ini dibanjiri oleh berbagai-bagai penerbitan asing, kawalan kerajaan ke atasnya adalah dengan tujuan supaya ianya tidak menjejaskan keselamatan negara, menjejaskan ketenteraman awam dan tidak melemahkan moral rakyat," tegas Yang Dimuliakan.

Mengenai akhbar berkenaan, Yang Dimuliakan berharap, pimpinan akhbar itu akan sentiasa berusaha memastikan supaya ia tetap dalam batas sebagai akhbar yang bertanggungjawab dalam makna ianya mempunyai komitmen terhadap keamanan dan keselamatan khasnya memelihara kemantapan sosial, politik dan ekonomi bukan saja di negara ini diterbitkan bahkan di Negara Brunei Darussalam di mana ia diedar dan dipasarkan.

Di majlis itu, Yang Dimuliakan selaku tetamu kehormat telah memotong kek sempena ulang tahun berkenaan.

'Miri Daily News' adalah sebuah akhbar berbahasa Mandarin yang diterbitkan di negara jiran tetapi mempunyaiedaran di negara ini yang mencapai kira-kira 6,000 naskhah setiap hari.



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Dr. Haji Ismail bin Pengiran Haji Damit menyaksikan sebahagian daripada barang-barang kemas yang dipamerkan selurus selepas merasmikan Ruang Pameran Diamond Industries (Brunei) Sendirian Berhad. — Gambar oleh Amat Moksin.

Meningkatkan perusahaan seni pertukangan tangan orang Brunei

Dari muka 1

Seni pertukangan tangan mempunyai kedudukan yang tinggi di dalam masyarakat kita yang mana pada ketika itu kerja-kerja pertukangan dijalankan oleh golongan-golongan aristokrat di negara ini yang banyak menghasilkan kerja-kerja pertukangan yang bermutu tinggi dan dapat dijadikan sumber pendapatan yang lumayan.

"Walau bagaimanapun, kegiatan dalam bidang seni pertukangan tangan ini pernah menurun dalam beberapa dekad yang lalu sehingga Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terpaksa mengambil langkah-langkah positif untuk menghidupkan semula kegiatan-kegiatan," kata Yang Berhormat.

Menteri Pembangunan seterusnya menambah, dengan adanya langkah-langkah positif itu terwujudlah Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei sejak beberapa tahun yang lalu dengan hasrat untuk menyelamatkan seni pertukangan tangan dari hilang ditelan zaman.

Penubuhan Syarikat Diamond Industries (Brunei) Sendirian Berhad adalah sebagai satu lagi 'milestone' dalam peningkatan perusahaan seni pertukangan tangan Brunei.

Syarikat yang boleh dianggap sebagai 'pioneer' dalam perusahaan tangan barang-barang kemas Brunei itu bukan sahaja mempunyai dua orang pemegang saham utama.

Selain dari mengikut corak-corak dan rekabentuk tradisional kebruneian dalam menghasilkan barang-barang kemas, Yang Berhormat Menteri Pembangunan seterusnya berharap para pengusaha akan dapat mengubah corak-corak dan rekabentuk baru yang mencerminkan kehidupan dan citarasa orang Brunei pada masa kini berasaskan corak-corak tradisional.

Terdahulu sebelum itu, Pengarah Urusan Diamond Industries (Brunei) Sendirian Berhad, Datin Hajjah Edah binti Haji Mohd. Noor dalam ucapan alu-aluannya antara lain menjelaskan bahawa syarikat itu adalah merupakan usahasama di antara pelabur-pelabur daripada Singapura dan Negara Brunei Darussalam.

Tujuan utama syarikat itu, katanya, adalah sebagai penggerak permulaan untuk memperdagangkan barang-barang emas dan perak untuk pasaran dalam negeri.

Bagaimanapun syarikat itu dalam perancangan jangka panjangnya, berhasrat untuk melaksanakan pembuatan barangan kemas secara menyeluruh di dalam negeri bukan sahaja untuk pasaran tempatan juga untuk dipasarkan ke luar negeri.

Dari muka 1

Sebelum berangkat balik, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah berkenan menandatangani buku keberangkatan dan seterusnya lagu kebangsaan Negara Brunei Darussalam dinyanyikan.

Juga berangkat di majlis tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral Pengiran Haji Ibnu, Timbalan Menteri Pertahanan.

Hadir sama termasuklah Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Dato Paduka Awang Sidek bin Yahya dan Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Karim.

Dari muka 5

kejayaan perlaksanaan rangka kerjasama yang dijalin menerusi MOU yang ada pada masa ini sambil meningkatkan keupayaan dalam negeri dalam penerbitan rancangan-rancangan radio dan tv, dan dari segi peningkatan infrastruktur yang berkaitan dengannya.

"Dalam masa yang sama, pihak Negara Brunei Darussalam tentu saja akan memberi perhatian kepada apa jua pemikiran dan cadangan pihak Singapura bagi kerjasama baharu di bidang penyiaran, sama ada berupa kerjasama dua hala atau kerjasama yang lebih luas dengan lain-lain negara dalam ASEAN," jelas Yang Dimuliakan.



SETIAUSAHA Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Haji Othman memotong kek sempena ulang tahun ke 35 akhbar 'Miri Daily News'. — Gambar oleh Amat Moksin.

مشراكة سية دان چركس نادي قمبراغونن نكارا

MASYARAKAT SIHAT DAN CERGAS NADI PEMBANGUNAN NEGARA

دوتريتنك اوله جياتن فرائغن، جياتن فردان منترى دان دجيتق اوله جياتن فرجيتقش كراجان، كمتريتن اولدوغ، نكارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, Negara Brunei Darussalam